

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 47	Isnin	17 Julai 2006
----------------	--------------	----------------------

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA :

Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 &
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (Halaman 27)

USUL:

- Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Mengkaji Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 (Halaman 27)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 54)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 129)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

**Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Mengkaji Sistem Urus
Tadbir Kewarganegaraan Di Malaysia**

- *Y.B. Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]* (Halaman 129)

Peranan Malaysia Di Sri Lanka Diperlukan

- *Y.B. Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]* (Halaman 134)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin 17 Julai 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYURAN TUAN YANG DIPERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006; dan
- (ii) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan cara-cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh golongan nelayan khasnya nelayan di kawasan Johor Selatan seperti berikut:-

- (a) Industri Petrokimia di Tanjung Langsung dan Tanjung bin telah membawa gangguan yang besar kepada para nelayan terhadap penangkapan mereka; dan
- (b) Pulau Buatan dan Jana kuasa Arang Batu di Tanjung Bin telah membawa kemusnahan sumber ikan di kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Tanjung Langsung terdapat seramai 61 orang nelayan, manakala di kawasan Tanjung Bin tidak ada nelayan. Walau bagaimanapun di sekitar kawasan Tanjung Bin terdapat tiga lokasi perkampungan nelayan yang meliputi 44 orang di Sungai Cengkeh, 8 orang di Sungai Dinar dan 25 orang di Sungai Boh.

Nelayan yang terlibat telah diberi sugu hati yang sewajarnya kerana kehilangan sumber pendapatan dan pekerjaan secara jangka pendek. Bagi penyelesaian seterusnya nelayan-nelayan ini digalakkan menukar kerjaya seperti berikut:

- (i) menyertai skim projek ternakan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seperti projek

yang dijalankan LKIM, Jabatan Perikanan dan Pertubuhan Peladang kawasan

- (ii) nelayan juga akan diberi keutamaan sekiranya terdapat peluang pekerjaan yang sesuai dengan projek yang dilaksanakan seperti industri petrokimia dan jana kuasa arang batu yang dibangunkan di tempat mereka; dan
- (iii) mendapatkan peluang pekerjaan di sektor lain seperti perkilangan di tempat mereka.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah adakah pegawai-pegawai kementerian melakukan sebarang pemeriksaan dan pemantauan dari masa ke semasa efluen yang dilepaskan oleh kilang-kilang petrokimia dan kilang-kilang lain untuk memastikan efluen yang mengandungi sisa toksik tidak dilepaskan ke sungai dan mencemarkan air laut di sepanjang pantai di kawasan tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Jabatan Perikanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan sentiasa mengadakan pertemuan dengan nelayan-nelayan yang menjadi ahli persatuan nelayan. Kita sentiasa mendapat maklumat berhubung dengan keadaan perkampungan nelayan dan sebagainya. Mengenai dengan apakah kita mengadakan pemantauan berhubung dengan perbuatan-perbuatan oleh syarikat-syarikat ataupun pekilang-pekilang yang tidak bertanggungjawab melepaskan sisa toksik ke dalam laut, ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian.

Walau bagaimanapun kita sentiasa bekerja rapat dengan kementerian-kementerian lain agar diambil tindakan kerana perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini sudah tentu akan menjejaskan tangkapan para nelayan dan menjejaskan pendapatan mereka.

2. **Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan kewangan, implikasi undang-undang dan kesan moral kepada negara hasil daripada pembatalan jambatan bengkok yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, kerajaan setelah menimbang pelbagai aspek termasuk aspek politik, kewangan dan sentimen rakyat secara keseluruhan berpuas hati yang pembatalan pembinaan jambatan bengkok secara unilateral oleh Malaysia tidak mempunyai implikasi dari segi undang-undang antarabangsa.

Sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat serta memainkan peranan pimpinan di peringkat dua hala dan pelbagai hala, Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada obligasi-obligasi hak dan kepentingan-kepentingannya di bawah undang-undang antarabangsa,

perjanjian-perjanjian dan prinsip-prinsip yang merangkuminya. Sebaliknya implikasi undang-undang antarabangsa akan timbul sekiranya Malaysia sewenang-wenangnya melakukan tindakan secara unilateral untuk membina jambatan bengkok tanpa mengambil kira obligasi, prinsip dan keperluan undang-undang antarabangsa dengan izin Tuan Yang di-Pertua seperti, 'precaution' approach, prinsip *good neighborliness*, peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen Undang-undang Laut 1982 (*United Nation Convention of the Law of the Sea 1982*), Perjanjian-perjanjian Air Johor-Singapura 1961 dan 1962, Perjanjian Wayleave dan Perjanjian Pemisahan 1965 antara Singapura dan Malaysia.

Mengenai implikasi kewangan, berikutan penamatan kontrak tersebut, Jabatan Kerja Raya sedang mengkaji jumlah keseluruhan kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan termasuk pembayaran pampasan berdasarkan justifikasi dan pengesahan dokumen yang relevan. Buat masa ini jumlah ini masih belum dimuktamadkan, namun ia tidak melebihi kos pembinaan jambatan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan bagi pembinaan Kompleks CIQ baru jambatan bengkok dan jambatan kereta api baru, KTM di Selat Johor di dalam sempadan Malaysia mengikut kontrak yang diberikan adalah sebanyak RM2.379 bilion iaitu RM1.266 untuk kompleks CIQ dan RM1.113 bilion bagi pembinaan jambatan bengkok dan jambatan Kereta Api Tanah Melayu. Dengan tidak meneruskan pembinaan jambatan bengkok dan jambatan Kereta Api KTM yang melibatkan pelbagai ketidakpastian kerajaan dapat menyelamatkan perbelanjaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi moral, Malaysia telah menunjukkan pendirian dan imej yang baik dengan menghormati prinsip, undang-undang dan perjanjian-perjanjian antarabangsa. Di samping itu, Malaysia telah mengambil kira suara dan kepentingan rakyat Malaysia serta hak dan kepentingan negara jiran. Malaysia juga telah membuat keputusan sendiri berdasarkan kepentingan negara tanpa dipengaruhi oleh negara asing atau didorong oleh kehendak dan permintaan luar.

Kerajaan akan menghadapi pelbagai komplikasi kewangan undang-undang sekiranya kita meneruskan pembinaan jambatan bengkok yang melibatkan pelbagai ketidakpastian dari segi undang-undang dan kewangan. Oleh itu kerajaan membuat keputusan yang dianggapnya wajar mengikut keadaan semasa. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang telah memberi jawapan. Daripada antara alasan-alasan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan adalah tentang penjualan pasir dan juga memelihara ruang udara daripada digunakan oleh tentera Singapura. Soalan yang ingin saya timbulkan, apakah benar ada setengah pihak yang menyatakan hasil daripada keuntungan pasir itu sendirilah yang menjadi punca di mana pembatalan ini sebenarnya dibuat. Ingin jawapan daripada menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini terkeluar tetapi untuk penjelasan sebagaimana yang kita telah membuat penerangan, penjelasan melalui keluaran dan kenyataan yang bertulis ia menunjukkan bahawa Singapura sebagai timbang balas kalau kita hendak jambatan, mereka mahukan ruang udara dan pasir. Ruang udara dan pasir ini bukan permintaan daripada Malaysia atau menjadi *trade of Malaysia* tetapi daripada Singapura. Oleh itu, kita menganggap bahawa keputusan ini adalah tepat, kita tidak perlu tunduk kepada kemahuan mana-mana negara maka kita membuat keputusan untuk membatalkannya.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tebraulah, tempat dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya Johor, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tebrau menepati sikit. [*Ketawa*]

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu pentingnya masalah kesesakan di Tambak Johor diselesaikan selama-lamanya dengan satu cara atau lain untuk memastikan kerana *system commuting* yang licin amat penting untuk meningkatkan ekonomi negeri Johor khususnya ekonomi golongan peniaga di Johor Baharu.

Soalan saya, selain daripada jambatan adakah kerajaan sedang atau akan memikirkan cara hubungan yang lain termasuk *bullet train* yang telah disarankan oleh sebuah syarikat swasta kebelakangan ini untuk memberi satu sistem pengangkutan yang lebih berkesan kepada rakyat. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab yang kerajaan telah berikan ialah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas lebih-lebih lagi pada masa hujung minggu, hari Sabtu atau hari Ahad tetapi perkembangan dan pembangunan negeri Johor tidak bergantung semata-mata kepada kita membina jambatan itu. Oleh itu, kita kena menyelaraskan pembangunan sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kerajaan untuk membina Koridor Selatan, untuk membangunkan aktiviti Johor, di Selatan Johor dan juga kita berharap dengan kita membuat satu jalan untuk menyambung tambak maka ia akan memperbaiki aliran trafik daripada satu tempat ke satu tempat. Di masa yang sama kita perlu melihat bagaimana kita boleh meningkatkan lagi kegunaan link kedua untuk menentukan perjalanan lancar dan dapat diteruskan dengan baik bagi kepentingan rakyat negeri Johor dan Malaysia secara amnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, satu soalan lagi Yang Berhormat kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Kemudianlah tidak apa. Sudah banyak diperkatakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini kerana Menteri Luar kita ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara ini sudah banyak diperkatakan, ya. Sila Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

4. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan kecemerlangan akademik dalam pengajian dan pembelajaran di universiti-universiti dapat dipulihkan dan dipertingkatkan.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Timbalan Rektor dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar dan Pemimpin Pelajar daripada KUiTTHO. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa berusaha untuk memastikan kecemerlangan akademi di universiti-universiti dapat ditingkatkan secara berterusan. Kerajaan amat komited untuk meningkatkan lagi prestasi di universiti kita ke tahap yang lebih komparatif supaya beberapa universiti kita setanding dengan universiti di luar negara.

Di antara langkah-langkah utama yang sedang dan telah diambil ke arah ini adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan jawatankuasa tertinggi dinamakan Jawatankuasa Transformasi yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang industri, akademik, ahli politik, badan bukan kerajaan dan tokoh ilmuwan yang lain untuk merangka strategi pengajian tinggi bagi pembangunan modal insan berdasarkan misi nasional di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan;
- (ii) mewujudkan rangka-rangka kelayakan Malaysia untuk memastikan jaminan kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara berterusan;
- (iii) mempertingkatkan akses kepada pengajian tinggi dengan membangun dan menambah baik kemudahan prasarana dan perkhidmatan sokongan pengajian tinggi dan di bawah RMK-9 kementerian telah diperuntukkan kira-kira RM18.4 bilion. Daripada jumlah tersebut RM16.07 bilion adalah merupakan pembiayaan pembangunan secara langsung atau *development expenditure* dan RM2.34 bilion melalui *initiative* PFI;
- (iv) menggiatkan lagi aktiviti R&D dengan menaik taraf empat buah universiti kepada universiti penyelidikan;

- (v) mempertingkatkan program pengantarabangsaan dengan memperkukuhkan jaringan dan mewujudkan jalinan serta perjanjian kerjasama dengan *stockholders* pengajian tinggi, di samping mempergiatkan promosi pengajian tinggi negara luar negeri;
- (vi) mempertingkatkan kualiti pengajaran dengan menyediakan kemudahan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D atau setaraf. Selain itu, sebuah akademi pengajian tinggi untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran akan ditubuhkan di bawah RMK-9;
- (vii) memantapkan kurikulum dalam bidang IT dan lain-lain supaya sesuai dengan permintaan; dan
- (viii) menyemak atau meminda akta dan peraturan pengajian tinggi mengikut keperluan jangka panjang untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif.

Kerajaan yakin dengan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil ini kecemerlangan akademik dalam pengajian dan pembelajaran di universiti tempatan akan dapat dipertingkatkan di masa akan datang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Menteri, adakah kerajaan sedar di akhir-akhir ini boleh dikatakan sebahagian besar pelajar-pelajar yang aktif dihalang dan diugut oleh pemimpin-pemimpin UMNO sampai peringkat menghadiri diri dalam kampus... [*Disorak*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua, dia sangkaan buruk kepada parti UMNO. Yang Berhormat selalu macam itu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun [Rantau Panjang]: Memang sangkaan buruk kepada parti UMNO. Betul! Sangkaan buruk kepada UMNO tetapi bukan kepada Ahli Dewan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa ini, Pas ini baik tang mana sangat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bukan kepada Ahli Dewan tetapi Yang Berhormat tidak kena, betul. Memang sangkaan buruk ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, sangkaan buruk, jahatlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Adakah kerajaan sedar di akhir-akhir ini sebahagian besar pelajar-pelajar kita ditekan, diugut pelbagai cara oleh pemimpin-pemimpin khususnya pemimpin UMNO, sehingga pelajar-pelajar ini tidak boleh bergerak cergas di dalam persatuan-persatuan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pemimpin PAS baling batu pada polis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Dengar dahulu, jangan ganggu. *This is my floor. Don't interrupt me.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Floor, floor* juga tetapi jangan cakap bohong.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ini betul.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, berikan soalan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sehingga pelajar-pelajar ini, yang aktif dalam persatuan, calon-calon untuk bertanding di dalam sesuatu persatuan juga ditapis oleh sebahagian besar mereka yang menjadi dalang kepada UMNO ini yang menyebabkan pelajar-pelajar yang aktif yang suka mengkritik kerajaan, suka memperbetulkan kerajaan tidak boleh duduk di dalam *exco* pimpinan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Apakah cara seperti ini boleh menghalang kelemahan, kecemerlangan pelajar-pelajar itu sendiri di universiti- universiti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah kenyataan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang itu merupakan tuduhan yang melulu [*Tepuk*] dan sangkaan buruk daripada pihak Yang Berhormat. Kalau hendak dapat kepastian, lepas ini Yang Berhormat boleh jumpa dengan pelajar-pelajar kita daripada KUITO yang ada di sana. Tanya mereka sama ada mereka ditekan ataupun tidak, ya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar pelajar-pelajar ditekan. Kita tidak pernah mengenakan tekanan dan pelajar-pelajar boleh menyertai pilihan raya kampus dan memang ada kita tahu beberapa penyokong-penyokong parti pembangkanglah yang bergerak di kampus dan menawarkan diri untuk bertanding pilihan raya kampus.

Jadi, kebebasan itu ada dan kita tahu bahawa bukan semua ahli NPP dalam negara kita ini bukan semuanya bersetuju dengan segala tindakan kerajaan, jadi saya hendak tekankan di sini bahawa di kampus ada demokrasi dan calon-calon ditapis dan dari segi kelayakan akademiknya, kesesuaian mereka. Kalau mereka yang kurang cemerlang umpamanya menjadi pemimpin pelajar ini akan membawa parah dan padah kepada universiti-universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak pembangkang tidak akan melemparkan tuduhan melulu kepada universiti dan adalah tidak benar bahawa pelajar-pelajar tertekan dan ini telah menjejaskan prestasi akademi mereka.

Dalam pada itu, saya ingin menekankan di sini bahawa seperti Yang Berhormat sedia maklum, kita sekarang ini sedang berbincang dengan semua pihak di negara kita Malaysia untuk meminda beberapa peruntukan dalam AUKU bertujuan untuk memberi sedikit kelonggaran kepada pelajar-pelajar kita supaya mereka boleh bergerak dalam kegiatan tertentu dan insya-

Allah rang undang-undang mengenai perkara ini akan kita bentangkan untuk pertimbangan Parlimen dalam sesi yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk memastikan ada kecemerlangan akademik, bukankah mustahak bahawa kita mengadakan kurikulum yang *high quality* yang ada diakui sebagai hati sistem pengajian tinggi. Baru-baru ini ada kurikulum yang baru mengenai hubungan etnik di mana tidak ada sebelah pihak bias di mana sebagai contohnya, rayuan Suqiu adalah disifatkan sebagai pelampau, rusuhan Taman Merdeka disalahkan kepada orang India, peristiwa 13 Mei adalah disalahkan kepada DAP. Bukankah ini menunjukkan bahawa tidak ada satu kurikulum yang *high quality* yang boleh membenarkan satu kecemerlangan akademik. Bolehkah ini disiasat supaya perkara-perkara ini diberhentikan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kurikulum di universiti sentiasa diubahsuai dari semasa ke semasa dan hari ini kita memang kurikulum di negara kita baik dan kita akan meneruskan usaha untuk meningkatkan lagi kualiti kurikulum negara kita supaya mutu universiti kita, keluaran graduan di negara kita akan bertambah baik dari semasa ke semasa.

Mengenai fakta-fakta yang disebut ataupun kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi, adalah di antaranya fakta sejarah. Yang keduanya adanya beberapa perkara yang dengan izin *subject to interpretation* ataupun boleh dibuat analisis oleh pihak-pihak tertentu yang sejarah tidak boleh kita ubah sama ada 13 Mei, peristiwa di Taman Medan ataupun Suqiu. Ini semua telah berlaku dan sejarahnya ada dan kita tidak boleh mempertikaikan sejarahnya dan kalau boleh kita mengimbas kembali mamang ada beberapa tuntutan yang dibuat oleh Suqiu itu melampau dan melanggar peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan, mempertikaikan perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh kita semua dalam perlembagaan negara. Maka yang disebut mengenai Suqiu itu, kita merasakan adalah tepat.

Jadi, ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, ada fakta sejarah yang tidak boleh diubah. Yang keduanya ada beberapa perkara yang dengan izin *subject interpretation*, penganalisisnya boleh membuat interpretasi sendiri tentang fakta yang berlaku dan kerajaan berpendirian bahawa perkara-perkara yang telah disebutkan tadi adalah benar dan dalam pada itu kita akan menyemak perkara-perkara yang jika ada yang tidak benar, maka kerajaan sanggup untuk membuat pengubahsuaian sewajarnya.

4. Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap] minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah perkembangan NAM News Network (NNN) dan negara manakah yang telah mula melanggan berita-berita daripada NNN ini.

Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, NAM News Network atau NNN ialah entiti baru perkongsian berita di kalangan 116 anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua *Non-Aligned Movement*. NNN

ialah hasil daripada persidangan keenam para Menteri Penerangan NAM yang berlangsung di Kuala Lumpur pada November 2005.

NNN telah pun secara rasmi dilancarkan oleh Menteri Penerangan Malaysia pada 27 Jun 2006 di Kuala Lumpur. Dua bulan sebelum itu, suatu mesyuarat berlangsung juga di Kuala Lumpur di mana para Ketua Pengarah agensi berita rasmi negara-negara NAM mengikut rantau Asia-Afrika dan Amerika Latin bersetuju sebulat suara untuk mematuhi serta menerima pakai Dasar Editorial dan Garis Panduan Editorial NNN serta prosedur operasi yang lain.

Dalam tempoh yang sama, laman *web* NNN iaitu www.namnewsnetwork.org diaktifkan dan boleh dilayari seantero negara-negara NAM dan dunia amnya asalkan ada hubungan *internet*.

Pada purata 60 hingga 80 berita termasuk berita bergambar dimuatkan dalam portal berita NNN itu. Buat masa ini lebih daripada 35 agensi berita dari negara-negara NAM menyumbang berita dan gambar kepada NNN. Agensi-agensi berita ini termasuk :

- i. ANTARA – Indonesia;
- ii. APP – Pakistan;
- iii. AGS – Algeria;
- iv. APS – Senegal;
- v. BERNAMA – Malaysia;
- vi. BBS – Bangladesh;
- vii. War News - Afrika Selatan;
- viii. INA – Ethiopia;
- ix. GNA – Ghana;
- x. IRNA – Iran;
- xi. KBC – Kenya;
- xii. KUNA - Kuwait;
- xiii. MINA – Mesir;
- xiv. PRINSA – Latin Cuba;
- xv. SANA – Syria
- xvi. SPA – Arab Saudi;
- xvii. SUNA – Sudan;
- xviii. TNA – Thailand;
- xix. VNA – Vietnam;
- xx. WAM – Emeriah Arab Bersatu; dan
- xxi. ZANIS – Zambia.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Sebagaimana yang kita ketahui wujudnya NNN ini adalah bagi menggantikan NANAM yang telah ditubuhkan yang sudah gagal agaknya. Kita tidak tahu apakah sebab musababnya.

Oleh itu, apakah usaha-usaha yang telah atau akan dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan NNN ini tidak gagal lagi dan seterusnya mendapat sambutan penyertaan daripada semua negara-negara anggota agar berita yang tepat dapat disebarkan ke seluruh dunia terutama anggota-anggota NAM dan berapa kos untuk membiayai program berkenaan dan

siapakah yang menanggung kos yang kita tidak tahu berapa jumlah setakat ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kos pelancarannya ditanggung oleh BERNAMA sebanyak RM1.2 juta – *launching grant* dan mengenai masa depan NNN saya rasa kita mempunyai masa depan yang cerah bergantung kepada keadaan atau senario dunia sekarang ini. Pertama sekali saya memang mengakui bahawa NANAM dengan izin *moribund* ataupun yang sudah tidak lagi diyakini untuk berfungsi dan telah pun menjadi suatu *apathy* kepada negara-negara membangun itu sendiri iaitu negara-negara NAM itu sendiri.

Tetapi kita harus sedar bahawa BERNAMA mempunyai suatu kredibiliti yang tinggi. Apabila sahaja dan mempunyai keupayaan, kepakaran dan profesional daripada awal lagi iaitu apabila kita melancarkan, dalam masa enam bulan kita melancarkan NNN ini sebanyak 25 buah negara telah pun menyertainya iaitu dalam erti kata bukan mereka *subscribe* tetapi menjadi anggota yang menerima pakai dan memberikan sumbangan berita dan gambar kepada BERNAMA. Itu dalam masa hanya singkat tetapi yang terakhir adalah 35 buah negara.

Ertinya, sekarang ini kalau kita mengikut perhitungan yang saya katakan senario dunia, ialah bahawa keyakinan kepada agensi-agensi berita asing juga telah terhakis sejak selepas serangan terhadap Iraq. Kita telah tahu bahawa amat jelas, bahawa seperti CNN, BBC yang dahulunya mempunyai kredibiliti yang tinggi, telah mulai terhakis. Demikian juga agensi-agensi berita. Peperangan ini telah menjelaskan kepada kita bahawa keagungan, kredibiliti, *news agency* Barat sudah tidak seperti dahulu lagi.

Maka, itulah sebab negara-negara anggota, Negara-negara Ketiga dan juga anggota-anggota NAM sendiri telah mencari sumber yang lebih boleh diyakini. Maka, dalam keadaan ini NNN telah ditubuhkan. Maka, itulah sebabnya mereka mencari sumber berita tidak lagi bergantung kepada agensi-agensi Amerika tetapi apa juga, baik *internet*, *website* dan sebagainya. Maka itu, NNN telah ditubuhkan dengan pengumuman, dengan kita bukan sebagai satu *website* yang haram tetapi telah diumumkan penubuhannya dan ini telah menarik keyakinan dan tentunya ia akan menjadi lebih besar apabila kita menghadapi keadaan dunia, di mana dalam keadaan China hendak menjadi *super power* dan Amerika sendiri hendak menjadi *hyper power*, maka pergantungan kepada berita-berita yang menjadi sumber daripada NNN akan lebih diyakini dan akan mempunyai masa depan yang cerah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan Kementerian Penerangan melalui BERNAMA dan meletakkan wakil-wakilnya di negara ASEAN. Adakah BERNAMA mempunyai *attach* berita di negara-negara Asia Tengah? Adakah BERNAMA turut memetik ataupun mengambil berita-berita daripada agensi berita lain seperti IRNA dan juga Al-Jazzera bagi mengimbangi berita-berita yang disiarkan oleh CNN, CNBA dan juga BBC yang berat sebelah atau tidak tepat dan terlalu *Western centrists*. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, memang BERNAMA mempunyai pertukaran berita dengan agensi-agensi yang tertentu. Tetapi dengan Al-Jazeera barangkali belum kita lakukan. Tetapi yang sudah pasti ialah bahawa, BERNAMA terus mantap, terus berusaha ke arah memantapkan kedudukannya di negara-negara ASEAN terlebih dahulu. Untuk makluman Dewan ini, kita telah pun mempunyai wakil di China. Kita telah pun mempunyai wakil di Thailand, Singapura dan juga di Filipina dan pada masa akan datang di India.

Jadi kita sendiri yang akan melaporkan daripada kaca mata kita sendiri dan bagi saya sendiri, secara personal, secara peribadi, saya merasakan bahawa kita lewat ke China. Kita telah *miss* bagaimana melihat China itu berubah dengan mata kepala kita sendiri, membangun, boleh bertukar daripada sebuah negara yang *communism* dan *socialism* ke arah *capitalism*. Jadi hal itu, tetapi kita telah lewat tetapi masalah pokoknya ialah perbelanjaan yang sangat mahal. Di China bukan murah. Sangat mahal untuk mengadakan wakil.

Jadi di masa akan datang, memang kita berhasrat untuk mengadakan wakil-wakil kita di tempat yang strategik di dunia ini supaya rakyat kita mendapat laporan yang tepat, tidak berat sebelah dan peranan ini akan boleh dimainkan oleh NNN kelak.

5. Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan perancangan terkini kementerian di dalam membangunkan secara situasi 'menang-menang' terhadap tanah-tanah milik Melayu di pusat bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tanah-tanah milik Melayu di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur kebanyakannya terletak di dalam kampung-kampung tradisi. Terdapat 45 buah kampung dalam kategori ini yang mana sebahagian daripadanya adalah tanah-tanah berstatus Rizab Melayu. Di dalam perancangan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pembangunan kampung-kampung ini telah diambil kira sebagai salah satu kawasan yang berpotensi untuk digunakan. Selaras dengan itu, di dalam penyediaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) telah menggariskan beberapa dasar dan cadangan seperti berikut:

- (i) Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur akan menubuhkan satu badan khas yang bertanggungjawab untuk memulakan serta menyelaraskan perancangan pembangunan dan pengurusan kawasan Rizab Melayu dan kampung tradisi. Badan ini juga akan menyelaraskan usaha-usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh sektor awam dan juga swasta;
- (ii) DBKL akan melaksanakan pelan-pelan pembangunan komprehensif untuk kawasan Rizab Melayu, kawasan tradisi dan juga kawasan kampung-kampung baru; dan

- (iii) DBKL akan melaksanakan langkah-langkah untuk mempercepat pembangunan dan peningkatan taraf hidup masyarakat di kawasan Rizab Melayu, kampung tradisi dan kampung-kampung baru.

Berdasarkan kepada dasar-dasar dan cadangan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang dinyatakan, DBKL akan memastikan dalam penyediaan pelan tempatan Kuala Lumpur pula, ianya akan merangkumi semua kawasan yang dimiliki oleh orang Melayu supaya tidak ketinggalan dengan arus pembangunan berbanding dengan kawasan sekitarnya. Di samping itu juga, perancangan ini dijangka akan dapat menaikkan imej kawasan berkenaan, mempertingkatkan nilai harta tanah dan meningkatkan potensi kawasan itu untuk dibangunkan. Dengan perancangan secara sistematik ini, ianya dapat memberi faedah kepada semua pihak, para pelabur, penduduk setempat dan pemilik tanah.

Bagi kawasan Persekutuan Putrajaya pula, perancangan pembangunan di wilayah ini tidak melibatkan tanah milik Melayu kerana tiada tanah milik Melayu yang perlu dibangunkan di kawasan ini. Bagi Wilayah Persekutuan Labuan pula, tanah milik Melayu di kawasan pusat bandar adalah lebih kurang 5% daripada jumlah keseluruhan kawasan bermilik di pusat bandar. Kesemuanya tanah ini telah dibangunkan oleh pemilik sebagai premis perniagaan, kecuali .83 ekar tanah sahaja yang masih kosong. Berkaitan dengan tanah-tanah ini, belum ada perancangan daripada pihak pemilik ataupun kerajaan untuk membangunkan kawasan ini. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita dapati bahawa kawasan Kampung Baru yang ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan kawasan yang amat berharga dan kawasannya lebih kurang 200 ekar. Jadi soalan saya, apakah kementerian telah mengadakan ataupun telah membuat pelan tempatan ataupun *local plan* terhadap pembangunan kawasan tersebut serta apakah peranan yang akan dimainkan oleh pihak kementerian, terutamanya dalam rancangan kita untuk menjayakan, *Malay urbanization*.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Sebenarnya, berkaitan dengan penyediaan Pelan Tempatan Kampung Baru, telah pun diambil perhatian di mana perunding telah pun dilantik dan sekarang sedang membuat perincian berkaitan dengan Pelan Tempatan Kampung Baru ini, bahawa dalam Pelan Tempatan Kampung Baru ini, adalah harapan kementerian supaya Kampung Baru Kuala Lumpur ini dapat digunakan sebagai pusat untuk pengumpulan, pengagihan, pemasaran dan juga pameran kebudayaan seni dan artifak Melayu dan sebagai salah satu daripada presint kediaman utama.

Dalam kaedah menyediakan konsep pembangunan Kampung Baru ini, kementerian telah memastikan bahawa menyusun semula lot-lot kecil supaya menjadi satu tapak pembangunan yang komprehensif dan juga memperkenalkan konsep pembangunan baru seperti kedai, pejabat,

pusat membeli-belah, tempat kediaman dan juga memperkenalkan pelbagai komposisi jenis ruangan dan kediaman untuk memenuhi permintaan bumiputera dan juga memperkenalkan rangka untuknya.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelan untuk membangunkan tanah rizab Melayu di Kuala Lumpur ini bukan baru. Di zaman Perdana Menteri dahulu pun ada perancangan besar, ada badan khas yang ditubuhkan dan pelbagai lagi pengumuman dibuat. Tetapi hari ini kita masih lagi mendengar mengenai perancangan dan badan khas yang ditubuhkan.

Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri adakah kerajaan bersedia mengemukakan perancangan itu kerana saya percaya isu-isunya agak rumit kepada Ahli-ahli Parlimen misalnya, kepada *select committee* misalnya supaya sekali gus kita dapat menyelesaikan masalah ini.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 telah menggariskan dasar berkaitan dengan pembangunan kampung tradisi dan juga kampung-kampung baru dan buat masa ini untuk memperincikan pelan struktur Kuala Lumpur ini di mana perunding telah melaksanakan kajian secara terperinci untuk menyediakan pengisian tentang pembangunan di kawasan kampung-kampung baru dan kampung tradisi ini dan pelan ini dijangka siap dalam bulan Disember 2006.

Jadi dengan ada pelan ini nanti maka kita akan pameran pelan-pelan ini kepada masyarakat umum. Malahan walaupun pelan ini dalam perancangan bahawa DBKL tidak membiarkan kawasan-kawasan ini terbiar bahkan ada peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Dewan Bandar Raya yang mana ianya adalah untuk melibatkan tentang penyelenggaraan pelbagai kemudahan infrastruktur di Kuala Lumpur dan juga melibatkan tanah-tanah rizab Melayu dan kampung-kampung baru juga dan peruntukan yang disediakan oleh Bandaraya Kuala Lumpur ini adalah RM105.8 juta bagi tempoh 2001 sehingga 2006. Terima kasih.

6. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan telah menyiapkan kajian mengenai bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah dan apakah langkah yang akan diambil untuk memantapkan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan dalam usaha memupuk persefahaman dan perhubungan harmoni rakyat jelata.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan kajian mengenai beberapa isu pertindihan kuasa yang timbul antara mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah berhubung dengan kesan penukaran agama oleh orang bukan Islam kepada agama Islam iaitu seperti pembubaran perkahwinan, penyelesaian obligasi dan liabiliti oleh pasangan yang memeluk agama Islam sebelum pendaftaran penukaran agama dibenarkan hak untuk menentukan agama dan hak jagaan anak-anak yang belum dewasa, nafkah kepada

isteri dan anak dan pewarisan. Selepas kajian tersebut dimuktamadkan, perkara ini akan dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan.

Mengenai Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan tidak berhasrat untuk meminda peruntukan tersebut. Malaysia sebagai satu negara yang berbilang kaum dan agama telah berjaya mengekalkan perpaduan dan keharmonian dengan mengiktiraf hak seseorang untuk menganuti dan mengamalkan agamanya menurut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, mana-mana kumpulan agama dalam menguruskan hal ehwal agamanya hendaklah memastikan bahawa ia tidak berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubung dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral.

Ia diperuntukkan secara jelas dalam Fasal (5) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk memupuk persefahaman, toleransi dan perhubungan harmoni di kalangan rakyat negara ini. Kerajaan akan sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa apa-apa undang-undang, tindakan, pentadbiran dan dasar bagi memastikan kebebasan beragama dapat diamalkan secara aman, bertoleransi dan saling hormat-menghormati kepercayaan dan agama semua kaum di Malaysia. Oleh kerana itu, Yang Berhormat bagi Tanjong jangan dok percaya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang itu sebab parti dia esok Ketua Pemuda Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bentang Usul menentang Artikel 11 ini. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jaminan untuk memantapkan Perkara 11. Sedarkan Yang Berhormat bahawa usaha-usaha seperti ini oleh satu gabungan NGO yang digelar Article 11 untuk memupuk persefahaman dan menjalin hubungan harmoni di antara rakyat dengan mengadakan forum-forum untuk menjelaskan kedudukan peruntukan perlembagaan dihalang oleh satu kumpulan yang dinamakan 'Badai' khususnya pada 14 Mei di negeri Pulau Pinang oleh sebab tunjuk perasaan mereka telah menggagalkan forum itu dan Yang Berhormat sendiri menyifatkan tindakan itu sebagai tindakan bodoh. Jadi walaupun Yang Berhormat kata bodoh tetapi mereka sudah berjaya mengugut hotel-hotel di negeri Pulau Pinang supaya jangan menyewakan bilik persidangan kepada kumpulan ini untuk mengadakan satu lagi forum di mana Yang Berhormat Kota Bharu dinafikan hak beliau untuk memberi pandangan mereka.

Jadi apakah menteri akan memastikan inisiatif dari NGO, dari akar umbi untuk memupuk persefahaman antara agama ini dapat dijamin dan segala bantuan diberikan oleh kerajaan untuk menjayakan forum-forum seperti di Johor Bahru 22 Julai janganlah digagalkan sekali lagi oleh kumpulan-kumpulan yang mempunyai matlamat tertentu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, . 'BADAI' ini PAS lah sebab ketuanya itu hari ini yang dok marah saya PAS lah dan saya hendak kata memang tindakan ini tindakan bodoh. Tetap bodoh. Pada saya, kita mengamalkan kebebasan untuk kita

berpersatuan dan kebebasan untuk menyuarakan hak kita dan pada saya Artikel 11 ini kalau dia membuat satu perjumpaan yang tertutup dan membuat satu perkara yang tidak berlawanan dengan perlembagaan dan undang-undang kita, saya rasa mereka tidak sepatutnya dihalang daripada mengadakan majlis yang dikehendaki oleh mereka. Cuma orang bodoh sahaja yang tidak sanggup hendak berhujah, dia sahaja yang sanggup buat benda-benda yang macam mana dilakukan oleh PAS menerusi 'Badai' ini. Oleh sebab itu pada saya selagi....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang PAS lah. Hendak bawa esok pun Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Tapi Rantau Panjang ini penakut. Dengan saya tidak berani hendak bahas. Dia duduk bising macam itu sahaja. Itu perangai PAS saya hendak beritahu. Jadi pada saya selagi mana-mana pertubuhan NGO yang tidak melanggar mana-mana undang-undang dan meminta kebenaran untuk mengadakan satu perjumpaan yang legal yang tidak menyalahi mana-mana undang-undang, saya harap supaya pihak polis akan memberikan pertimbangan untuk memberikan permit kepada mereka dan tidak tunduk kepada sikap binatang yang dilakukan oleh sesetengah pihak yang cuba untuk menghalang orang untuk bebas berbincang secara adil dan aman. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup kecewa dengan ulasan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri itu. Baru-baru ini, satu kumpulan peguam telah menubuhkan satu persatuan atau gerakan yang menamakan diri mereka Peguam Pembela Islam (PPI). Soalan saya ringkas sahaja, adakah Yang Berhormat Menteri mengalu-alukan penubuhan PPI ini dan adakah Yang Berhormat Menteri menganggap bahawa PPI ini yang dipimpin oleh bukan orang-orang PAS tapi peguam-peguam kanan termasuk Zaiton Osman dan lain-lain. Adakah Yang Berhormat Menteri menganggap bahawa ini adalah petanda bahawa komuniti peguam merasa amat bimbang dalam keputusan-keputusan kerajaan yang dilakukan dari sudut undang-undang berkaitan dengan pelaksanaan Islam dalam negara kita.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan dia kecewa. Dia Setiausaha PAS, sudah tentu dia kecewa, takkan dia gembira dengan kenyataan saya, betul tidak.

[Ketawa]

Tidak payahlah hendak bagi tau kecewa, saya hendak sebut di sini iaitu bahawa yang saya kata 'BADAI'. 'BADAI' ini cuba menghalang satu perjumpaan yang aman damai dan mendapat permit daripada polis. Apa kena mengena BADAI dengan PPI ini pula? PPI ini kalau dibentuk untuk menyatakan perasaan bimbang orang Islam, memang saya mengalu-alukan. Kalau saya bagi hak kepada yang bukan Islam, Artikel 11 ini pun, dia bimbang juga dengan kedudukan dia. Jadi kita kena bagi kebebasan kepada semua pihak untuk mewujudkan apa juga persatuan untuk mengutarakan pandangan dia. Saya tidak pernah marah kepada PPI, buatlah hendak buat pun. Yang saya marah BADAI, PAS itu, dok kacau orang punya boleh buat

perjumpaan, dok kacau, yang ini yang saya marah. Jadi, jangan cuba hendak *confuse* kan fakta, saya mengalu-alukan mana-mana pihak untuk berpersatuan bagi menyuarakan pandangan mereka.

7. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat mana penguatkuasaan dan kepatuhan pelajar-pelajar sekolah tentang larangan penggunaan telefon mudah alih di sekolah dan apakah tindakan yang telah diambil kepada pelajar yang melanggar peraturan ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini arahan Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1 2006 bertarikh 20 Januari 2006, mengenai pembatalan garis panduan penggunaan telefon bimbit oleh murid sekolah masih dipakai. Untuk makluman, sebarang tindakan dan penguatkuasaan yang diambil oleh pihak sekolah adalah tertakluk kepada peraturan sekolah seperti mana peraturan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7 1995 yang bertujuan untuk mengingatkan pengetua, guru besar dan guru-guru supaya tindakan yang diambil hendaklah berdasarkan bantuan-bantuan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Bil. 4 1996, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 1993, bantuan am disiplin sekolah dan juga bantuan tata cara disiplin untuk guru besar dan guru Kementerian Pelajaran tahun 1988. Dalam melaksanakan kuasa disiplin, undang-undang telah meletakkan kuasa mutlak kepada pengetua dan guru besar untuk memilih hukuman yang sesuai setimpal dengan kesalahan yang dilakukan iaitu bersifat tegas tetapi adil.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hari ini teknologi komunikasi tidak asing daripada kita dan di peringkat sekolah mungkin kita lihat dari segi negatif kepada pelajar-pelajar yang menggunakannya di mana pakar-pakar teknologi pendidikan luar negara telah melihat kemungkinan isu kecanggihan ini dan penggunaan telefon bimbit ini di kalangan pelajar mungkin adalah dari sudut positif. Soalan saya, apakah kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk mengkaji dan menukar penggunaan telefon di kalangan pelajar kepada satu perkara yang lebih manfaat dan yang lebih positif kepada pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Sememangnya kegunaan telefon bimbit oleh murid-murid di sekolah ada kebaikannya dan juga ada keburukannya. Sebenarnya Kementerian Pelajaran telah mengambil semua pandangan yang dikeluarkan tentang perkara ini termasuklah pandangan daripada Ahli Yang Berhormat. Kami merasakan setakat ini masih belum sampai masa untuk membenarkan para pelajar untuk menggunakan telefon bimbit di sekolah. Mungkin pada satu hari nanti apabila masa sudah sesuai, mungkin itu akan dikajikan semula sama ada murid-murid dibenarkan menggunakan telefon bimbit atau tidak di sekolah, terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dahulu apabila ada perkara yang berlaku kepada pelajar, ibu bapa dan sekolah dapat menghubungi antara satu sama lain dengan melalui telefon sekolah ataupun dengan guru mengunjungi ibu bapa ataupun sekolah menghantar surat kepada ibu bapa berkenaan dengan keadaan yang mana sesuai. Kita tahu bahawa adanya pandangan negatif oleh pihak kementerian tentang penggunaan telefon bimbit oleh pelajar-pelajar. Tetapi, saya hendak merujuk kepada satu insiden di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah melawat ke sekolah kanak-kanak pekak pada April tahun 2006 ini yang mana terdapatnya siling sekolah runtuh dan hampir meragut nyawa sekolah yang pekak dan dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan.

Pelajar-pelajar terpaksa meminjam telefon bimbit guru-guru untuk hantar SMS kepada ibu bapa mereka. Dengan soalan saya itu, ialah tidakkah kementerian bercadang untuk memberi sedikit kelonggaran terhadap penguatkuasaan larangan membawa dan menggunakan telefon bimbit di sekolah terhadap pelajar-pelajar pekak kerana kaedah menghantar pesanan SMS adalah salah satu cara berkomunikasi khasnya dalam situasi kecemasan atau kemalangan kerana mereka tidak dapat berkomunikasi secara melalui telefon biasa. Apakah kemudahan-kemudahan lain kepada pelajar-pelajar yang boleh menghubungi ibu bapa mereka pada masa kecemasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sudahlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat memang benar. Saya telah pun menjawab tadi, memang penggunaan telefon bimbit ada kebaikannya, tetapi apabila dilihat masih masa tidak sesuai lagi, belum sampai masa untuk membenarkan murid-murid menggunakan telefon bimbit. Walau bagaimanapun, walaupun sekarang ini murid-murid dilarang untuk menggunakan telefon bimbit, ini bukan bermakna dia tidak ada cara lain untuk berkomunikasi dengan ibu bapanya, dengan pihak-pihak berkuasa dengan ibu bapa atau pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG). Ini bukan bermakna semua jenis komunikasi tidak dibenarkan. Masih ada cara lain seperti memberitahu kepada guru, dan juga melalui laman web dan sebagainya, masih belum berhubung dengan orang-orang dari luar, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagaimana Ketua Sekolah? Ketua Darjah dibenarkan sahaja?

[Ketawa]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan satu lagi.

Dato' Hon Choon Kim: Sekarang ini masih belum dibenarkan Tuan Yang di-Pertua.

8. Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan alasan-alasan pihak kementerian tidak menggalakkan pembinaan skim perumahan bercorak '*gated community*' dan apakah syarat-syarat yang telah dikenakan terhadap beberapa pembangunan perumahan yang mendapat keistimewaan ini yang telah diluluskan oleh kementerian di bawah kaedah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian iaitu JKPTG tidak menggalakkan pembinaan skim perumahan bercorak dengan izin *gated community* yang berkaitan dengan permohonan hak milik serata kerana sehingga kini corak pembangunan sebegini tidak diperuntukkan dalam Akta Hakmilik Strata 1985. Mengikut seksyen 6 (1), Akta Hakmilik Strata 1985 bangunan yang boleh di pecah bahagi untuk dikeluarkan Hakmilik Strata ialah:

- (i) mana-mana bangunan atau bangunan-bangunan yang mempunyai dua tingkat atau lebih atas tanah bermilik yang dipegang sebagai satu lot tidak dipecahkan kepada lot-lot individu;
- (ii) jika terdapat bangunan atau bangunan-bangunan yang mempunyai dua tingkat atau lebih yang di pecah bahagi, maka mana-mana bangunan atau bangunan-bangunan yang hanya satu tingkat atas tanah yang sama yang dipegang sebagai satu lot, boleh juga di pecah bahagi untuk tujuan pengeluaran Hakmilik Strata.

Namun begitu, perlu diambil perhatian bahawa sebenarnya peruntukan ini adalah satu peruntukan yang terhad di mana hanya bangunan satu tingkat sahaja boleh dikeluarkan Hakmilik Strata setelah memenuhi kehendak peruntukan seksyen 6 di mana adalah dimestikan adanya satu bangunan lebih daripada satu tingkat yang di pecah bahagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini, JKPTG belum pernah meluluskan mana-mana permohonan skim permohonan bercorak *gated community* dengan izin yang berkaitan dengan permohonan pecah bahagi bangunan untuk pengeluaran hak milik strata. Terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mewakili kementerian ini. Saya ingin ucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kerana cuba menjawab soalan ini dengan cara yang

terbaik. Saya mohon pandangan dari Tuan Yang di-Pertua, sama ada saya boleh mengemukakan soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: ..dan sama ada dia berupaya untuk menjawab soalan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan pembangunan bercorak *gated community* ini Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih cenderung kepada pembangunan yang melibatkan pembangunan setempat yang dipagar, yang eksklusif kepada satu kumpulan masyarakat dalam kawasan pembangunan itu sendiri. Banyak masalah yang ditimbulkan daripada pembangunan bercorak ini kerana terdapat pemaju perumahan yang menghalang laluan awam yang diserahkan tanahnya kepada pihak berkuasa tempatan untuk digunakan untuk orang awam, tidak dapat digunakan bagi pembangunan-pembangunan tanah persekitaran dengannya. Saya mohon pandangan daripada kementerian ini atau nasihat kementerian ini terhadap pihak berkuasa tempatan yang bercadang untuk meluluskan projek-projek pembangunan bercorak *gated community* ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, perumahan yang menggunakan konsep *gated community* adalah berbentuk *landed property* dengan izin. Di mana rumah-rumah dibina atas lot-lot individu, dibina pagar sempadan atau *perimeter fencing* dan dilengkapi dengan kemudahan pondok pengawal. Terdapat juga perumahan yang dilengkapi dengan kemudahan rumah kelab, kolam renang dan sebagainya. Jadi projek perumahan yang menggunakan konsep *gated community* biasanya dibina pagar sempadan yang akan menyebabkan beberapa isu yang telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, iaitu:-

- i) Isu pemagaran kawasan awam;
- ii) Isu harta bersama; dan
- iii) Isu pengurusan skim. Iaitu tidak ada peruntukan mewujudkan perbadanan pengurusan ataupun *management corporation* yang akan melaksanakan tugas-tugas pengurusan serta penyelenggaraan harta bersama.

Jadi, kementerian ini sedar bahawa terdapat pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh skim perumahan yang bercorak *gated community* dan kementerian juga amat prihatin ke atas keperluan pasaran pembangunan harta tanah masa kini dan dengan itu telah mengambil tindakan proaktif mengkaji akta hak milik strata 1985 bagi memasukkan peruntukan berkaitan yang membolehkan pembangunan berbentuk *Gated Community Scheme* atau GACOS, yang digunapakai di Semenanjung Malaysia. Tetapi Yang Berhormat, apa-apa lagi, kalau tidak puas

hati, saya memang mohon pegawai-pegawai yang ada bertugas di sini untuk memberi jawapan secara bertulis dengan terperinci kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Gangguan pembesar suara berlaku*]. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah memberikan jawapan yang baik dan tepat. Soalan saya iaitu, undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang wujud dalam negara kita ini. Membolehkan pembangunan *gated community* sampai hari ini di [*Gangguan pembesar suara berlaku*]...... Sebagai contoh, Akta 1996 tak ada. Akta kerajaan tempatan tak ada. Akta seragam tahunan tak ada. Saya hendak tambah soalan tambahan saya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan pembinaan dari segi undang-undang, adakah *gated community* ini orang kata *valid* [*Gangguan pembesar suara berlaku*]..... mengenai perancangan atau perancangan di masa hadapan. Kementerian ataupun kementerian lain menggalakkan pembangunan komuniti ini yang kita tahu kebanyakan pemaju menggunakan konsep ini untuk melakukan ataupun mempertingkatkan penjualan mereka untuk semua pembangunan yang memberikan implikasi yang sangat-sangat negatif yang telah disebutkan Yang Berhormat Hulu Langat tadi. So, saya hendak tahu patutkah rancangan [*Gangguan pembesar suara berlaku*] tentang galakan pembinaan kerja komuniti khususnya di kawasan-kawasan bandar?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih di atas soalan tambahan itu Yang Berhormat. Pegawai telah membuat catatan dan menteri akan membawa ke dalam Kabinet dari segi satu kerjasama supaya memudahkan rakyat seperti masalah yang di bawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

9. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan sejauh mana kemampuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama Tentera Darat (TD) yang tidak lagi menumpukan kepada ancaman yang kelihatan 'perceived threat' atau 'threat-based', tetapi lebih kepada keperluan mendesak mengikut ancaman atau 'capability based'.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Larut. Saya ucapkan terima kasih atas soalan ini dan saya pun mengalukan semua yang ada dalam Dewan ini, termasuk Yang Berhormat. Saya tertarik hati dengan soalan ini iaitu pandangan Yang Berhormat kelihatan persediaan kita tidak merupakan pertahanan di tempatan, tetapi adalah juga satu pandangan jauh dan ini yang kita sediakan untuk anggota tentera kita. Pembangunan tentera darat pada masa ini adalah diasaskan kepada *capability based* dan tidak lagi berdasarkan ancaman nyata atau *perceived threat*. Program pembangunan berdasarkan keupayaan dan merangkumi kekuatan organisasi, keanggotaan, peralatan, doktrin, latihan, pengurusan dan platform untuk membangun satu angkatan tentera yang *credible*. Transformasi pembangunan keupayaan tentera darat ini adalah tindakan yang

diambil setelah pertimbangan serta kajian yang menyeluruh dilaksanakan mengambil kira aspek keselamatan strategik serantau, strategik pertahanan daratan dan digubal berdasarkan dasar pertahanan negara serta realiti peruntukan kewangan yang diterima oleh tentera darat. Tuan Yang di-Pertua, justeru adalah penting bagi tentera darat melaksanakan transformasi pembangunan berasaskan *capability based*, seterusnya membentuk sebuah angkatan tentera darat yang *credible* berciri konsep *versatile*, *deployable* dan *sustainable*. Dengan paras kesiangan dan keupayaan pada masa ini, tentera darat mampu melaksanakan segala tugas ketenteraan dalam dan luar negara. Ini dapat dilihat dengan atur gerak pasukan tentera darat di rantau ini dan juga di dalam operasi-operasi di bawah panji-panji pertubuhan bangsa-bangsa bersatu. *Recognition* daripada pertubuhan bangsa-bangsa bersatu dan anggota tentera negara-negara bangsa-bangsa bersatu atas khidmat anggota tentera kita adalah diterima dengan pujian. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Suasana globalisasi telah membuatkan dunia semakin dekat dan sempit, tidak terkecuali dunia ketenteraan yang penuh dengan cabaran. Dan amat memerlukan senjata moden lagi canggih jika kita lihat situasi sekarang, ancaman sudah berada di mana-mana. Ancaman seperti aktiviti pengganas atau terrorism, pergolakan dalaman seperti ancaman keselamatan, politik dan ekonomi di sekeliling kita serta negara jiran yang menunjukkan kekuatan ketenteraan akan bila-bila masa sahaja boleh mengganggu gugat negara kita.

Soalan saya, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, sama ada tersirat dan yang tersurat. Kalau negara-negara lain barangkali sudah mungkin membuat pakatan sesama mereka untuk menyediakan diri sekiranya mereka diancam, diserang. Saya tidak mahu Yang Berhormat menyebut negara mana kalau kita adakan pakatan, apakah persediaan kita dalam menghadapi sekiranya dalam keadaan yang harmoni ini tidak semestinya ancaman tidak akan terdedah negara kita kepada negara-negara lain, terutama sekali sekiranya ada perasaan cemburu. Mungkin mereka akan mengambil kesempatan. Jadi apakah dalam kita membuat persediaan ini termasuk dengan peralatan senjatanya, kita tidak mahu pada suatu ketika dahulu apabila kita sebagai contoh membeli kenderaan berperisai, nak naik jalan dekat tanah tinggi di Karak pun tak boleh. Ini bukan sekarang, pada satu ketika.

Jadi apakah, kita melihat secara lebih *pre-emptive* dengan izin dalam membuat persediaan. Orang lain, negara lain mungkin sudah ada pakatan, tapi bagaimana dengan kita? Walaupun pada zahirnya tidak ada ancaman tetapi dalam keadaan yang harmoni ini apakah pihak ketenteraan Kementerian Yang Berhormat tidak ada satu jangka panjang dalam membuat, menjamin pertahanan tentera. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat dan rakyat mesti beri kepercayaan kepada anggota tentera kita. Dan kita sebenarnya

bersedia dalam keadaan aman dan dalam keadaan resah gelisah. Daripada segi *vision* dan perancangan, kita menyediakan semua ini termasuk melatih anggota tentera kita. Bukan sahaja kita latih mereka berjalan, bukan sahaja kita latih mereka terbang dan bukan sahaja kita latih mereka belayar. Kita juga melatih mereka menembak dan mereka mesti tahu menembak ke arah mana dan bila tembakan hendak dibuat, dengan peluru apa yang hendak digunakan.

Dalam aspek yang telah Yang Berhormat cakapkan ini, penyesuaian kita adalah daripada segi persediaan. Kita tak kata kita yang terbaik, tapi kita sudah menyediakan kalau daripada tentera daratnya, laut dan udara, kita sudah menyediakan. Tetapi sebahagian daripada kelengkapan yang kita beli dan untuk bawa beli, kalau esoknya berlaku, ada atau tidak, kita tidak ada pilihan, kita akan mempertahankan negara ini. Dan kalau Peperangan Dunia yang Kedua, kita terdapat bahawa ledakan bom daripada Amerika Syarikat dan Bangsa-bangsa Bersatu kepada negara-negara lain termasuk Jepun. Tapi kita juga sudah menyediakan apakah ledakan satu jenis peperangan dan *weapon* persenjataan yang akan digunakan iaitu tentang pencartaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Dr. Rahman dulu dari Gombak iaitu tentang bio-terrorism yang kemungkinan akan digunakan sebab bio-terrorism ini juga telah digunakan dalam Peperangan Dunia yang Kedua.

Oleh sebab itu, Angkatan Tentera kita telah membuat persediaan ini dan kita bukan sahaja mengkaji tentang bio-terrorism tetapi kita juga mengkaji tentang nuklear dan perkara lain yang berkaitan dengan pecahan bio-terrorisma dan persediaan anggota tentera kita serta *medical team* untuk melengkapkan anggota tentera kita dan *forecast* apakah kita akan menerima sahaja dan memperbaiki ataupun kita menyediakan anggota tentera kita dan strategi pertahanan kita dalam masa yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang ini kita dapat lihat dunia kelam kabut, kita tengok di benua Arab, Israel mengebom negara Lebanon dan juga Palestin tanpa menghiraukan dunia. Jadi saya nak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah Malaysia dengan alat-alat ketenteraan, walaupun ini mungkin rahsia, tak boleh kita terangkan di Dewan ini, tetapi adakah negara kita ini boleh mempertahankan askar-askar kita ini? Tentera kita ini, alat kelengkapan yang ada di dalam negara kita ini boleh mempertahankan negara kita yang berdaulat ini? Apatah lagi bolehkah kita mempertahankan dengan jiran-jiran yang dok ada di sekeliling kita yang pada pandangan saya mungkin mengancam negara kita apabila keadaan-keadaan tertentu berlaku? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat, berkaitan dengan persoalan ini, saya telah menerangkan bahawa persediaan kita bukan sahaja dengan menggunakan senjata tembak jarak jauh, tembak jarak dekat dan di udara ke bumi dan bumi ke udara, bumi ke bumi, ini telah kita sediakan. Tetapi kita juga menyediakan tentang bio-terrorism, apakah perkara yang telah

berlaku dalam Perang Dunia yang Kedua di Eropah akan tersebar, kalau berlaku peperangan di sini. Dari segi kelengkapan dan persediaan, kita angkatan tentera laut, darat dan juga udara bukan sahaja menyediakan kelengkapannya dengan roket, dengan perisai, dengan kapal terbang, kapal laut, kita juga bersedia mental atau *mind, body* anggota tentera kita. Kita tidak boleh menyediakan kapal selam, kalau kita tidak melatih anggota kapal selam kita. Dan kita tak boleh gunakan jet pejuang kalau kita tak melatih *pilot* jet pejuang, bukan sahaja boleh memandu jet pejuang tetapi melepaskan peluru, misalnya daripada beg jet pejuang yang kita latih.

Kita *train* semua ini dan Insya-Allah dari segi kebolehan kita boleh dan saya percaya kita juga ada persefahaman di rantau kita. Umpamanya kita ada persefahaman dengan Indonesia, kita ada persefahaman dengan Singapura, kita ada persefahaman dengan Thailand, kita ada persefahaman dengan Filipina, kita ada persefahaman dengan United Kingdom, Australia, Singapura dan New Zealand. Semua persefahaman ini yang kita takut, persefahaman ini ada tapi kawan kita tidak menghormati persefahaman ini. Apa tindakan kita kerana mereka tidak menghormati persefahaman ini dan apa tindakan kita sekiranya mereka tidak membantu kita. Tuan Yang di-Pertua, *we have no choice*, kita terpaksa mempertahankan sendiri. Terima kasih.

10. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai Jawatankuasa Dasar Keselamatan Negara bagi menasihati Kerajaan dalam menjayakan projek pembangunan negara, agar setiap pembangunan ada ciri-ciri keselamatan yang boleh dipergunakan di waktu kecemasan, darurat atau peperangan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai kerana bertanya soalan yang baik dan bernas. Tak macam Kepong kuat merapu, soalan tak naik, nak tenggek soalan orang lain. Tuan Yang di-Pertua, jawab pun tak berani nak bangkit, nak tanya soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengabaikan aspek-aspek keselamatan awam dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan negara. Jawatankuasa tertinggi yang menasihatkan kerajaan tentang dasar keselamatan negara ialah Majlis Keselamatan Negara. Di bawah Majlis ini ditubuhkan pula pelbagai Jawatankuasa berkaitan, salah satunya ialah Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara di peringkat pusat, negeri dan daerah bagi menasihati kerajaan dalam aspek-aspek keselamatan awam dan negara.

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di peringkat pusat. Saya pun jawatankuasa juga. Manakala Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Daerah adalah masing-masing menjadi pengerusi di peringkat negeri dan daerah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan dan memutuskan perkara-perkara dasar bagi memastikan supaya aspek-aspek keselamatan awam dan negara disepadukan dalam merancang projek-projek pembangunan negara terutamanya di kawasan-kawasan yang berpotensi mempunyai risiko.

Jawatankuasa ini juga sentiasa memberi nasihat kepada kerajaan dari segi pembentukan dasar, alam sekitar dan keselamatan awam supaya dapat memenuhi pembangunan mapan, *sustainable development* dengan izin. Dengan terdapatnya ciri-ciri keselamatan dalam projek-projek pembangunan, negara berupaya meminimumkan impak terhadap keselamatan awam sekiranya berlaku kecemasan, bencana mahupun krisis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat lihat, ialah mungkin jawatankuasa ini dah buat tetapi mungkin ini demi keselamatan, ia menjadi satu rahsia. Tetapi kita lihat sesetengah negara Tuan Yang di-Pertua, dia telah membina *underground* dan sebagainya. Kita ada satu lah di Dataran Merdeka tetapi tidak ramai orang boleh lari. Kalau lah Kuala Lumpur ini diserang, macam mana kita hendak menyelamatkan diri dan kita lihat setengah-setengah negara, lebuhraya dia menjadi landasan kapal terbang kalau berlaku peristiwa-peristiwa yang tidak diingini sedangkan kelmarin dalam surat khabar pun ada kapal terbang kecil cuba mendarat di lebuhraya.

Tetapi saya tidak nampak dari segi keselamatan seandainya berlaku peperangan, seandainya berlaku bencana, di manakah rakyat di dalam negara kita ini dapat menyelamatkan diri? Ini fokus dia. Dan lagi satu Yang Berhormat Menteri, saya nampak kita ini agak terancam walaupun kita ada persahabatan dengan negara-negara yang tertentu, tetapi bila dalam keadaan-keadaan tertentu, tadi Timbalan Perdana Menteri mengatakan *if we have no choice, we got to go on our own*. Jadi, *on our own* ini lah maksud saya bagaimanakah kerajaan untuk menyelamatkan rakyat seandainya berlaku benda-benda yang tidak diingini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalan tambahan pun bernas. Walaupun hendak ditumpang oleh Yang Berhormat bagi Kepong sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tindakan yang paling elok yang dilakukan untuk kita memastikan supaya kita tidak perlu untuk membuat katalah *underground* punya. Di Kuala Lumpur ini kita ada dua tiga juta, kita tidak tahu macam mana hendak buat *underground* nak selamatkan tiga juta orang ini.

Tetapi polisi yang paling elok sekali ialah untuk mengamalkan sikap baik-baik dengan semua pihak. *Peaceful coexistence* dengan *neighbor* kita. Kalau ini kita amalkan bermakna kita tidak perlu hendak membazirkan wang untuk membuat persiapan yang menelan belanja begitu banyak dan tidak dapat hendak melindungi semua rakyat kita. Walau bagaimanapun, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tetapi kita tidak mempunyai *siege mentality* seperti sesetengah negara dan kita sememangnya mahu buat yang terbaik untuk rakyat untuk memastikan mereka tidak diletakkan di satu suasana di mana mereka akan merasa terancam dan rasa ketakutan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Jerai tadi mengenai *underground* itu di bawah tanah di Dataran Merdeka. Satu bom cukup, semua hancur. Tidak *real force* itu, tidak *real force* itu. Dia salah lah sebenarnya. Yang Berhormat Padang Rengas,

bila pasukan khas ada dihantar ke mana-mana, dia menonjolkan diri untuk mengambil gambar, itu yang pandainya.

Apakah selain itu menonjol untuk gambar diambil tindakan secukupnya menyiapkan semua ciri-ciri keselamatan untuk menjaga misalnya. Kalau ada tsunami lagi kerana pada masa tsunami itu kita tidak cukup untuk menyelamatkan orang dan sebagainya kerana tidak bersiap, kita tidak ada pengalaman. Apakah Yang Berhormat akan menyiapkan atau melengkapkan pengalaman-pengalaman seperti ini supaya pasukan kita berkesan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada soalan sebenarnya dia. Tidak bernas sebab "*siege mentality*" ini kalau kita dok buat dalam bahasa Malaysia iaitu pemikiran terkepung, jadi dia terkepung. Saya hendak bagi tahu sini iaitu Yang Berhormat, kita sebenarnya kita kena ingat iaitu bahawa pertama tsunami ini tidak pernah berlaku di negara kita, tidak pernah berlaku. Tetapi baru-baru ini, *wake up call* iaitu walaupun sekiranya tsunami tidak berlaku di negara kita, tetapi dia berlaku di tempat lain, dia boleh kena kita.

Tetapi walaupun kita kena baru ini tsunami, kita tidak seperti negara-negara lain yang memerlukan bantuan daripada negara luar kerana kita telah dapat berjaya untuk mengadakan sistem kita sendiri untuk membuat keselamatan "pasca" tsunami selepas itu. Kita dah ambil tindakan semua dan sekarang ini kita juga telah mengadakan sistem bagi tahu awal berkenaan kalau sekiranya tsunami itu akan datang. Lebih daripada itu kita tidak buat sebab kita tidak tahu tsunami ini kerja Tuhan. Kita buat siap macam mana pun, macam Amerika Syarikat sebuah negara yang begitu maju ke hadapan, tetapi apabila mari "taifun, louisiana", tenggelam juga.

Sebab itu saya hendak kata kalau saya hendak bagi tahu kerajaan memang bersedia menghadapi semua bencana, itu saya cakap besarlah. Tetapi setakat mana yang kita boleh adakan, telah pun kita sediakan.

11. **Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bilakah Kementerian merancang untuk menubuhkan Kolej Komuniti di Cameron Highlands memandangkan dengan ketiadaan Institusi Pengajian Tinggi atau pun Institusi Kemahiran di kawasan ini menjejaskan pembangunan modal insan di kalangan penduduk di sini.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pada bulan Julai tahun 2000, kerajaan memang meluluskan untuk membina sebuah kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen. Walau bagaimanapun, pada bulan September 2004, kerajaan telah membatalkan keputusan tersebut. Antara sebabnya ialah kerana memandangkan keadaan semasa.

Kerajaan sedar bahawa semua Ahli Parlimen berminat sangat untuk menubuhkan atau mewujudkan kolej komuniti di kawasan masing-masing. Tetapi atas pertimbangan tertentu umpamanya, mungkin sudah ada institusi yang serupa atau pun bilangan calon tidak mencukupi,

dan juga berdasarkan keutamaan dari segi perbelanjaan, kerajaan memang tidak berhasrat untuk membina kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen.

Beberapa kriteria digunakan untuk menubuhkan kolej komuniti, antaranya termasuklah kepadatan penduduk serta kegiatan ekonomi masyarakat setempat. Kawasan berkenaan juga tiada mempunyai institusi lain seperti Giat MARA, IKM, Institut Kemahiran Belia Negara, Institut Latihan Perindustrian, Politeknik dan lain-lainnya. Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini ada 34 buah kolej komuniti yang telah beroperasi termasuk di Perak dan Pahang. Di Perak ada enam, di Pahang ada lima kolej komuniti.

Dalam RMK-9, kerajaan meluluskan pembinaan 25 buah kolej komuniti yang baru. Ini bermakna bahawa setiap negeri ada dua atau pun tiga kolej komuniti. Jumlah perbelanjaannya ialah RM457 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tidak ada rancangan untuk menubuhkan kolej komuniti di Cameron Highlands. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada peruntukan kewangan, kerajaan bersedia untuk membuka cawangan kolej komuniti di kawasan-kawasan Parlimen tertentu. Terima kasih.

Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya, Cameron Highlands tidak mempunyai sebarang institusi latihan tinggi. Walaupun merupakan satu tempat yang begitu sejuk dan dingin, sayang sekali kerajaan tidak dapat melihat potensi Cameron Highlands. Sebagai contohnya, niche *market*, niche *economy* yang ada di Cameron Highlands ini dalam sektor pertanian yang diwar-warkan oleh kerajaan sekarang, dalam teh, biotech, sayuran, bunga, strawberi dan sebagainya tidak ada di seluruh Malaysia di mana-mana.

Kedua, khazanah herba yang ada kerana hutan Cameron Highlands ini 85% hutan begitu tebal sekali dan kraf tangan Orang Asli ada 60 kampung Orang Asli yang khazanahnya begitu kaya. Dan seterusnya perhotelan dan *home stay*nya cukup berjaya. Dengan adanya *niche* sebegini kenapakah tidak kita adakan Kolej Komuniti yang mempunyai kursus-kursus khas untuk bidang-bidang yang saya katakan tadi.

Soalan satu, soalan kedua saya Tuan Yang di-Pertua adalah, kenapa ada begitu banyak sekali institusi latihan? MLVK, Sumber Manusia, Pendidikan Tinggi dan sebagainya sehingga tidak ada penyelarasan dari segi kursus-kursus dan terlalu banyak pertindihan yang membuang wang dan juga tenaga manusia. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa Institusi Latihan Perindustrian dan Kemahiran dibekalkan oleh lima atau pun enam kementerian, dan kerajaan sudah pun buat keputusan untuk menyelaras ini semua dan penyelarasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands itu termasuklah untuk mengelakkan pertindihan akan diusahakan oleh kerajaan supaya tidak ada pembaziran. Ini semua akan diselaraskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi.

Berkaitan dengan Cameron Highlands memang ia sebuah kawasan yang berpotensi. Salah sebuah kawasan di Malaysia yang memang maju dan seperti yang saya maklumkan tadi, jika ada keperluan, maka kerajaan boleh menimbangkan pembukaan cawangan Kolej Komuniti di kawasan-kawasan tertentu termasuklah Cameron Highlands. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya tamatkan soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004**

&

**RANG UNDANG-UNDANG
KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

DAN

USUL

**LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS UNTUK MENGAJI
RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004 DAN
RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Majlis ini pada 20hb Julai 2004 untuk mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas Bilangan DR 1 Tahun 2006 diperkenankan" ***[13 Julai 2006]***

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Muar untuk menyambung ucapan.

11.32 pg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan yang telah terhenti pada hari Khamis yang lepas di atas Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 2004. saya tidak berhasrat untuk mengulangi apa yang saya sebut dalam Kanun Keseksaan. Walau

bagaimanapun, saya ada empat perkara, kalau boleh saya terlibat dalam membahaskan cadangan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004.

Saya terus ingin merujuk kepada Seksyen 117 yang mana pihak Jawatankuasa mencadangkan agar tahanan reman yang diberikan bergantung kepada kesalahan atau pun kepada hukuman yang diberikan iaitu 14 tahun ke bawah selama tempoh 7 hari, yang mana permohonan pertama 4 hari, diikuti permohonan kedua, 3 hari. Yang mana kesalahan lebih 14 tahun dan kesalahan mati diberikan 7 hari permohonan pertama dan 7 hari permohonan kedua, iaitu tidak lebih daripada 14 hari.

Persoalan-persoalan yang mungkin boleh kita tanyakan, kenapa asas kepada penahanan ini diberikan dalam bentuk hukuman yang bakal dikenakan. Kerana kita tahu ada sesetengah kesalahan yang mungkin ringan tidak melebihi 14 tahun, tetapi proses untuk memperoleh fakta-fakta dalam siasatan oleh pegawai polis, mengambil masa yang panjang. Sebagai contoh kadang-kadang pihak polis terpaksa menanti maklum balas daripada pihak hospital. Keduanya kadang-kadang pihak polis terpaksa menanti daripada Jabatan Kimia. Ketiga mungkin pihak polis terpaksa menanti keputusan daripada JPJ. Mungkin kesalahan-kesalahan kepada orang yang kena tuduh ini di bawah 14 tahun. Tetapi proses untuk memperoleh ini memakan masa yang panjang.

Begitu juga dengan kesalahan-kesalahan yang melibatkan sindiket yang mana bukanlah satu-satu orang yang kena tuduh yang perlu ditahan reman ini boleh menyelesaikan keseluruhan masalah, tetapi ia berkait sebagai contoh kes curi motosikal. Dia ada pula orang kedua yang akan membeli, orang ketiga yang akan menjual dan seterusnya. Begitu juga dengan kes kesalahan *credit card*. Kesalahan-kesalahan ini mungkin mengambil masa yang panjang untuk pihak polis mendapatkan maklum balas yang sudah tentulah mengambil masa yang panjang juga untuk ditahan sebelum dibawa ke mahkamah.

Jadi saya ingin menarik perhatian Dewan kepada perkara-perkara yang mungkin dilakukan di tempat-tempat lain. Saya tidak bercadang untuk kita tambah 14 hari ini, cumanya tempoh masa 4 dan 3 hari ini boleh menjejaskan siasatan polis. Kerana kalau kita tengok Akta Penjara yang memberi kuasa kepada peraturan lokap, tahanan-tahanan ini tidak boleh disoal siasat daripada pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi. Maknanya tempoh 7 hari sama ada 4 hari dan 3 hari ini, hanya boleh dijalankan dalam tempoh masa 12 jam. Dan hari terakhir pula, pihak polis terpaksa membawa semula ke mahkamah untuk dilanjutkan tempoh tahanan. Jadi kita tidak boleh melihat tempoh tahanan 4 hari ini, hanya 4 hari, 24 jam, tidak. Dari segi prosedur, hanya 12 jam sahaja yang boleh dijalankan siasatan. Jadi kalau 4 hari tolak hendak pergi ke Mahkamah mungkin tidak memadai untuk kes-kes yang saya nyatakan sebelum tadi.

Jadi saya ingin menarik perhatian Dewan, kalau boleh saya sebut, kalau di negara India, sebagai contoh, yang pertama 15 hari yang kedua 90 hari. Dan untuk kesalahan-kesalahan yang lebih berat, dia ada 60 hari tambahan. Kalau di Singapura tidak ada langsung tempoh masa

yang diberikan, hanya diberikan kepada budi bicara mahkamah. Kalau ada pun yang hampir sama dengan negara kita atau yang cuba kita cadangkan adalah yang berlaku di negara Thailand, iaitu 7 hari untuk kesalahan yang tidak lebih enam tahun, 12 hari untuk kesalahan yang tidak lebih enam tahun.

Tetapi ada *provision* yang diberikan kepada mahkamah untuk meneruskan tahanan maksimum 84 hari, yang ini kita tidak ada. Jadi untuk kita langsung penahanan reman, hanya kepada penahan saya rasa, saya perlukan penjelasan daripada pihak menteri, pihak kerajaan, bagaimanakah perkara ini dapat membantu dari segi proses siasatan, kerana pendakwa raya tidak akan membawa satu-satu kes ke mahkamah kalau siasatan yang dijalankan itu tidak menggambarkan peluang untuk memenangi satu-satu kes. Jadi perkara ini saya rasa perlu kita lihat semula, kerana dalam siasatan polis, Seksyen 27 Akta Keterangan itu cukup berat untuk dilaksanakan dalam tempoh masa yang terlalu pendek.

Kemudian perkara kedua yang ingin saya sebut adalah mengenai cadangan pindaan Seksyen 28A (2) (a) dan (b) iaitu memberi hak kepada orang kena tangkap untuk membuat panggilan telefon dan membuat satu rujukan kepada peguamnya jika perlu. Yang ini pun saya ada satu persoalan yang ingin saya bangkitkan kerana perkara ini walaupun telah dilaksanakan di tempat-tempat lain mungkin di Malaysia ini kita masih belum lagi menggunakan kaedah yang sama. Yang pertama, adakah selepas Rang Undang-undang ini diluluskan balai-balai polis kita dilengkapi dengan tempat di mana, orang yang kena tangkap boleh membuat panggilan telefon yang tidak didengari oleh pihak polis? Kerana dia tidak boleh buat dalam telefon yang ada di kaunter, kita kena beri tempat khusus kalau semua rakyat sudah tahu bahawa dia ada hak dalam tempoh 24 jam itu membuat satu panggilan maka dia minta ruang pula untuk membuat panggilan telefon secara sulit, yang pada saya boleh memberi masalah dari segi siasatan, mungkin dalam panggilan itu dia dapat menghapuskan beberapa bukti, atau pun dia boleh memaklumkan kepada orang yang dia buat panggilan untuk menghilangkan beberapa saksi.

Itu soal lain, soal saya sama ada kerajaan telah menyediakan tempat-tempat di balai-balai polis untuk orang yang kena tangkap ini membuat panggilan tersebut. Yang mana kalau kita tengok dalam Seksyen 28A (3) (c), dia kata tempat itu hanyalah boleh *inside*, maknanya polis boleh lihat, tetapi polis tidak boleh dengar perbualan yang dibuat, tetapi saya tengok di balai-balai polis belum ada lagi tempat-tempat tersebut. Dan kalau perkara ini diminta untuk dilaksanakan oleh orang yang kena tangkap maka dia kata polis tidak beri kerjasama, dan sekali lagi kita akan lihat masyarakat akan kata polis kita tidak baik. Jadi perkara-perkara sebegini perlu kita laksanakan, kerana pada saya panggilan telefon yang dibuat pun, saya tidak rasa orang yang kena tangkap boleh menggunakan telefon bimbit.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua saya bagi Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Muar kita dapat lihat yang niat Jawatankuasa pindaan ini berkenaan dengan hak untuk mendapat kepentingan untuk keluar dan berjumpa dengan keluarga serta mendapat peluang untuk menyampaikan beberapa masalah yang timbul akibat daripada penahanan orang yang akan didakwa, orang yang disyaki. Tetapi ada satu keadaan di mana banyak balai-balai polis bukan sahaja tidak mendapat keadaan ini tetapi juga dari segi hubungan kemanusiaan contohnya kalau pemberian atau penghantaran makanan misalnya kepada orang yang disyaki ini biasanya tempat di mana makanan ini dihidangkan kepada orang yang disyaki mereka makan di tepi longkang, di hujung-hujung tandas, di tepi tandas dan kebanyakan perkara ini sangat menjijikkan dan mendukacitakan.

Saya minta Yang Berhormat bagi Muar untuk membangkitkan perkara ini dan memberi cadangan yang terbaik bukan sahaja tempat atau ruang untuk berunding dengan peguam tetapi tempat yang agak selesa kerana mereka ini dari pandangan undang-undang belum bersalah. Mereka hanya bersalah apabila disabitkan oleh mahkamah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat saya bersetuju kita cuba memberikan perkhidmatan terbaik, pihak kerajaan cuba memberikan seadil-adilnya tindakan kepada masyarakat selagi mereka belum bersalah. Kita sediakan semua ini untuk membantu menyelia keadilan itu terlaksana tetapi kalau kemudahan-kemudahan yang disebutkan tadi belum diadakan maka ia boleh mengundang kepada satu lagi bencana di kalangan masyarakat bilamana mereka mengatakan hak mereka itu tidak dijaga, hak mereka itu tidak dapat dilaksanakan. Kalau tempat makan untuk orang-orang yang masih belum bersalah tidak dapat disediakan saya ingin bertanya pihak kerajaan bagaimana pula kita terpaksa mengeluarkan satu lagi perbelanjaan untuk membina tempat-tempat yang disebutkan di bawah seksyen 28A 3(c).

Sebab itu saya katakan tadi sudah tentu kita akan mengeluarkan peraturan orang yang kena tangkap tidak boleh menggunakan telefon bimbit mereka sendiri untuk membuat panggilan. Kita terpaksa menyediakan pula bagaimana dengan kos panggilan telefon yang terpaksa di biaya oleh kerajaan. Bukan satu/dua orang yang ditangkap yang boleh melayakkan mereka membuat panggilan telefon ini. Sudah tentu satu dana terpaksa lagi dikeluarkan oleh kerajaan bagi memenuhi seksyen 28A 3(c) ini terhadap kos panggilan telefon tersebut. Sebab itu saya mengulangi sekali lagi agar pihak kerajaan dapat memastikan terlebih dahulu agar balai-balai polis atau lokap-lokap tahanan sementara untuk orang yang kena tangkap ini sebelum kita bawa ke mahkamah dapat menyediakan prasarana yang menepati seksyen-seksyen yang kita pinda ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Pindaan Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah. Saya tertarik dengan hujah yang dibuat dari Yang Berhormat bagi Muar tadi. Sebelum saya meminta bantuan dan penjelasan sebenarnya kebanyakan perkara yang berbangkit telah kita ulas panjang lebar dan kita telah bahas panjang lebar dalam masa Jawatankuasa bersidang, tetapi kita melihat serentak dengan Suruhanjaya yang meningkatkan prestasi polis. Kita mengadakan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, jadi Parlimen Khas Parlimen telah mengadakan satu dasar perundangan dan dasar yang akan digubal oleh pihak kerajaan.

Jadi kita melihat membuat pengisiannya dulu supaya *hardware* akan dibina oleh pihak kerajaan mendorong pihak kerajaan. Jadi persoalannya memang betul kalau kita berkehendakkan satu kemudahan kita mesti berkehendakkan kewangan daripada pihak kerajaan. Dan kerajaan mesti melihat perundangan ini mesti diisi seberapa cepat yang boleh. Jadi kalau kerajaan tidak mengisi dengan seberapa cepat yang boleh dengan sendirinya perundangan ini akan menjadi satu *mockery* kepada Parlimen itu sendiri. Saya menerima hakikat dan kita bincang panjang lebar soalan ini.

Berkemampuankah tidak kerajaan membangunkan kemudahan kepada pihak polis dan jabatan-jabatan yang berkenaan nanti di bawah CPC ini kerana CPC ini bukan di bawah polis sahaja semua sekali. Jadi berkemampuankah kerajaan memberi prasarana yang mencukupi, meluluskan kewangan yang mencukupi untuk mengisi keperluan yang kita rangkakan dalam perundangan ini. Jadi undang-undang ini memang melihat secara ke hadapan, melihat secara terperinci berhubung dengan *requirement* kerajaan dengan izin.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, Yang Berhormat bagi Muar dan semua ahli Parlimen mesti melihat juga Laporan daripada Suruhanjaya untuk meningkatkan kemudahan dan prestasi polis supaya memberi sokongan padu kepada kerajaan untuk meluluskan sumber-sumber kewangan yang tertentu untuk mengisi kehendak perundangan yang kita rangka selama dua tahun.

Dalam tempoh dua tahun kita telah bincang panjang lebar semua kemudahan soalan telefonnya, soalan sumber kewangannya, soalan bilikunya, soalan semua sekali kita telah bincang panjang lebar. Jadi kita membuat satu keputusan iaitu bahawa kita rangka dahulu keperluannya selepas itu kita minta pihak kerajaan dengan secepat mungkin apabila undang-undang ini diluluskan, di *sign* oleh Yang di-Pertua Agong, digazet oleh menteri dan kita mahu juga prestasi pihak kerajaan untuk melaksanakan prasarana polis dilaksanakan pada peringkat itu. Jadi kepada Yang Berhormat bagi Muar bersedialah ahli Parlimen kita menyokong permohonan dan permintaan yang diaju oleh pihak Kementerian Dalam Negeri tadi untuk melaksanakan kehendak-kehendak kewangan ini. Terima kasih

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya jangan kata sokong, benda baik ini jangan dilengah-lengahkan sebab itu, di awal-awal ucapan saya pada hari Khamis saya kata Jawatankuasa telah menjalankan kerja yang paling baik. Satu Rang Undang-undang yang kita pinda yang kita bawa kepada orang ramai daripada bulan Julai 2004 dua tahun kita merantau ke seluruh pelosok negara untuk kita dapat maklum balas dan hari ini dicadangkan, saya terima semua. Sebab itu pada saya perkara itu perkara baik saya sebut hari itu perkara 28A ni merupakan satu perkara baik untuk memberi hak keadilan kepada orang yang kena tangkap yang belum didapati bersalah.

Persoalannya sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong rakyat kena tahu bahawa kita berpandangan jauh. Perkara ini untuk rakyat tetapi dalam masa yang sama kita masih ada kekangan-kekangan tertentu jangan nanti apabila perkara ini diluluskan, prasarana di balai-balai polis tidak diluluskan rakyat sekali lagi menyalah kerajaan kerana tidak menyediakan kemudahan-kemudahan yang kita sebutkan tadi.

Sebab itu saya ingin mengucapkan tahniah lagi sekali kepada Jawatankuasa yang telah memperincikan, menimbang, menerima, mendengar, keseluruhan rintihan daripada rakyat kerana kanun ini Kanun Tatacara Jenayah, Kanun Keseksaan melibatkan rakyat dan pihak penguat kuasa. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya hanya ingin membangkitkan tentang hal prasarana ini kalau di bawa ke Dewan ini untuk memberi kepada pihak PDRM dari segi prasarana saya sokong 100%. Mungkin pihak kerajaan tidak perlu risau tentang perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Muar. Saya menyokong penuh dan saya memang memberi galakkan supaya pindaan atau penambahan kepada seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah ini dilaksanakan secepat mungkin terutama sekali berkenaan dengan prasarana tetapi melihat secara terperinci Yang Berhormat bagi Muar berkenaan dengan peruntukkan ini sendiri, timbul kebimbangan terdapat beberapa perkataan-perkataan mandatori yang mendesak terutama sekali berkenaan dengan perkataan "*Shall*" mestilah dinyatakan dalam fasal yang baru ini, klausa yang baru ini.

Saya ingin mendapat pandangan serta cadangan daripada Yang Berhormat, adakah perkataan-perkataan wajib ini, perkataan-perkataan mendesak ini dan memaksa ini adalah semata-mata kerana perkataan dan apakah ianya mempunyai kuat kuasa undang-undang. Kegagalan pegawai polis misalnya mematuhi seksyen yang baru ini, apakah kesannya kepada pegawai berkenaan dan apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh mangsa yang tidak mendapat layanan yang baik. Apakah semata-mata kerana tindakan disiplin tidak ada *redress* atau hak di bawah undang-undang untuk mendapatkan pampasan dan sebagainya.

Saya ingin komen dari Yang Berhormat. Sekian. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya rasa dalam satu persoalan yang memang cukup penting kita bangkitkan. Saya tengok di bawah seksyen ini apabila diberikan kuasa kepada orang kena tangkap hak untuk mendapat *consultation* atau rundingan. Turut dimasukkan bahawa hak kepada pihak polis untuk menggunakan budi bicara kepada satu-satu kes yang boleh menjejaskan keselamatan pengadu, keselamatan orang ramai dalam memberikan hak tersebut.

Saya rasa perkara ini boleh dibahaskan terus sebelum Yang Berhormat Menteri menggulung kepada cadangan pindaan-pindaan ini dan saya yakin soalan itu juga merupakan soalan saya untuk kita kemukakan kepada pihak kerajaan.

Kalau ada pun lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua perkara lagi yang terlibat dalam pindaan walaupun kita tahu dalam cadangan ini termasuk juga dengan siasatan badan dan sebagainya, saya ingin menyentuh dua sahaja perkara lagi iaitu Seksyen 107 yang memberikan peluang dan ruang untuk orang ramai tidak lagi membuat laporan di balai-balai polis tetapi boleh terus kepada anggota-anggota polis yang ditemui ketika bertugas seperti yang disebut di bawah seksyen 107(3)(a)(1), ini satu persoalan yang ingin saya bangkitkan.

Yang pertama saya selalu dengar pihak kerajaan minta polis membuat kerja dengan cekap walaupun dituduh melakukan rasuah tetapi saya rasa kerajaan minta polis buat kerja *as a business life*, maklumlah apabila buat kerja polis, apabila kita tahan orang melakukan kesalahan lalu lintas, berhenti, senyum, jangan cerita panjang, bagi saman. Maknanya tidak ada tempoh yang panjang di antara perbualan polis dan pihak orang ramai bagi mengelakkan tuduhan-tuduhan rasuah tetapi apabila orang ramai sudah boleh mengemukakan laporan kepada pihak polis dengan prosedur-prosedur yang disebutkan, saya khuatir tempoh masa perbualan polis dan orang ramai akan jadi panjang. Apabila jadi panjang sekali lagi kita terpaksa berhadapan polis yang mesra ini boleh dituduh melakukan rundingan untuk menyelesaikan sesuatu perkara walhal orang ini ingin membuat aduan.

Dari segi persepsi ini kita perlu lihat kerana tempoh masa untuk mengadu kepada anggota polis mungkin panjang. Kalau sebelum ini mereka ke balai hari ini apabila ternampak sahaja anggota polis sedang bertugas, kita boleh buat laporan. Sebab itu kita ada satu senario yang sedikit berbeza katakan kita ada satu perhimpunan. Anggota-anggota polis, anggota-anggota keselamatan terpaksa menjaga sebab perhimpunan itu ramai orang, tiba-tiba ada pula orang ambil kesempatan untuk membuat aduan. Bagaimana pula anggota polis ini yang sedang bertugas, yang sedang menjaga keselamatan terpaksa mengambil aduan daripada orang ramai. Sebab apa apabila kita maklum kepada orang ramai boleh buat aduan tidak lagi di balai polis, boleh juga kepada anggota bagaimana anggota ini perlu dilengkapi dengan pengetahuan, dengan prosedurnya dan kelengkapan untuk menerima aduan di jalan-jalan raya, di tepi-tepi jalan, di lorong-lorong gelap.

Jadi perkara ini saya rasa perlu diperjelaskan di Dewan ini supaya tidak timbul cakap-cakap di mana ada perbualan yang panjang sangat di antara polis dan orang ramai di samping

pihak polis yang belum bersedia atau anggota polis yang belum bersedia kerana dia ada kerja-kerja lain. Sebab itu kalau kita tengok polis trafik umpamanya menjaga lalu lintas, tiba-tiba ada orang minta untuk diadukan satu laporan sebab dia tidak perlu lagi ke balai, bagaimana anggota trafik ini dapat menjaga lalu lintas akhirnya. Jadi perkara-perkara ini perlu diperjelaskan ketika mana atau cara bagaimana atau dalam apa juga keadaan, orang ramai boleh mengadukan satu-satu laporan kepada pihak polis yang kemudiannya diterima di bawah seksyen 107(3)(a)(1) sebagai satu laporan yang sah. Mungkin dia sebut dari segi SMS dan *e-mail* ini tidak boleh sebab prosedur-prosedur tertentu tetapi dari segi kesediaan dan keperluan untuk anggota polis bekerja ini perlu juga dilihat.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh satu perkara yang cukup menarik minat saya, iaitu seksyen 293 yang memberi satu lagi contoh hukuman baru selain daripada sebab rotan, bunuh dan penjara, perintah khidmat masyarakat disebut dengan jelas seksyen 293(e)(i),(ii),(iii) yang mana sekarang ini ada pula hukuman tidak lebih 240 jam untuk seseorang orang didapati bersalah mungkin tidak dihantar ke penjara tetapi dihantar untuk mengadakan program khidmat. Persoalan pertama saya, di bawah kuasa siapa? Disebut dalam 293(e)(iii) diletakkan di bawah kuasa Menteri yang bertanggungjawab menjaga wanita, keluarga dan masyarakat. Saya hendak Tanya, kementerian ini ada atau tidak orang yang hendak membawa pesalah-pesalah ke tempat-tempat khidmat masyarakat ini. Adakah orang ini diletakkan di dalam penjara terlebih dahulu dan pegawai penjara bawa pula, ini orang salah ini bagaimana dari segi keselamatan, bagaimana dari segi kesediaan, bagaimana dari segi keperluan untuk dia membuat khidmat masyarakat dan bagaimana pula kalau dia lari.

Jadi perkara-perkara ini kita kena lihat kesalahan jenis apa yang boleh dijatuhkan hukuman sebegini. Kalau di Singapura makan *chewing gum*, gula-gula getah ini satu kesalahan, buang merata tidak ada tempat yang tertentu, kesalahan. Kalau ini kita hantar khidmat masyarakat mungkin orang ini tidak membahayakan sebab dia membuat kesalahan-kesalahan yang kecil tetapi bagaimana pula kesalahan-kesalahan yang lebih besar atau pesalah ini merupakan penjenayah yang membahayakan orang ramai. Adakah pihak polis yang akan mengiringi pesalah ini untuk melakukan kerja-kerja khidmat masyarakat? Perkara-perkara ini perlu diperjelaskan kerana kita tidak boleh mengenakan hukuman kepada khidmat masyarakat ini kepada semua jenis kesalahan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh bangun.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Muar, nampaknya Yang Berhormat bagi Muar agak pesimistik. Apa-apa cadangan yang membina dan juga baru itu, ia ada tanda tanya sama ada ini boleh dilaksanakan ataupun tidak.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat bagi Muar, yang ini adalah untuk pesalah yang muda, *youthful offender*. Di antara umur saya ingat 18 hingga 21. Sekarang masalah yang kita hadapi ialah selalunya dalam minggu kebelakangan ini kita lihat, apabila ada pemuda yang bergaduh atau berkelahi, kita lihat apa yang polis buat ialah apabila mereka melakukan beberapa kali, apabila polis ada bukti, hantar mereka terus ke Simpang Renggam. Adakah ini cara kita menyelesaikan kita masalah keruntuhan akhlak ataupun kesalahan yang dilakukan oleh pesalah yang muda ini. Apabila mereka dihantar ke Simpang Renggam, yang ada orang yang panggil Simpang Renggam itu sebagai pusat kolej untuk melatih *hardcore criminal*. Jadi apabila mereka keluar mereka telah belajar dengan semua *hardcore criminal* di Simpang Renggam itu apabila mereka keluar mereka jadi lagi jahat.

Jadi sekarang kita cuba cari satu jalan bagi *youthful offender* ini bila mereka melakukan kesalahan tidak begitu berat, kita tidak hantar mereka masuk ke penjara tetapi kita beri mereka peluang untuk menukar diri dan untuk mengadakan satu format denda yang lain iaitu adalah dengan menjalankan perkhidmatan komuniti. Dengan harapan dengan cara ini mereka dapat satu peluang, tidak masuk penjara dan mereka dapat satu peluang untuk tahu macam mana berkhidmat dengan masyarakat.

Jadi selepas kita ada peruntukan seperti ini adalah tanggungjawab bagi kerajaan dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menggubal program bagi mereka. Saya rasa ini adalah cadangan yang baik dan juga mungkin pada tahun-tahun yang akan datang, *community service* ini haruslah diperluaskan kepada kesalahan yang lain dan bukan untuk *youthful offender* sahaja.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Muar, boleh saya sambung perkara yang sama? Mungkin boleh jawab.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya jawab dahulu yang ini sebab saya seronok bila DAP sudah mula sokong kerajaan ini sebab Yang Berhormat bagi Seputeh ini dia ada dalam jawatankuasa. Sebab itu dia sokong. Saya tidak kata saya tidak sokong. Saya kata apakah jenis kesalahan. Masa bila pula saya pernah tidak sokong perkara ini, Yang Berhormat bagi Seputeh? Tetapi tidak apalah, tahniah sebab Yang Berhormat bagi Seputeh sudah sokong. Tetapi saya tidak setuju, Yang Berhormat bagi Seputeh dari segi usia pesalah ini tidak jadi soal. Hari ini 16 tahun boleh rogol orang. 16 tahun pernah bunuh orang. 12 tahun pun ada.

Ini bukan soal usianya muda untuk khidmat masyarakat. Ada orang tua curi seluar dalam dekat pusat membeli-belah. Adakah dia tidak layak untuk dihantar untuk khidmat masyarakat? Saya cakap pasal hukuman. Saya cakap pasal kesalahan. Saya setuju khidmat masyarakat tetapi jangan kita bandingkan usia pesalah sebab jangan ingat semua orang muda ini tidak boleh melakukan kesalahan yang berat. Ada juga orang yang lebih dewasa melakukan kesalahan-kesalahan yang ringan.

Kita tahu sebelum ini ada yang curi Surah Yasin dihukum penjara. Ini boleh kita hantar untuk khidmat masyarakat. Tetapi yang saya bangkitkan cara bagaimana kita hendak mengendalikan, siapa yang jaga, pihak penjara ke? Pihak polis ke? Ataupun pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke? Adakah satu Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat di setiap daerah boleh jaga? Kerja dia hari ini untuk menjaga orang kurang upaya, untuk menjaga keluarga ibu tunggal masih belum selesai, adakah kita hendak tambah kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat ini pula untuk menjaga program-program khidmat masyarakat? Sebab kita setuju.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Akhirnya nanti kita harap orang yang bersalah ini tidak langsung terus membuat kesalahan-kesalahan baru tetapi bertaubat dan berkhidmat untuk masyarakat. Saya bagi sana dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Muar. Saya ingin turut serta dalam konteks Perintah Khidmat Masyarakat ini, seksyen 293 Kanun Tatacara Jenayah. Saya hendak menyokong sepenuhnya khidmat masyarakat ini dalam konteks nilai pelajaran ataupun nilai pendidikan kepada pesalah-pesalah kita.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Muar, kalau kita biasa menemui penjenayah ini. Saya biasa menemui penjenayah tetapi di pusat serenti. Sebenarnya bila kita menemui mereka, ini penjenayah kecil sebenarnya dan mereka terpaksa berada di pusat serenti ini selama dua tahun - 24 bulan dan bila saya menemui mereka sebenarnya, ramai di antara mereka sebenarnya memang dengan sendirinya di situ merasakan bahawa tempat itu tidak sesuai kepada mereka, malah yang sesuai kepada mereka, malah mereka sendiri meminta kalau boleh diberi satu ruang, umpamanya mereka kerja berat dan menjadi produktif dan diberikan kemahiran.

Jadi dalam konteks ini, saya hendak menyokong dalam konteks bahawa penjenayah-penjenayah ini apabila dia telah didapati bersalah oleh mahkamah, sebenarnya kita harus masih boleh mengkategorikan mereka ini sama ada mereka *hardcore* ataupun mungkin mereka adalah penjenayah kecil yang boleh sebenarnya dalam cara tertentu melalui khidmat masyarakat ini, mereka lebih mudah kembali kepada masyarakat kerana akhirnya mereka ini setelah menjalani hukuman, mereka sebenarnya dikehendaki untuk kembali kepada masyarakat.

Jadi sehubungan dengan ini, kita berharap bahawa seksyen ini dapat diterima pakai bagi saya, dengan seberapa segeranya kerana begitu ramai saya lihat kalau saya pergi ke pusat-pusat serenti ini bahawa mereka ini tidak sepatutnya berada di situ menjalani satu proses hukuman yang dari segi nilai pendidikannya, umpamanya memberi kemahiran kepada mereka

untuk kembali kepada masyarakat itu nampak begitu jauh. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Muar mengenai pandangan yang saya berikan? Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Kita sama setuju dengan seksyen 293 ini. Tetapi saya minta kerajaan maklumkan, setahu saya dalam cadangan ini kes-kes berkaitan dengan *addicted drug* tidak termasuk dalam Perintah Khidmat Masyarakat. Jadi bagaimana kita hendak bezakan? Itu kalau saya silap, boleh dibetulkan kemudian. Tetapi kalau yang saya tengok dalam laporan setebal ini ada dikatakan kes-kes yang ringan ini tidak termasuk kes-kes dadah. Jadi kalau harapan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam untuk mengenakan program khidmat masyarakat kepada tahanan-tahanan dadah, saya rasa kerajaan nanti boleh cerita macam mana dia hendak buat.

Tetapi menarik daripada situ, kalau orang yang ditangkap kerana dadah kita hantar ke pusat serenti, orang yang didapati bersalah dalam kes-kes jenayah kita hantar ke penjara, orang-orang ini kita hendak hantar ke mana? Adakah selepas mahkamah atau majistret mengatakan, "Awak dikenakan hukuman mengerjakan tidak lebih daripada 240 jam, awak duduk rumah nanti saya ambil untuk buat kerja-kerja kebajikan masyarakat ataupun saya hantar dahulu ke penjara." Adakah kita boleh terus bawa daripada mahkamah untuk kerja-kerja khidmat masyarakat atau dia balik rumah dahulu ataupun dia duduk lokap?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya tanya kerajaanlah, Yang Berhormat bagi Seputeh. Nanti kerajaan jawablah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya pada prinsipnya pun bersetuju dengan pindaan ini. Tetapi saya rasa yang ini untuk tujuan baik untuk *first time offender*, mereka yang muda. Tidak sesuai untuk menghantar mereka ke penjara ataupun Simpang Renggam kerana di sana mereka akan bercampur dengan *hardcore criminal* dan mereka akan keluar lagi menjadi lebih *expert* dalam *criminal*.

Jadi yang dipersoalkan di sini adakah umurnya, adakah 18 tahun ke atas atau sampai 20 tahun, 21 tahun boleh dianggap *youthful criminal* atau *offender* kerana di dalam undang-undang kita, mereka yang di atas 18 tahun pun telah dianggap sebagai dewasa. Jadi saya berpandangan bahawa dia mungkin perlu *define* kan umurnya, di bawah 18 tahun, *first time offender* dan juga apa-apa kesalahan yang tertentu, saya rasa ini adalah lebih sesuai. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Muar?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Itu pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Nanti kerajaan kalau dia hendak jawab, dia akan beritahu tetapi saya punya pandangan dari segi usia ini tidak perlu kita beza-bezakan ataupun ia merupakan kesalahan pertama ke, kedua ke. Kalau yang pertama ini umurnya muda tetapi kesalahan pertama dia kesalahan bunuh takkan kita hendak hantar ke Program Khidmat Masyarakat. Kan nanti yang jaga ini pun tidak selamat. Sebab itu kita kena lihat kesalahan-kesalahan kecil yang akan terpaksa diterjemahkan oleh pihak kerajaan, apakah jenis kesalahan yang boleh kita bendung daripada mereka melakukan kesalahan yang lebih besar. Tetapi kalau...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Apa dia? Itulah yang saya cakap sekarang. Sebab ini peraturan, kanun ini hendak kita pinda untuk membolehkan pendakwa raya dan peguam bela berbahas sebelum kerajaan ataupun sebelum hakim membuat keputusan. Tetapi saya tidak setuju di Dewan ini, saya hendak beritahu kalau kesalahan pertama boleh dikenakan penghantaran ini tetapi kesalahan itu terlalu berat, saya tidak setuju sebab itu perlu diterjemahkan dari segi kesalahan-kesalahan kecil.

Mungkin sebagai contoh hari ini kalau katakan kita di saman bawa kereta laju, kita boleh bayar kompaun. Ada 10 atau 9 kita bayar, satu tidak dapat sebab kita pindah rumah, kena waran tangkap. Jadi janganlah penjarakan orang yang kena tangkap sebab bawa kereta laju walaupun itu kesalahan ke-13. Kita hantar dia lagi. Tetapi mungkin yang ke-14, baru masuk penjara, contoh! Tetapi maksud saya itu, kesalahan kecil supaya mereka tidaklah bercampur dengan orang-orang jenayah berat di dalam penjara. Tetapi tidak bermakna dia itu perlu muda atau tua.

Tetapi kalau Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam merasakan apa Yang Berhormat sebut tadi, saya tidak boleh hendak kata saya tidak setuju sebab saya hanya memberi pandangan kepada cadangan pindaan 293(e) - (i), (ii) dan (iii) dan saya juga ingin menyebut kalau Yang Berhormat rasa perkara ini tidak sesuai dan sesuai. Dari segi mendidik, undang-undang tidak semestinya menghukum sebab itu dimasukkan juga tentang kaunseling.

Jadi kaunseling ini kalau kita kaunseling kepada orang yang sudah memang tegar jenayahnya, saya rasa tidak jadi ke mana. Dia akan menambah kos kerajaan dari segi penempatan. Sebab itu saya persoalkan tadi untuk jenayah-jenayah ini, adakah dia hanya duduk di rumah sebelum dikenakan hukuman tersebut dan pegawai-pegawai mana pula yang akan membawa mereka mengadakan kerja-kerja khidmat masyarakat. Adakah dia buat secara berseorangan atau dia buat secara berkumpulan. Kalau mungkin dia hendak kena nanti sudahnya membersihkan satu kawasan *local council*, majlis kerajaan tempatan, takkan seorang. Mungkin dia terpaksa menanti sampai 20, 30 orang. Apakah pakaian yang akan digunakan? Adakah pakaian sebagai penjenayah ataupun pakaian sebagai orang ramai, *civilians*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya sudah...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila Yang Berhormat bagi Parit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyebut cadangan, sebagai contoh, kesalahan yang kecil dan tidak mengira umur, tetapi contoh misalnya, ada orang suka mencuri barang-barang di *supermarket*. Dia curi barang pun harganya lima ringgit, sepuluh ringgit. Dia mencuri ini sebagai hobi dan ini misalnya dilakukan berkali-kali. Di manakah letaknya kesalahan begini? Patutkah kesalahan ini dimasukkan ke dalam jel atau pun dalam khidmat masyarakat. Ini sebagai contoh.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Parit ini, bagi saya perkara ini berlaku. Ini penyakit. Ini bukan soal umur. Ini bukan soal kesalahan pertama, kedua. Ini penyakit dan orang yang selalu didapati mencuri barang-barang yang kecil ini, dia ini bukannya orang miskin pun. Dia orang kaya, dia ada duit tetapi disebabkan penyakit dia ambil hobi itu. Maknanya ada satu penyakit yang mungkin ada doktor di sini boleh perelaskan apa penyakit ini.

Tetapi bagi saya itu bukanlah satu perkara yang berbahaya tetapi kalau dia buat secara berulang selepas kita memberikan pendidikan dari segi khidmat masyarakat dua tiga kali. Kita beri lagi kaunseling sekali, dia masih juga mencuri, kalau begitu kita sumbatkan saja dalam penjara. Maknanya sudah tidak bolehlah itu. Biar kita bagi hukuman yang berat sebab hukuman ini dia ada *deterrent*, dia menghukum supaya dia sedar. Kerajaan pun tahu, ramai yang sudah masuk keluar penjara ini tidak sedar-sedar pun. Tetapi jangan nanti rang undang-undang yang cuba kita pinda ini membawa masalah lain kepada masyarakat sekeliling dari segi keselamatannya dan dari segi kehidupannya. Sebab mereka ini saya rasa, budi bicara mahkamah boleh menilai satu-satu pesalah itu layak atau tidak untuk dihantar ke khidmat masyarakat ataupun terus dihantar ke dalam penjara. Tetapi yang biasa berlaku dalam mana-mana tempat bila budi bicara ini dijadikan sandaran, maka ada dakwaan ini adil, ini tidak adil dan sebagainya.

Jadi perkara-perkara begini yang sempat saya sentuh bagi membolehkan rakan-rakan yang lain turut berbahas di atas cadangan, saya mengharapkan agar ..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sikit saja.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Sila. sila Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar kerana membangkitkan perkara ini. Tadi disebut mengenai kaunseling, *first offender*, *second offender*. Pada pandangan Yang Berhormat apabila kita letakkan dalam pindaan undang-undang ini, Yang Berhormat ada keyakinanakah pihak yang menjatuhkan hukum selepas

itu dapat melaksanakan ini semua? Sebab saya bimbang dengan adanya kaunseling kita mesti ada yang berkelayakan untuk melakukan itu semua. Kalau tidak, tidak ada gunanya kalau kita ada pindaan undang-undang tetapi bila 'mari' pelaksanaan orang akan kata, "cakap tidak serupa bikin".

Jadi ini yang kita bimbang, yang mana jenis-jenis jenayah yang dilakukan pada hari ini cukup menakutkan kita. Kita letaklah undang-undang apa sekali pun dia tetap lakukan. Misalnya undang-undang hukum gantung sampai mati pun orang masih bawa dadah. Tapi macam masalah jenayah khususnya di kalangan juvana, maksud saya, ini akan meningkat dan statistik pun sudah menunjukkan peningkatan ini.

Jadi, dari segi pelaksanaan keyakinan Yang Berhormat terhadap ini, boleh Yang Berhormat beri komen sedikit.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya bersetuju tetapi bila disebut yang itu saya ada satu lagi perkara yang hendak ditambah selepas ini.

Saya bersetuju sebab untuk memberi kaunseling kepada penjenayah atau mereka yang melakukan kesalahan ini tidak sama seperti kaunselor di sekolah. Sebab mungkin di sekolah, Yang Berhormat pun daripada kementerian sebelum ini, untuk meningkatkan motivasi, keyakinan, untuk belajar bahawa kita boleh buat, kita boleh cemerlang dalam peperiksaan, kita boleh jadi orang yang berguna, tetapi untuk menasihati atau memberi kaunseling kepada orang yang pernah melakukan kesalahan sudah tentu ia melibatkan perkara yang berbeza.

Jadi, kerajaan sekali lagi terpaksa menyediakan kemudahan-kemudahan untuk melatih mereka yang layak untuk memberi khidmat rundingan nasihat kepada pesalah-pesalah yang tergolong di bawah Akta 295 pula memastikan mempunyai kemahiran, mempunyai pengetahuan tentang jenayah yang dilakukan supaya mereka tidak melakukan jenayah yang berulang. Sebab itu cadangan Yang Berhormat menjadi cadangan saya kepada pihak Kerajaan untuk kita memastikan modal insan (*human capital*) dalam sektor kaunselor ini juga perlu dinaikkan untuk kita lahirkan kaunselor-kaunselor yang layak untuk menasihati mereka yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang negara.

Saya sekali lagi ingin merakamkan rasa bangga saya kepada jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus selama dua tahun menyediakan laporan ini dan saya tidak pernah sekali-kali mempersoalkan kredibiliti yang telah ditunjukkan dan saya rasa rakyat juga telah diberi tempoh masa yang panjang, pertubuhan-pertubuhan kerajaan telah dijemput, pemimpin-pemimpin masyarakat telah dijemput untuk memberi pandangan dan akhirnya jadi satu pindaan yang dicadangkan dan saya dengan besar hati saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong perkara-perkara tersebut selain daripada perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi.

Dengan ini Muar ingin menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

12.16 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Biarlah saya teruskan, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada giliran Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih. Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah membuat kerja yang begitu baik sekali dan saya juga mendapati bahawa terdapat 35 pindaan di dalam Akta 593 dan apa yang lebih penting adalah saya melihat secara *totalnya*. Ini adalah satu pindaan yang mengambil kira tentang hak asasi manusia dan beberapa kelemahan yang telah dibangkitkan oleh orang ramai selama ini turut diambil kira oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah. Walau bagaimanapun di sini ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan dan saya minta supaya pihak menteri dapat meneliti tentang pelaksanaan pindaan yang telah dicadangkan itu.

Pertamanya saya memang setuju dengan pindaan seksyen 28 di bawah Akta 953 ini di mana kalau dahulunya kita sentiasa mengatakan *Magistrate Court*. Kalau kita hendak mendapatkan reman itu mesti di mahkamah dan diputuskan oleh majistret. Tetapi saya rasa kalau kita pindahkan *Magistrate Court* kepada majistret sahaja, ia tidak terbatas kepada kerja-kerja di mahkamah sahaja.

Ini amat penting kerana selama ini banyak rintihan daripada keluarga ataupun orang kena tuduh sebelum ini, mereka ditahan pada hari Jumaat dan pada keesokan harinya merupakan hari cuti, dan terus sampai hari Isnin barulah mereka boleh sama ada dilanjutkan reman dan sebagainya. Itu adalah satu perkara yang biasa. Satu rintihan yang orang rasa memang tidak adillah kerana orang ini belum tentu bersalah. Oleh kerana dengan adanya pindaan ini, maka perkara ini dapat dielakkan supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa ataupun secara kebetulannya orang itu ditangkap pada hari Jumaat dan ini adalah satu pindaan yang agak penting juga.

Mengenai pindaan seksyen 28A juga, saya merasakan bahawa pindaan yang dicadangkan Seksyen 28(2)(a) dan (3)(a) iaitu orang yang ditahan itu boleh *attempt to communicate* - cuba berkomunikasi dengan kawannya atau keluarganya, dan seksyen yang

berikutnya Seksyen 28A(2)(b) dan 28A(3)(a) itu boleh berkomunikasi dengan peguam bela yang dirasakan sesuai.

Saya rasa ini adalah satu peruntukan undang-undang yang amat baik, akan tetapi di sini ingin saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apabila kita kata *attempt to communicate*, adakah ini bermakna seseorang itu terlalu sibuk, pegawai polis terlalu sibuk, cuba menelefon keluarga dan kata tidak dapat. "*I have tried but I cannot reach the family*", dengan izin. Itu mungkin akan menimbulkan masalah juga.

Jadi di sini saya rasa, bukan saja *attempt to communicate* tetapi mestilah menggunakan budi bicara *reasonable attempt to communicate*. Saya rasa itu adalah satu perkara pokok yang perlu dimasukkan, yang perlu difikirkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Sekiranya kita tidak memasukkan ataupun menyatakan dengan jelas percubaan yang munasabah atau *reasonable attempt* itu mungkin ia akan disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi, ini adalah satu perkara yang penting.

Berikutnya seksyen 28A (3)(b), (c), (d), (e), saya rasa orang yang ditahan itu patutnya diberi hak untuk berjumpa dengan peguam bela. Dengan kehadiran peguam bela itu dan disaksikan oleh anggota polis di balai polis, saya rasa anggota polis atau pegawai polis yang merakamkan percakapan dengan orang yang kena tuduh ini sepatutnya memberhentikan apa sahaja rakaman percakapan biarlah orang yang ditahan ini boleh berjumpa dengan peguamnya di hadapan pegawai polis. Saya rasa itu mungkin satu perkara yang baik supaya orang itu tidak dinafikan hak untuk menuntut keadilan yang sebenarnya. Saya rasa itu adalah satu perkara yang agak penting juga.

Mengenai seksyen 51A – ini adalah mengenai dokumen-dokumen berkaitan dengan caj. Apabila seseorang itu dituduh di mahkamah, selama ini mungkin peguam bela menghadapi masalah untuk mendapatkan dokumen. Saya mengucapkan tahniah Jawatankuasa Pilihan melihat perkara ini. Ini adalah satu aspek yang betul. Saya rasa memang jitu sekali pindaan itu dibuat, dan saya rasa di bawah pindaan ini, pihak pendakwa raya orang yang hendak mendakwa ini kenalah menghantar dokumen ataupun laporan itu kepada peguam bela yang mewakili orang kena tuduh. Saya rasa itu adalah satu perkara yang seiring dengan apa yang selama ini orang ramai tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu lagi perkara di sini di mana kalau kita menyatakan pendakwaan itu, sebelum pihak pendakwa raya membuat satu pendakwaan mungkin perkataan yang digunakan ialah *before the commencement of trial*, sebelum diadakan perbicaraan ataupun prosiding di mahkamah. Mungkin ia terlalu subjektif, *before*, mungkin satu malam sebelum itu. Saya rasa dalam konteks ini kita harus menetapkan, mungkin tujuh hari misalan, ianya munasabah supaya peguam bela itu dapat meneliti dokumen yang diperolehi. Kalau tidak lengkap mereka boleh menuntut daripada pihak yang menyiasat. Saya rasa itu adalah satu perkara yang agak relevan.

Mengenai seksyen 107, seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Muar tadi, mungkin kami berdua ada pendapat yang berlainan sedikit. Saya rasa apa yang wujud dalam seksyen ini, yang penting dalam konteks ini adalah orang ramai boleh membuat laporan tentang satu jenayah kepada pegawai polis bukan kepada mana-mana anggota polis. Saya rasa selama ini kalau kita hendak keluarkan waran tangkap, ada pangkat-pangkat tertentu yang perlu ada pada seorang pegawai itu sebelum orang ini boleh diberi kuasa melakukan ini.

Saya rasa satu laporan polis itu dibuat kepada pegawai polis, itu adalah untuk memudahkan mereka apabila orang itu tercedera misalan, mereka tidak perlu secara fizikalnya sampai kepada balai polis kemudian disoal siasat dan sebagainya selepas itu mengambil tindakan selanjutnya. Saya rasa itu adalah satu perkara yang baik dan pihak polis juga boleh mengambil pendekatan yang pro-aktif dan inilah satu prosedur yang baik dan saya rasa kita mengalu-alukan pindaan ini.

Mengenai seksyen 107(a) pula – ini adalah mengenai laporan polis yang dibuat dan apakah tindakan susulan. Selama ini kita mendengar rintihan daripada orang ramai, mungkin mereka menghadapi masalah berkomunikasi dengan polis. Sebab itulah ramai yang menyatakan saya telah membuat laporan polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil. Apa gunanya kita membuat laporan polis? Itu sering kedengaran di kalangan orang ramai. Saya rasa dengan adanya peruntukan undang-undang, seksyen 107A ini, saya rasa ianya telah memberi satu tempoh yang jelas, di mana apabila satu laporan dibuat pihak penyiasat, pegawai yang menyiasat kes ini kenalah memberi satu laporan dan perlu menjawab kepada apa yang telah didakwa, apa yang telah dilaporkan itu kepada orang yang mengadu dan mereka perlu mengambil tindakan dalam tempoh dua minggu daripada menerima laporan itu. Saya rasa ini adalah satu perkara yang baik dan perlu kita memberi sokongan.

Mengenai seksyen 113 pula – Saya rasa itu adalah satu *break through* yang agak besar. Ianya merupakan satu pindaan yang agak signifikan. Kalau selama ini kita sering mendengar pihak polis kadangkala pun mereka dalam keadaan yang mendesak, mungkin pihak atasan minta mereka dapatkan *confession* iaitu pengakuan daripada orang yang kena tuduh, itu tugasnya tetapi sekarang tidak perlu lagi. Saya rasa ini bukan sahaja meringankan beban pegawai polis dan apa yang wujud sekarang adalah sesuatu pengakuan itu dibuat untuk kebaikan orang yang kena tuduh dan ia boleh digunakan di mahkamah kelak. Saya rasa itu adalah satu pindaan yang boleh diterima dan ianya juga memberi penambah baik prosedur yang ada sekarang. Saya rasa ini adalah satu perkara yang juga dianggap sebagai satu pembaharuan.

Mengenai seksyen 117 pula – ini adalah satu seksyen yang sering menjadi topik perbincangan hangat di kalangan rakyat jelata Malaysia. Ini juga satu perkara yang sering menimbulkan kontroversi di antara keluarga orang kena tuduh dan juga pihak polis. Saya melihat perkara ini adalah satu perkara yang serius dan saya sekali lagi mengalu-alukan pindaan. Akan tetapi saya mempunyai beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan di sini. Seksyen 117 (2)(a)

menyatakan, seseorang itu sekiranya disiasat di bawah suatu kesalahan yang boleh dihukum penjara lebih daripada 14 tahun. Orang yang kena tuduh ini boleh di reman selama 4 hari untuk permohonan pertama dan tiga hari untuk permohonan yang seterusnya. Saya rasa itu adalah untuk kesalahan yang kurang daripada 14 tahun. Untuk lebih daripada 14 tahun, ianya boleh kepada tujuh hari. Itu mungkin satu perkara yang baik. Dahulu diseragamkan kepada 14 hari, tetapi di sini satu perkara yang amat penting ialah, apa kata kalau seorang itu melakukan lebih daripada satu kesalahan, itu adalah satu perkara yang dianggap *grey area*.

Saya juga bimbang bahawa ianya boleh disalahgunakan oleh pihak tertentu dan saya juga risau ada pihak polis ataupun pegawai polis yang mungkin sengaja KIV atau *segregate* ataupun memisahkan beberapa tuduhan terhadap – apabila memohon reman daripada pihak majistret. Itu juga satu perkara yang perlu diberi perhatian. Saya mengambil contoh sekiranya Mr. X telah ditahan oleh pihak polis pada 1 Jun 2006 dengan kesalahan yang berikut:

- (i) memiliki dadah;
- (ii) mempunyai senjata yang berbahaya;
- (iii) memiliki kereta yang dicuri dan kesalahan ini dilakukan ketika orang ini sedang memecah rumah ataupun hendak melakukan kecurian.

Terdapat empat kesalahan dalam konteks terhadap Mr. X. Sekiranya pihak polis membuat empat laporan polis yang berasingan terhadap Mr. X, ini bermakna, sebagai contoh pada 2 Jun satu laporan dibuat terhadap Mr. X untuk kesalahan memiliki dadah dan reman itu boleh dibuat di bawah seksyen 117(2). Dalam kes ini mungkin orang itu boleh ditahan 6 hari. Pada 8 Jun, satu lagi laporan dibuat terhadap Mr. X kerana memiliki senjata yang berbahaya dan boleh lagi ditahan reman selama 6 hari. Pada 14 Jun, satu lagi laporan dibuat terhadap Mr. X kerana memiliki kereta yang dicuri dan reman adalah 5 hari dan pada 19 Jun 2006, satu lagi laporan dibuat terhadap Mr. X kerana mencuri ataupun melakukan kecurian dan reman di bawah Seksyen 117(2) ini mungkin 3 hari. Ini bermakna Mr. X itu mungkin boleh ditahan selama 3 minggu sehinggalah 22 Jun dan dalam konteks ini kalau saya mengambil kira contoh yang saya telah utarakan tadi, mungkin ia akan mengakibatkan atau kemungkinan ada kebocoran dalam sistem ini. Saya memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini, sekiranya satu klasifikasi kes itu dibuat secara berasing mungkin senario yang saya huraikan tadi akan berlaku.

Satu lagi perkara mungkin dari segi membuat klasifikasi kes itu. Mungkin ada orang menganggap itu adalah kes Seksyen 302 dan mungkin bagi seorang pegawai yang lain mungkin menganggap ia adalah Seksyen 304 dan persepsi yang berlainan dan akhirnya orang yang ditahan mungkin tidak dituduh di mahkamah. Kalau dalam konteks ini, mungkin aniyalah orang itu.

Saya rasa ini adalah antara perkara yang perlu kita lihat supaya ia tidak memberi ruang kepada mana-mana pihak khususnya pegawai penyiasat untuk melakukan perkara-perkara yang tidak diingini.

Seperkara lagi yang ingin saya nyatakan di sini adalah Seksyen 120. Ini adalah laporan pegawai penyiasat kepada pihak Pendakwa Raya. Kalau dahulunya tidak ada suatu tempoh yang dinyatakan, tetapi saya bersyukur kerana dengan adanya pindaan ini perkara-perkara itu telah diambil kira dan ianya perlu kuasa telah diberi kepada pihak DPP supaya laporan mengenai sesuatu kejadian atau sesuatu kes itu perlu dihantar seminggu setelah tiga bulan kes itu disiasat atau pun yang difikirkan perlu.

Saya rasa ini adalah suatu peruntukan undang-undang dan ini juga saya rasa dialu-alukan oleh pihak polis kerana slogan polis selama ini adalah "Mesra, Cepat dan Betul". Kalau kita hendak kata cepat, kita kena menyelesaikan semua kes dengan baik sekali dan ianya penuh dengan *efisien*. Itu sahajalah pindaan-pindaan yang saya katakan beberapa kekhawatiran saya. Saya berharap pihak jawatankuasa ataupun pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberi beberapa penjelasan dan walau bagaimanapun saya tetap lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang sekali lagi menerajui Jawatankuasa Pilihan Khas setelah 20 tahun dan satu kerja yang baik. Tahniah dan syabas. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Kubang Kerian.

12.32 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk turut sama mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang pindaan terhadap Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah sebagaimana yang telah diperhalusi oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat.

Adalah menjadi pendirian PAS selama ini bahawa dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, apa jua polisi mahupun undang-undang yang ingin diperkenalkan, ianya perlu mengambil kira pandangan rakyat dan oleh kerana rakyat jualah nanti yang akan terkesan dengan pelaksanaan sebarang polisi mahupun undang-undang tersebut. Di negara-negara yang juga menjadi model sistem *West Ministers* seperti United Kingdom, India dan lain-lain lagi, pewujudan Jawatankuasa Pilihan Khas ataupun *Select Committee* dan pelaksanaan *public hearing* sebelum ini menjadi suatu amalan biasa.

Dalam hal ini telah menjadi suatu prinsip yang "*trot*" bahawa pelaksanaan *citizen consultation* di dalam memperkenalkan sebarang undang-undang dan polisi adalah merupakan inti pati penting di dalam sistem demokrasi itu sendiri. Justeru itu, saya mengharapkan agar perkara ini dapat terus dilaksanakan demi kebaikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin secara spesifik menyentuh tentang cadangan pindaan terhadap Kanun Keseksaan yang telah memasukkan suatu bab khusus kesalahan yang berkaitan dengan keganasan. Jika dilihat secara sepintas lalu, laporan

Jawatankuasa Khas ini tidak memuatkan komentar khusus tentang peruntukan-peruntukan *substantive* sebagaimana yang dicadangkan dalam Seksyen 130(B), 130(T) akta pindaan A1210 melainkan hanya terdapat pandangan Jawatankuasa Pilihan Khas ini terhadap peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan kes-kes yang melibatkan keganasan sebagaimana yang dicadangkan dalam Seksyen 106A, 106B dan 106C Kanun Acara Jenayah.

Berkaitan dengan akta pindaan A1210 Kanun Keseksaan yang telah diluluskan, namun belum lagi dikuatkuasakan, jawatankuasa ini mencadangkan sedikit pindaan terhadap Seksyen 130B yang mendefinisikan makna *Terrorist Act* sebagaimana yang dinyatakan di dalam Lampiran A laporan jawatankuasa ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan kesal terhadap cadangan pindaan yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini khususnya berkaitan dengan pendefinisian semula terhadap frasa *Terrorist Act*. Tidak ada penjelasan secara jujur di dalam laporan ini, kenapakah *Terrorist Act* ini diberikan tambahan kepada definisinya yang jelas begitu umum dan mendedahkan seolah-olah terdapat suatu niat yang tersembunyi.

Untuk rekod dan ingatan kita semua, Akta A1210 pindaan terhadap Kanun Keseksaan ini mewujudkan kesalahan baru berkaitan dengan kesalahan *terrorist* dan telah diluluskan yang Dewan yang mulia ini pada bulan Disember 2003 dan telah diwartakan pada bulan yang sama. Akta yang sebegini penting, telah diluluskan dengan kuasa majoriti yang ada pada kerajaan Barisan Nasional tanpa mengambil kira pandangan pembangkang jauh sekali pandangan rakyat awam dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Pada awal penubuhannya perlu diingatkan bahawa *Terms of Reference* bagi jawatankuasa ini hanyalah memberi tanggungjawab kepada jawatankuasa ini untuk mengkaji cadangan-cadangan pindaan terhadap Kanun Acara Jenayah dan Kanun Keseksaan yang berhubung dengan peruntukan kesalahan-kesalahan seksual. Tugas untuk mengkaji Akta A1210 ini pada hakikatnya bukanlah salah satu daripada tanggungjawab yang diberikan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Namun saya memahami barangkali terdapat juga pandangan-pandangan yang diberikan oleh pelbagai pihak semasa sesi-sesi pendengaran awam yang dijalankan dan juga memorandum-memorandum yang diserahkan kepada jawatankuasa ini yang turut menyentuh berkaitan dengan akta A1210 ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menghairankan kalaulah terdapat pandangan dari NGO dan pelbagai pihak lain terhadap akta ini boleh dikatakan sepanjang pengamatan saya, kesemua dari pandangan-pandangan tersebut adalah pandangan yang mengkritik dan menentang peruntukan-peruntukan asal di dalamnya. Contohnya di dalam representasi yang dibuat oleh ALIRAN semasa sesi Mesyuarat Jawatankuasa Khas ini pada 29 Oktober 2004 terutama berkaitan dengan definisi *Terrorist Act* yang jelas terlalu umum dan mempunyai *tendency* untuk

disalahgunakan untuk kepentingan politik sebagaimana terdapat dalam undang-undang pencegahan *preventive laws* seperti ISA.

Tetapi amat mengejutkan kita semua apabila menatap laporan ini, kita dapati jawatankuasa ini bukan sahaja tidak mempedulikan "*public outcry*" tentang pindaan Seksyen 130B yang lama bahkan apa yang melampau sekali adalah mencadangkan pindaan pada Seksyen 130B(2) tersebut dengan menambahkan takrifan baru yang lebih menindas berbanding dengan peruntukan yang lama yang jelas tiada halus bermotifkan politik bagi menekan parti-parti pembangkang dan NGO-NGO Sivil yang lantang mengkritik kesalahan kerajaan.

Ini dapat dilihat secara khusus dalam hujah saya di dalam Seksyen 130B(2), (b) dan (c) di mana dinyatakan dengan izin "*For the purposes of this chapter "Terrorist Act" means an act or threat of action within or beyond Malaysia where (b) the act is done or the threat is made with the intention of advancing a political, religious and ideological cause and (c) the act or threat is intended or may reasonably be regarded as being intended to....."*

Tuan Yang di-Pertua, secara tegas saya menyatakan di sini bahawa PAS menentang dengan sekeras-kerasnya terhadap pindaan yang dicadangkan oleh jawatankuasa ini yang jelas bercanggah dengan hak asasi manusia dan dibuat seolah-olah untuk tujuan kepada apa juga bentuk gerakan yang tidak sehaluan dengan kerajaan. Meskipun gerakan tersebut mengambil pendekatan demokrasi.

Kita amat gusar sekiranya nanti pihak berkuasa akan mengambil kesempatan di atas keluasan peruntukan ini dengan secara sewenang-wenangnya menggunakan peruntukan ini untuk mengkategorikan mana-mana parti pembangkang dan pertubuhan-pertubuhan lain yang mengkritik sesuatu dasar kerajaan sebagai melakukan perbuatan *terrorist*.

Saya melihat frasa dengan izin *the Intention of advancing a political, religious or ideological cause* amat umum dan sebenarnya secara jelas tidak membenarkan langsung sebarang agenda ataupun ideologi perjuangan yang ingin dibawa oleh parti politik pembangkang yang sudah tentu tidak akan bersetuju dengan polisi yang dibuat oleh kerajaan. Apakah kita ingin menuju kepada sistem komunis yang hanya membenarkan satu parti sahaja wujud. Sebagai contoh, kalau saya mengatakan dalam ucapan publik bahawa kami ingin menjatuhkan kerajaan yang ada pada hari ini, dalam pilihan raya yang akan datang. Adakah itu menjadi suatu yang boleh dikategorikan sebagai saya, *act of terrorist...*

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Minta penjelasan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:Ahli-ahli Yang terhormat dari kalangan *backbenchers* tentulah amat tidak bersetuju dengan kenyataan saya ini. Tetapi jika Yang Berhormat sekalian mencermati peruntukan ini, maka yang terang lagi bersuluh, lawan sahaja kerajaan secara automatik telah melakukan kesalahan yang boleh didakwa di bawah seksyen 130C Kanun Keseksaan yang sekiranya didapati bersalah boleh dihukum sehingga 30 tahun penjara dan boleh didenda.

PAS sebagai contoh amat berpotensi untuk menjadi mangsa oleh kerana dasar PAS itu sendiri berlandaskan Islam, sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan PAS dan sebagai sebuah parti pembangkang.....

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu, hendak bagi jalan?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Biar saya habiskan ayat ini, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Dan sebagai parti pembangkang yang sudah tentulah begitu banyak perkara yang kita tidak sependapat dengan kerajaan, terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyebut tentang kemungkinan seksyen ini ataupun perkara 103 ini digunakan terhadap PAS. Setahu saya, soal keganasan ini bukanlah satu soal 'buat buatan'. Ia satu perkara yang memang berlaku di dunia hari ini. Jadi PAS telah pun lama berkecimpung dalam dunia politik dan tidak pernah pun diharamkan. Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, apakah yang menyebabkan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian begitu bimbang dengan keganasan ini ataupun *Terrorist Act* ini, sedangkan setahu saya, PAS bukanlah parti keganasan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kota Bharu dan terima kasih kerana memberikan satu pandangan, yang saya anggap ikhlas dan PAS sebagai sebuah parti yang bukan parti yang mengamalkan keganasan. Terima kasih.

Yang saya bimbang adalah, kita terjebak dalam suatu rangkaian ataupun konspirasi, satu definisi yang diwarwarkan oleh Amerika. Ini yang saya bimbang. Supaya kita, negara kita tidak terjebak di dalam suatu negara yang akan mengambil satu kesempatan yang menggunakan apa sahaja ruang di atas nama agama ataupun ideologi untuk mengamalkan akta ini. Ini yang saya cukup bimbang. Kita terjebak dalam suatu rangkaian yang boleh kita isytiharkan sebagai *state terrorism*, keganasan yang akan dilakukan atas nama negara sebab Amerika sehingga hari ini, yang saya rasa, hasil daripada pandangan mereka dan ugutan mereka terhadap negara-negara Islam sebagai contoh, yang hasilnya kita melihat sistem-sistem dan pondok-pondok, sekolah-sekolah, madrasah-madrasah di Mesir, di Timur Tengah, semuanya akur dan tunduk di bawah telunjuk Amerika di atas akta ini, yang cuba dilaksanakan secara universal di dalam negara-negara yang boleh mereka tunjuk, mengikut hujung jari mereka.

Jadi saya mengharapkan akta ini, yang saya bimbang adalah ianya akan digunakan terhadap mana-mana sahaja kumpulan yang akan berlandaskan Islam sebagai mana PAS, parti yang mengamalkan Islam ini, boleh dijebak di atas peruntukan yang ada ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, maka kalau melihat kepada seksyen 130B(2) ini, jika sekiranya seorang penceramah PAS berucap dengan mengatakan bahawa demi Islam, kalau hari ini kita melihat Islam diganggu-gugat sebagai contoh, Islam cuba untuk diheret kepada suatu pakatan ataupun satu konspirasi yang ingin menerapkan Islam serba boleh, Islam liberal sebagai contoh, sehingga ada agenda yang ingin supaya dibolehkan pertukaran antara agama ini dibuat ataupun disahkan oleh Perlembagaan dalam negara kita.

Kalau saya berdiri di atas nama umat Islam sebagai contoh, saya mengatakan saya rela mati untuk mempertahankan Islam, adakah ucapan saya itu boleh dikategorikan sebagai dan boleh dikenakan atas akta ataupun *Terrorist Act* ini. Ini yang saya minta penjelasan di atas akta ini sebab semua agama saya rasa, semua penganut Kristian kah, Buddha kah, kalau tinggi sentimen mereka terhadap agama mereka, hak mereka untuk mempertahankan agama mereka. Begitu juga dengan Islam.

Saya tidak rela Tuan Yang di-Pertua, atas nama Islam, mana-mana pihak yang cuba untuk mengganggu-gugat Islam, saya rela untuk mati untuk mempertahankan agama saya. Itu sebagai contoh, adakah ucapan saya itu boleh dikategorikan.....

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]:dikaitkan dengan *Terrorist Act*. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Saya faham Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai, kita apa agama sekalipun, kita sudah tentunya sayang dan mahu membela agama itu. Persoalannya, apakah pembelaan kita itu jika ia bertentangan dengan Perlembagaan dan undang-undang, apakah kita juga harus mengetepikan Perlembagaan itu, semata-mata dengan alasan kita sayangkan agama itu. Apakah kita sanggup berbuat demikian walaupun kita tahu ia bertentangan dengan peraturan dan undang-undang. Kalau kita juga terus berbuat sedemikian, bukankah itu boleh dianggap sebagai keganasan?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks negara Malaysia, yang telah menjelaskan dalam Perlembagaan, Islam sebagai agama rasmi, saya rasalah, kalau kita hendak mempertahankan Islam, tidak akan menjadi satu kesalahan dalam Perlembagaan negara. Tidak ada masalah saya rasa. Jadi semua pihak perlu faham apa itu Islam sebagai agama rasmi, menghormati sosial kontrak, menghormati segala apa yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan. Jadi saya rasa tidak ada salah faham pada peringkat itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya bersetuju Yang Berhormat, maknanya dalam Perlembagaan mengatakan, agama Islam agama rasmi. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar juga bahawa, ada dalam pihak pembangkang, tidak termasuklah ini, selalu membangkitkan dalam Parlimen ini, yang mengatakan negara ini adalah negara sekular, bukan negara Islam dan berkali-kali. Setiap kali saya selalu bertengkar kerana hendak mempertahankan Islam. Cuma, saya harap jugalah pihak Yang Berhormat sebagai parti yang dikatakan parti Islam ini pun kena bertahan juga. Begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Pasir Mas *Assalamualaikum* Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun kenalah juga kalau dihentak oleh kawan-kawan, rakan di sebelah pembangkang itu, pertahanlah sikit, kerana kadang-kadang depa kata ini, mana dia parti Islam tidak pertahankan langsung apabila kawan, rakan kita dalam pembangkang juga membangkitkan Malaysia bukan negara Islam. Macam mana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak baca satu ayat [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud, Islam ini bukan ciptaan PAS, bukan ciptaan UMNO. Islam ini anugerah Allah kepada kita semua dan kita penganutnya. Siapa-siapa pun boleh pertahankan Yang Berhormat, jangan bimbang. Islam ini ia *beyond politics*, melangkaui jangkauan politik. Asal kata Islam itu hak kita. Saya hendak menegaskan sekali lagi di dalam Dewan ini, hak kita untuk pertahankan Islam, *insya-Allah*.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menyambung bahawa saya melihat sekiranya pindaan ini diterima dan dikuatkuasakan, kesannya amat berbahaya dan saya berpandangan, ianya sebenarnya membolehkan, menggalakkan lagi kegiatan keganasan. PAS selamanya berpandangan bahawa dengan meluaskan lagi ruang demokrasi dan meraikan partisipasi rakyat dalam sistem demokrasi yang sihat dan adil, sebenarnya dapat mengurangkan kemungkinan lahirnya bibit keganasan dalam negara kita. Tetapi apabila ruang demokrasi yang sudah sedia sempit ini dikecilkan lagi dengan memperkenalkan takrif yang tidak munasabah ini sebagaimana seksyen 130B(2), ianya akan menjadi faktor yang boleh mendorong keganasan berlaku.

Saya memohon agar Jawatankuasa Pilihan Khas ini dan Menteri yang bertanggungjawab agar memberikan penjelasan yang jujur, kenapa dan bagaimana takrif *Terrorist Act* ini menjadi sedemikian rupa. Kita amat memahami akan suasana dan persekitaran yang mendorong, bukan sahaja Malaysia tetapi hampir semua negara di dunia ini yang mengambil pendekatan yang memperkenalkan suatu atau memperketat undang-undang anti keganasan dan PAS sebagai sebuah gerakan Islam, buat sekian kalinya, mengutuk sekeras-kerasnya sebarang perbuatan keganasan atas alasan apa sekalipun.

Pada masa yang sama, kita juga menentang sekeras-kerasnya sekiranya sebarang undang-undang anti keganasan yang diperkenalkan adalah bertujuan serong untuk melenyapkan suara pembangkang yang sihat dalam negara ini di samping untuk menghapuskan terus apa jua unsur yang dikira bisa menggugat hegemoni politik pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai hujah saya dalam mempertahankan Islam ini sepanjang sejarah yang saya baca dan banyak buku yang telah kita rujuk bahawa tidak ada seorang pun ahli sejarah baik mereka dari kalangan Islam atau bukan Islam yang pernah melibatkan Nabi s.a.w ataupun kajian-kajian intelektual mahu pun tesis-tesis yang ditulis bukan sekadar dalam universiti-universiti Islam tetapi dalam universiti yang dalam negara-negara bukan Islam pun yang pernah mengaitkan Islam dengan keganasan, tidak ada secara intelektualnya tidak pernah ada, yang pernah adalah tuduhan-tuduhan liar yang mungkin dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara besar.

Tetapi mengikut banyak buku yang kita boleh rujuk dalam *library* dalam dunia ini sebagai contoh sebuah yang ditulis oleh Harun Yahya seorang strategi dan seorang ahli sejarah yang pernah mengaitkan bahawa dalam era kebangkitan komunis telah membunuh sebanyak 120 juta jiwa manusia bermula dengan evolusi Paul Subic, revolusi kebudayaan Mao Tze Tung dan apa yang dibuat oleh Pol Pot di Khmer, Republic Khmer pada waktu itu yang membunuh 120 juta jiwa manusia. Jadi, ini hujah yang *empirical* yang saya bawa dalam Dewan yang mulia ini yang, dengan segala apa yang telah saya hujahkan tadi, yang menunjukkan bahawa Islam bukanlah negara ataupun Nabinya yang membawa kepada unsur keganasan dalam tamadun manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar Jawatankuasa Pilihan Khas ini, apa yang amat penting bagi saya Tuan Yang di-Pertua, meskipun saya bersetuju bahawa sebarang elemen keganasan perlu kita tangani, tapi jika kita lihat dari *legal frame work* kita di Malaysia sebenarnya tidak memerlukan undang-undang sebegini kerana kita sudah mempunyai undang-undang yang mencukupi.

Dalam konteks politik dunia pendekatan drastik bagi memerangi sebagaimana yang saya katakan tadi kita maklumi adalah sebagai reaksi terhadap peristiwa 11 September, 2001 dan lain-lain kegiatan keganasan yang berlaku di seluruh dunia kuasa-kuasa besar dunia terutamanya Amerika Syarikat mengeksploitasi habis-habisan keadaan ini untuk memperkukuh agenda politiknya di peringkat antarabangsa. Malaysia tidak juga terkecuali terkena tempias ini dan mengalami trauma ini yang dicanangkan oleh Amerika Syarikat selepas tragedi 11 September. Atas koordinasi ini juga saya fikir kerajaan turut sama memperkenalkan undang-undang inti keganasan ini dengan cara memasukkan ke dalam kanun keseksaan. Sebenarnya dengan perkembangan semasa yang berlaku momokan September 11 ini sudah semakin dipertikaikan. Dalam tragedi atau dalam insiden yang paling baru pakar-pakar strategi, bekas-bekas pimpinan CIA sendiri hari ini telah bangun dengan begitu berani, wartawan-wartawan yang tersohor yang memenangi hadiah novel seperti 'Sherman H. Skolnick' yang kita baca baru-baru ini dengan

berani mempertikaikan bahawa tragedi 11 September itu adalah ciptaan CIA, untuk memperkukuhkan kedudukan politik dan agenda politik Presiden Amerika Syarikat yang ada pada hari ini.

Ini bukan kita yang melabelkan, bukan pemimpin negara ketiga yang melabelkan, bukan pemimpin negara Islam yang melabelkan. Ini ialah lahir dari rakyat mereka sendiri dan penulis-penulis yang ada kredibiliti tentang fakta-fakta yang seperti ini. Begitu juga dengan peperangan di Iraq, penaklukan di Afghanistan yang tidak ada satu bukti pun sampai pada hari ini. *London booming* sebagai contoh yang terlalu awal bila saya bawa usul dalam Parlimen, keesokannya dengan begitu rakus Perdana Menteri Britain, menuduh kepada puak Islam tapi akhirnya kita melihat Jabatan Siasatan mereka akhirnya telah berjaya membuktikan bahawa ianya telah dilakukan oleh individu yang tidak ada kena mengena dengan rangkaian yang disebut rangkaian Al-Qaeda.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dalam keadaan dunia semakin didedahkan oleh konspirasi kotor tersebut kita di Malaysia pula boleh ke tahap mendefinisikan *Terrorist Act* dengan makna yang amat tidak munasabah. Apakah oleh sebab adanya desakan luar atau pun kerana kerajaan melihat bahawa ini adalah satu lagi kesempatan untuk menghapuskan penentang-penentang kerajaan dengan menggunakan mekanisme undang-undang ini? Saya sempat melihat beberapa peruntukan seperti definisi *Terrorist Act* ini atau seumpama yang dengannya di dalam undang-undang anti keganasan di beberapa negara. Kalau hendak dibuat perbandingan tarif *Terrorist Act* yang hendak digunakan di Malaysia sebenarnya adalah lebih teruk dan lebih ketat jika dibandingkan dengan Amerika sendiri yang memulakan eksploitasi terhadap keganasan untuk mencapai tujuan politiknya.

Ini jelas jika kita melihat kepada USA "*Patriot Act*" – *uniting and strengthen America by providing appropriate tools required to intercept obstruct terrorism* yang diperkenalkan selepas 11 September. Di dalam mentakrifkan perbuatan keganasan ini mereka menggunakan istilah *domestic terrorism* dan tidak *Terrorist Act* sebagaimana yang kita meskipun apa ingin diperjelaskan adalah sama. Definisi *domestic terrorism* ini ditakrifkan dalam Seksyen 802 akta tersebut yang meminjam definisi *International terrorism* sebagaimana yang diperuntukkan dalam US Criminal Code di mana US '*Patriot Act*' ini, ini mewujudkan kesalahan baru iaitu *domestic terrorism* yang ditakrifkan sebagai *any activities that involved act dangerous to human life that are evolution a of the criminal laws of the state*.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat dengan teliti bahawa takrifan di bawah '*Patriot Act*' ini adalah lebih baik dari takrifan yang dicadangkan dalam pindaan ini meskipun keseluruhan kandungan '*Patriot Act*' ini juga menerima banyak kecaman dan kritikan tetapi dari segi takrif mereka mendefinisikan *terrorism* itu mestilah perbuatan yang boleh menimbulkan ancaman dan bahaya kepada nyawa manusia ataupun dalam erti kata lain perbuatan itu mestilah perbuatan ganas atau ancaman atau paksaan secara fizikal dan tidak sekadar *advancing a*

political religious are or ideological cause Saya tidaklah mengatakan bahawa kita mesti mencontohi definisi dalam US 'Patriot Act' ini tetapi sekadar untuk dibuat perbandingan. Betapa kita sebenarnya mempunyai motif lain di dalam mencadangkan pindaan yang sedemikian rupa. Bukan sekadar 'Patriot Act'. sahaja takrif *terrorism* yang digunakan oleh FBI juga jauh lebih baik dari takrifan dari kita cuba cadangkan dalam pindaan ini. Kerana bagi FBI perbuatan *terrorist* sebenarnya adalah perbuatan yang melibatkan unsur *violent* di mana *terrorism* didefinisikan sebagai *the unlawful used of force of violent against persons of property to intimidate or to intimidate the government*. Ini takrif yang dibuat oleh FBI.

Saya menyedari meskipun terdapatnya subseksyen 3(a)(i) yang turut memasukkan perbuatan ganas seperti menyebabkan kecederaan teruk kepada orang lain, penggunaan alat letupan atau kimia dan sebagainya tetapi di sana juga terdapat juga perbuatan yang sangat umum yang boleh terdedah untuk disalah gunakan seperti subseksyen (x) *involves prejudice to national security or public safety*. Subseksyen ini terlalu umum kerana ia tidak diperjelaskan apakah maksud prejudis terhadap keselamatan negara dan *public safety* seperti tersebut. Jika kita melihat kembali pada subseksyen (i) tersebut saya ingin mempersoalkan bukankah kita sudah mempunyai undang-undang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan tersebut sama ada dalam kanun keseksaan sendiri ataupun undang-undang lain.

Kesimpulannya takrif *Terrorist Act* ini menimbulkan banyak persoalan kepada kita dan apabila *wordingnya* terlalu luas dan umum sebegini ia sebenarnya membuka ruang untuk disalah gunakan bagi tujuan politik. Selain itu juga saya ingin mempertikaikan perkataan yang digunakan dalam subseksyen 130B(2)(c) iaitulah *'may reasonably be regarded as being intended to'* yang merupakan bagai saya lebih pada sangkaan dan *presumption* semata-mata yang berpotensi untuk disalah guna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagi ke kalau tak boleh golong.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung petang. Yang Berhormat Dewan yang mulia di tangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 ptg.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam ini”

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Senator Dato’ Dr. S. Vijayarajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Majlis Mesyuarat disambung semula]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kubang Kerian untuk menyambung ucapan dan seterusnya menggulung.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa sekitar mungkin paling tinggi pun 10 minit, insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat cadangan pindaan pada seksyen 130B (2) ini yang merujuk kepada sebarang perbuatan yang disifatkan sebagai untuk dengan izin, *influence of compel the Government of Malaysia or the Government of any State in Malaysia, any other government or any international organization to do or refrain from doing any act.*

Selagi apa yang menjadikan sesuatu kesalahan di sini adalah terbuka untuk pentafsiran yang luas yang boleh ditafsirkan sebagai apa sahaja perbuatan dan ini amat berbahaya. Contohnya jika mana-mana orang yang tidak bersetuju dengan apa-apa polisi yang ingin dilaksanakan kerajaan dan dia meletakkan beberapa tindakan untuk menentang polisi tersebut, adakah dia boleh dianggap sebagai *to compel the government, to refrain from doing it.* Dan seterusnya dia dianggap telah melakukan *terrorist act.* Begitu lah juga keadaan apabila kita tidak bersetuju dengan kenaikan harga minyak. Apakah kita tidak boleh berdemonstrasi, membuat memorandum, mengutip tanda tangan atau pun menganjurkan ceramah kerana ia boleh ditafsirkan sebagai memaksa kerajaan supaya tidak melakukan sesuatu perkara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas terlalu banyak keraguan yang timbul daripada pindaan ini yang menyerlahkan niat kerajaan untuk terus mengekang sebarang suara yang vokal terhadapnya. Bagi sesiapa pun yang waras, pindaan ini terutamanya Seksyen 130B amat tidak wajar untuk dikemukakan dan disokong lantaran definisi *terrorist act* yang diberikan adalah terlalu luas dan memberi ruang untuk disalahgunakan. Apakah kerajaan masih merasa lemah dan tidak cukup dengan menggunakan ISA selama ini hingga terpaksa menggubal satu peruntukkan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kewajipan PAS dan mana-mana parti politik yang berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk memelihara keamanan dalam negara ini. Kita perlu untuk menyuburkan demokrasi dan terus bertanggungjawab supaya keamanan dan sebarang tindakan pada apa yang amat ditakuti, yang itulah berlakunya keganasan adalah satu tanggungjawab yang mesti kita bahu membahu supaya negara ini dapat terus mengamalkan sistem dan menyuburkan lagi demokrasi ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan kita merasakan walau apa pun yang telah dibentangkan mengenai dua Rang Undang-undang ini, saya mengambil kesempatan untuk memberikan rasa gembira saya terhadap apa yang telah saya kemukakan dalam Laporan Jawatankuasa ini tentang Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan juga Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, suka untuk saya memberikan satu dua persoalan yang PAS amat kesal kenapakah kalau menteri yang berkenaan boleh menjawab, kenapakah PAS tidak di undang untuk menganggotai Jawatankuasa ini? Adakah ada sesuatu yang tersembunyi atau pun takut untuk kami mengemukakan pandangan-pandangan Islam dan undang-undang Islam dalam membicarakan dua kanun yang sangat mustahak ini.

Yang keduanya, saya juga meneliti dalam laporan ini bahawa jawatankuasa telah mengadakan lawatan ke luar negara. Kita menghormati tindakan ini dan untuk mendapatkan input-input untuk memperkasakan mungkin pelbagai atau pun beberapa pindaan yang ada dalam kedua-dua Rang Undang-undang ini. Jawatankuasa telah melawat New Zealand dan Australia yang saya rasa fokusnya sudah tentu untuk mencari satu jalan penyelesaian yang terbaik, tetapi mengapakah persoalan saya, jawatankuasa tidak melawat contoh-contoh negara yang telah diakui bukan sekadar dapat mengawal tetapi terus dapat meminimumkan khususnya kes-kes rogol sebagai contoh.

Di Malaysia sendiri peningkatan yang amat drastik, tahun 2002 sahaja yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia disokong oleh *MST International* dan sampai 2002 kita ada 1,418 kes. Di UK sebagai contoh yang mengamalkan *Common Law* dalam *Nation Master Dot Com* dalam tahun 2000 sahaja, kes rogol sebanyak 8,593 kes. Singapura yang mengamalkan undang-undang yang ketat juga, statistik rogol sangat menggerunkan dan juga Amerika Syarikat yang berlaku sampai pada hari ini.

Tetapi apa yang menarik di negara Arab Saudi yang dilaporkan *Nation Master Dot Com*, tahun 2000 hanya terdapat 87 kes. Jadi kenapakah jawatankuasa ini tidak melawat Arab Saudi, setidaknya-tidaknya kita boleh melihat apa yang dikatakan mereka mengamalkan apa yang disebut sebagai dalam Firman Allah s.w.t. [*Membacakan sepotong ayat Al-Quran*] iaitulah pencegahan, *deterrent* itu daripada Allah s.w.t. Jadi saya mengharapkan supaya segala pandangan yang dapat dilihat secara objektif dan secara rasional supaya semua rakyat dapat berhak hidup dengan aman dan menikmati undang-undang sedia ada dan tidak berlaku prejudis atau pun apa yang dikatakan menggunakan suatu perkara untuk kepentingan tertentu atau pun kepentingan pihak kerajaan sahaja. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Tuan Yang di-Pertua, tidak berfungsi, tidak berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ampang, Yang Berhormat.

Seorang ahli: Ini taktik baru untuk menarik perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ampang.

2.40 ptg.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas peluang untuk saya berbahas pada Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada *Select Committee* di atas usaha yang cukup teliti untuk menghasilkan rang undang-undang ini dan juga di atas usaha memanggil banyak pihak untuk memberi pandangan. Saya bangun untuk berbahas dan menyokong Rang Undang-undang ini. Cuma apa yang saya ingin perkatakan di sini ialah tentang beberapa perkara sahaja yang belum lagi disentuh oleh rakan-rakan mungkin. Mengenai beberapa perkara yang saya rasa mungkin terlepas pandang ataupun tercicir ataupun ianya memerlukan penjelasan. Mungkin diri saya sendiri yang tidak berapa faham tentang beberapa perkara.

Pertamanya tentang rogol dengan keizinan (*rape with consent*) ini. Saya rasa, sepatutnya dalam rang undang-undang ini memasukkan tentang keadaan di mana seseorang itu membiarkan, bukan membiar, maksudnya menyerahkan diri untuk dirogol, tetapi dalam keadaan di mana seseorang itu tidak berupaya untuk memahami *the nature* ataupun keadaan ataupun akibat ataupun *consequences* daripada perbuatan dia memberi izin. Sebab, sebenarnya penyerahan diri ataupun *submission* tidak bermakna seseorang itu memberi keizinan ataupun *consent to have sex*. *Submission to having sex is not consent*. So, perlulah diambil kira perkara ini di mana saya rasa patut dimasukkan bahawa dalam keadaan-keadaan di mana mangsa contohnya, wanita yang kurang upaya. Yang tidak berupaya untuk memahami apa itu rogol. Apakah akibat menyerahkan diri untuk dirogol? Jadi, itu satu, ada beza dia.

Keduanya, tentang hukuman. Saya melihat bahawa hukuman, *Select Committee* telah memansuhkan perkataan hukuman lima tahun itu. Di mana dalam seksyen 376, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Whoever commits rape shall be punished for a term which may extend to twenty years and so on*". Tetapi tidak disebutkan hukuman minimum lima tahun yang dulunya ada disebut. Saya difahamkan dalam laporan bahawa ini adalah untuk menjaga kepentingan pesalah remaja yang mengadakan hubungan seksual secara suka sama suka.

Jadi, untuk tidak menetapkan hukuman minimum ini memberi peluang kepada remaja yang sebenarnya bukan merogol. Memberi mereka peluang supaya tidak diberi hukuman terlalu berat iaitu minimum lima tahun. Tetapi, apabila tidak disebut hukuman minimum, saya agak ragu-ragu. Memang kita yakin dengan sistem kehakiman negara kita. Tetapi saya agak ragu-ragu jika ini disalah gunakan. Maksud saya, jika tidak disebut hukuman minimum, kalau apa kata diberi hukuman satu tahun, atau kurang misalnya. Yang lebih ringan daripada hukuman mencuri motosikal misalnya. Jadi, apa yang saya ingin cadangkan kepada *Select Committee* ialah tidak perlu memansuhkan yang lama. Tetapi apa yang perlu, hukuman mandatori lima tahun itu haruslah dikekalkan dengan tambahan, iaitu menambahkan perkataan pengecualian bagi hukuman minimum mandatori dihadkan khusus kepada pesalah-pesalah remaja dalam keadaan di atas iaitu keadaan suka sama suka.

Ini cadangan saya, iaitu tidak dimansuhkan perkataan lima tahun, tetapi menambah perkataan pengecualian bagi pesalah remaja. Itu yang keduanya, kerana kita takut ia akan diguna pakai pula dalam kes-kes rogol biasa dan ini semestinya saya berpendapat tidak harus berlaku kerana kesalahan rogol adalah kesalahan yang begitu serius. Walaupun *Select Committee* mengambil kira prihatin tentang pesalah-pesalah remaja atas kesalahan hubungan seksual suka sama suka ini. Terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Ampang. Masalah penetapan tempoh penjara minimum lima tahun adalah dikatakan dikhasakan untuk mengelakkan berlakunya salah guna terhadap pesalah-pesalah yang mengadakan hubungan sejenis secara sukarela dan ia sepatutnya digunakan bagi kesalahan-kesalahan *statutory rape* bagi wanita yang berada di bawah umur 16 tahun. Tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa ada kalanya hubungan jantina di antara remaja ini disebabkan hubungan yang intim di antara teman lelaki dan teman wanita dan kemudiannya terdapat beberapa urusan untuk menyelesaikan masalah hubungan seksual ini dengan hubungan perkahwinan yang sah.

Kalau kita menetapkan hukuman minimum lima tahun dikenakan, tidakkah ia memberi kesan kepada masalah sosial yang lebih besar daripada itu? Bukan pemenjaraan itu yang lebih penting, tetapi menyelesaikan masalah hubungan dua manusia lelaki dan perempuan yang

berkasih sayang dan hubungan yang lebih besar daripada itu, malu di pihak kedua-dua keluarga. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Saya amat bersetuju bahawa sebenarnya di dalam kes-kes di mana remaja dengan remaja melakukan hubungan seksual, suka sama suka di bawah umur diberi peluang untuk menjalinkan hubungan secara sah. Contohnya seperti Yang Berhormat bagi Hulu Langat menyatakan, untuk mereka bernikah. Walaupun saya mengatakan bahawa hukuman lima tahun itu mesti dikekalkan, tetapi saya ada menyebut bahawa tambahan mestilah dimasukkan iaitu pengecualian terhadap kes-kes seumpama ini. Pengecualian kepada pesalah-pesalah remaja. Jadi itulah sebabnya saya menyarankan supaya dimasukkan tambahan ini.

Saya harap, saya menjawab soalan Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya ingin sentuh sedikit lagi mengenai hukuman ini. Saya ingin memujilah *Select Committee* kerana telah menyarankan bahawa ada terdapat perbezaan dari segi hukuman mengikut keadaan. Mengikut beratnya keadaan, mengikut zalimnya perbuatan orang yang merogol ini. Tetapi ada juga beberapa perkara yang tercicir. Contohnya ada dua perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka pada hari itu, di mana perogol itu ada penyakit HIV Aids. Jadi saya tak perlulah ulas sebab beliau sudah sebut. Yang keduanya jika merogol lebih dari sekali. Yang ketiga, saya ingin menambah ialah jika mangsa merupakan *mentally or physically disabled*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Cacat.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Orang kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua: Cacat. Cacat dan kurang upaya.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Cacat, kurang upaya dan akhirnya jika mangsa dibunuh dadah dalam keadaan tidak sedar, kerana akibat dadah ataupun pengaruh alkohol. Dengan izin, dalam bahasa Inggerisnya, *the victim is being drug or intoxicated*. Ini saya rasa perlu juga disebut sebagai keadaan-keadaan di mana hukuman lebih berat harus dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam laporan *Select Committee* tentang *Penal Code* dan CPC ini, tidak ada mencadangkan apa-apa pindaan kepada seksyen 376A mengenai sumbang mahram. Di dalam laporan itu, tidak ada apa-apa pindaan tentang *incest* ataupun sumbang mahram. Saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara kerana saya melihat isu sumbang mahram ini teramat-amat berat sekali berlaku di kalangan masyarakat kita.

Jadi saya ingin menyebut bahawa ada beberapa perkara yang haruslah disentuh dan sekali gus menyebabkan seksyen ini terpaksa dipinda. Pertamanya, saya rasa haruslah disebut bahawa mesti berlaku hubungan seks ataupun dia lebih dalam bahasa Inggeris, *sexual connection must be included* dengan izin. Jadi, bukan bermakna kes ini terhad kepada *sexual*

intercourse. Kerana saya melihat ada perbezaan di sini. Jika dalam kes rogol biasa dimasukkan perkataan *sexual connection* (hubungan seksual).

Saya merasakan adalah keperluan bahawa *sexual connection* juga harus dimasukkan dalam kes *incest 376A*, sumbang mahram. Kerana pada persepsi kita bila *sexual intercourse* bermakna ianya adalah hubungan kelamin sedangkan *sexual connection* adalah hubungan seksual yang sebenarnya sangat berbeza. Di mana kita melihat mungkin pada orang biasa, bermakna *sexual intercourse* ini melibatkan satu proses yang dari mula sampai akhir. Maksudnya kalau dari segi terdapatnya *penetration*, terdapatnya ejakulasi dan sebagainya sebagai pembuktian. Tetapi kalau *sexual connection*, ia juga boleh ditakrifkan sebagai apa-apa sahaja objek yang dimasukkan di dalam *vagina* ataupun di dalam dubur (*anus*).

Jadi bila kita sebut *sexual connection* bermakna ia merangkumi perbuatan-perbuatan sumbang yang tidak perlu sampai ke peringkat hubungan kelamin, ini pandangan saya. Dan dengan dalam nafas yang sama, *by the same token* dengan izin, ini juga dapat melindungi kes-kes sumbang mahram di kalangan ahli keluarga di antara sesama jenis. Ini yang saya rasa kalau kita sebut *sexual connection*, dengan *sexual intercourse* itu ada perbezaannya.

Dan yang kedua yang saya rasa perlu dimasukkan dalam 376A mengenai sumbang mahram ataupun *incest* ini adalah makna ataupun takrifan hubungan itu yang harus juga dimasukkan sama ialah jika keadaan di mana perogol itu adalah terdiri daripada keluarga angkat yang tinggal bersama, ini sangat penting. Mungkin bapa angkat, abang angkat dan sebagainya, *in cases of adoption* ataupun *foster family members* dengan izin. Dan tentang hukuman kepada sumbang mahram dalam Seksyen 376B ini, saya akui bahawa hukuman sekarang yang di antara 5 hingga 20 tahun dan boleh disebut itu mungkin dianggap mencukupi. Tetapi saya rasa adalah wajar jika saya mencadangkan bahawa hukuman yang lebih berat, hukuman minima yang lebih berat haruslah dikenakan dalam kes-kes sumbang mahram yang dilakukan ke atas mangsa *juvenile*, mangsa-mangsa bawah umur. Dan juga untuk membedakan di antara kes mengikut darjah ataupun beratnya sesuatu kes.

Sekarang ini kita lihat tidak ada perbezaan dari segi hukuman jika seseorang itu dirogol oleh orang lain, *a stranger* misalnya. Berbanding jika seseorang itu dirogol oleh ahli keluarga atau bapa kandung sendiri. Jadi saya menyarankan bahawa hukuman sebat dalam kes *incest* adalah mandatori, bukannya disebut sebagai boleh disebut tetapi dikenakan sebatan mandatori kerana isu sumbang mahram ini bukan saja melibatkan kes rogol tetapi ia merupakan satu penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan kepercayaan dari mangsa, telah diselewengkan kepercayaannya oleh pemangsa. Jadi saya mencadangkan sekali lagi bahawa hukuman sebat mandatori diberi kepada pesalah-pesalah sumbang mahram.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Masalah yang dihadapi oleh kita sekarang ialah ramai mangsa sumbang mahram kerana tekanan keluarga, mereka enggan datang keluar untuk melaporkan tentang kes yang berlaku pada mereka. Jadi kita akan menghadapi satu masalah sekiranya kita mengenakan sebatan, mengenakan hukuman yang sangat berat kepada mereka yang melakukan sumbang mahram. Kita macam *discourage*, tidak menggalakkan yang mangsa itu datang keluar untuk membuat laporan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Ampang, macam mana kita boleh mengimbangkan atas isu mengenakan hukuman terhadap pesalah yang melakukan sumbang mahram? Dan juga menggalakkan mereka untuk datang keluar melapur.

Dr. Rozaidah binti Talip [Ampang]: Ini ibarat "*ditelan mati emak, di luah mati bapa*". Saya rasa jika keadaan ini dibiarkan dan keadaan sumbang mahram ini berleluasa, kita tidak boleh tutup sebelah matalah, *close one eye* orang kata, kita tak boleh buat macam tu. Jadi bagi saya dengan mengadakan satu hukuman sebat mandatori merupakan satu *deterrent factor* dengan izin kepada orang-orang yang berniat untuk melakukan kesalahan yang zalim ini terhadap darah daging mereka, terhadap orang yang diberi kepercayaan. Dan saya tidak tahu, saya tidak berapa arif tentang undang-undang, tetapi saya rasa bolehlah difikirkan satu kaedah di mana mangsa diberi satu perlindungan. Kita buat satu undang-undang di mana mangsa boleh diberi undang-undang untuk tidak didedahkan semasa perbicaraan atau sebagainya, mangsa boleh diletakkan di bawah satu tempat perlindungan.

Jadi in mungkin Kementerian Dalam Negeri boleh berbincang dengan Kementerian Pembangunan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga untuk menjaga mangsa semasa bapa atau abang, ataupun saudara kandungnya disiasat ataupun dibicarakan. Dan yang akhirnya saya ingin menyentuh sedikit sahaja tentang walaupun *domestic violence* ataupun keganasan rumah tangga tidak disebut di dalam ini. Tetapi oleh kerana isu *marital rape* disebut beberapa kali oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, saya melihat bahawa wanita-wanita yang diganasi di dalam rumah tangga. Jika mereka merasakan diri mereka dirogol walaupun saya secara peribadinya tidak merasakan bahawa istilah dirogol oleh suami itu, saya rasa tidak patut wujud, itu pendirian saya. Tetapi jika wanita merasakan diri mereka didera dalam apa juga cara sama ada fizikal, emosi ataupun secara seksual, terpaksa nampaknya rujuk kepada akta-akta di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga.

Jadi oleh itu, saya ingin menyarankan supaya *domestic violence* ini Akta Keganasan Rumah Tangga ini yang harus diperkemas dan diperketat lagi kerana wanita-wanita yang menjadi mangsa ini tidak tahu mana nak pergi. *Marital rape* tidak wujud dalam istilah *Penal Code*, jadi mana mereka nak pergi? Jalan keluar adalah mengadu di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga, sedangkan Akta Keganasan Rumah Tangga tidak dianggap sebagai kesalahan jenayah di dalam *Penal Code*. Jadi saya menyarankan bahawa perkara ini diberi perhatian serius untuk membantu wanita-wanita yang terus sengsara, tidak tahu mana nak pergi akibat

menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Itu sahaja sebenarnya perbahasan ringkas saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bera.

2.57 petang.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk sama-sama dengan rakan-rakan untuk membahaskan isu Pindaan Kanun Keseksaan dan juga Kanun Tatacara Jenayah. Tuan Yang di-Pertua serta rakan-rakan, Yang Berhormat sekalian, undang-undang diwujudkan adalah untuk memberi keadilan. Keadilan kepada semua sama ada keadilan kepada individu ataupun keadilan kepada masyarakat. Prinsip tidak sesiapa boleh dianggap bersalah sebelum diisytiharkan bersalah oleh mahkamah menjadi prinsip utama.

Dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak yang terlibat dalam meminda undang-undang ini kerana berani untuk mengubah beberapa perkara yang tertentu, beberapa seksyen yang tertentu yang agak sensitif. Tetapi demi untuk melindungi individu-individu tertentu. Misalnya dalam soal hak bagi orang yang ditangkap yang nampaknya dilindungi apabila ada pindaan di bawah Seksyen 113 dan juga 117 Kanun Tatacara Jenayah. Ramai yang bertanya kepada saya kenapa perlindungan ini cuma diberi kepada pihak yang ditangkap, adakah kita ingin melindungi mereka yang ditangkap ataupun ingin melindungi masyarakat. Dan saya amat bangga dengan apa yang dilakukan oleh *Select Committee* kerana memberi perlindungan kepada mereka yang ditangkap dengan lebih baik berbanding dengan Kanun Tata Jenayah, *Criminal Procedure Code* yang lepas.

Kalau kita lihat di dalam pesalah-pesalah, mereka boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan. Iaitu pertama adalah mereka yang disyaki, kumpulan pertama adalah iaitu mereka yang ditangkap, tetapi belum dibawa ke mahkamah dan yang kedua adalah mereka yang dituduh iaitu selepas pihak pendakwa raya merasakan ada kes rakyat mereka, mereka dituduh di mahkamah dan kumpulan yang ketiga adalah mereka yang didapati salah oleh mahkamah dan dihukum. Tetapi, apa yang berlaku ialah persepsi masyarakat kepada mereka yang ditangkap seolah-olah orang yang ditangkap telah pun melakukan kesalahan. Sebab itulah apabila Jawatankuasa *Select Committee* meminda akta ini untuk memberikan perlindungan kepada mereka yang disyaki. Ramai yang mengatakan kita seolah-olah ingin melindungi penjenayah-penjenayah. Jadi sebenarnya apa yang kita buat adalah untuk keadilan semua pihak kerana mereka yang disyaki belum tentu bersalah. Tetapi, apa yang berlaku, mereka yang disyaki dalam undang-undang yang ada pada hari ini telah pun dihukum sebelum dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara yang ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat. Saya telah menerima panggilan daripada masyarakat Malaysia, iaitu menyatakan pindaan cukup baik. Cuma dia kata tidak ada pindaan yang menyatakan ada pesalah telah dibicara menang di mahkamah, dia bebas luar mahkamah ditangkap semula, minta pandangan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekali gus, Tuan Yang di-Pertua ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada kaitan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ada kaitan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa putuskan ada kaitan?

[Ketawa]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

[Ketawa]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, *Speaker Of The House*, Yang Berhormat bagi Bera, tanggapan masyarakat tentang pesalah ataupun yang disyaki pesalah. Yang Berhormat menyebut hari ini masyarakat telah menganggap bahawa mereka yang baru ditangkap telah disyaki sebagai pesalah. Apa komen Yang Berhormat tentang tanggapan ini? Sebenarnya masyarakat pun berada dalam satu kedudukan yang di persimpangan apabila fakta-fakta lain yang menyumbang kepada terputusnya tanggapan masyarakat ini. Sebagai contoh, media elektronik dan cetak yang seolah-olah apabila seseorang itu baru dituduh, mereka itu telah bersalah. Apa pandangan Yang Berhormat tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada keputusan masyarakat ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, kepada soalan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, memang kita dengar bahawa yang ditangkap dan dibebaskan ditangkap semula. Tetapi, mereka ditangkap di atas undang-undang yang berbeza kerana di dalam negara kita, tidak ada orang yang boleh disabitkan kesalahan ataupun dituduh di dalam perkara yang sama dalam satu masa. Kalau sudah dibebas, tidak boleh dituduh di dalam perkara yang sama, ini dipanggil *double jeopardy*. Tetapi, apa yang berlaku ialah, pihak polis akan mencari undang-undang yang lain untuk menangkap di dalam isu yang lain, itu yang berlaku.

Memang, pada dasar kemanusiaannya, saya sendiri tidak bersetuju, tetapi undang-undang membenarkan kerana ditangkap di dalam undang-undang yang berbeza. Kepada soalan

Yang Berhormat bagi Tangga Batu, saya setuju bahawa inilah persepsi yang salah daripada kita. Kita apabila ditangkap terus keluar dalam media, bermakna *damaged has been done* dengan izin. Orang yang ditangkap walaupun hanya disyaki, tetapi telah pun dihukum oleh masyarakat di sekeliling. Sebab itulah saya daripada awal mengatakan saya agak berbangga dengan apa yang dilakukan oleh pihak *Select Committee* kerana mempunyai peruntukan-peruntukan yang memberikan hak kepada mereka yang disyaki tadi. Saya akan pergi secara *detail* kepada itu. Ini cuma baru mukadimah.

Yang kedua saya lihat, persepsi kita juga kepada perundangan, kepada perbicaraan ialah menang atau kalah. Kita tidak bercakap soal keadilan, tetapi kita bercakap soal menang, peguam yang mengendalikan kes akan merasa bangga apabila menang. Kita tidak bercakap soal keadilan, pihak pendakwa, apabila mendakwa kes. Apa yang *bottom line* bagi mereka dengan izin adalah untuk menang kes supaya mereka yang didakwa disabitkan kesalahan. Persepsi juga salah dari segi ini, iaitu bicara untuk menang. Bukan soal keadilan.

Sebab itulah saya rasa, saya percaya undang-undang yang ada adalah perlu bukan sahaja untuk melindungi semua pihak, tetapi juga perkara-perkara teknikal tidak boleh dititikberatkan. Saya lihat undang-undang yang ada perlu memberi keadilan. Bukan soal menang atau kalah. Kadang-kadang ada rakan-rakan saya majistret, hakim sekarang. Mereka mengatakan jelas bahawa kadang-kadang kes itu pihak yang dituduh bersalah, tetapi kerana teknikal kerana, masalah teknikal *procedures* dan sebagainya, peraturan akhirnya mereka terpaksa membebaskan. Sedangkan orang itu mungkin bersalah, tetapi kerana teknikal kita bersalah. Ini adalah kelemahan-kelemahan undang-undang yang ada pada kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Memang saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat bagi Bera, pada satu ketika di mana negara kita telah dibicarakan oleh masyarakat iaitu berhubung dengan beberapa kes yang mungkin pesalah telah melakukan kesalahan, tetapi, apabila di mahkamah, oleh kerana masalah teknikal sedikit, maka pesalah telah dibebaskan dan telah menimbulkan keraguan di kalangan keluarga dan ini memang jelas bahawa memang nyata bahawa kebanyakan sama ada pendakwa raya ataupun peguam bela, mereka cuma mahu memastikan mereka menang dalam perbicaraan tanpa menilai nilai-nilai keadilan yang sebenarnya. Jadi ini mungkin merupakan tanggungjawab kerajaan untuk kalau boleh kita mengetengahkan soal-soal keadilan dan soal-soal siapa menang dan siapa kalah. Jadi saya minta Yang Berhormat, kalau boleh bawa persoalan ini dengan lebih detail lagi untuk ke pengetahuan kerajaan supaya mungkin boleh diterapkan nilai-nilai ini kepada pengamal undang-undang yang sedang menjalankan kewajipan mereka berhadapan dengan masyarakat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tetapi, inilah hakikatnya bahawa ada kes yang mungkin pesalah yang benar-benar bersalah tetapi dibebaskan atas dasar teknikal dan sebagainya. Tetapi, kita

tidak boleh menyalahkan hakim yang salah mungkin sistem, tidak boleh menyalahkan hakim kerana prinsip kehakiman adalah jelas. Bagi hakim lebih baik dia membebaskan orang yang bersalah, seorang yang bersalah daripada dia menghukum seorang yang tidak bersalah. Ini jelas kepada prinsip kehakiman. Prinsip seorang hakim adalah lebih baik seorang hakim katakan adalah lebih baik saya membebaskan orang yang bersalah daripada saya menggantung orang yang tidak bersalah. Jadi akhirnya perkara-perkara teknikal ini memberikan satu ruang untuk pihak peguam dan sebagainya di dalam mendapatkan pembebasan ataupun di dalam mendapatkan kemenangan seperti yang saya sebut tadi yang ada pada seseorang peguam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Bera. Saya bersetuju dengan prinsip kehakiman yang menyatakan bahawa adalah lebih baik membebaskan sembilan orang yang bersalah daripada menyabitkan seorang yang tidak bersalah di dalam kes-kes di mahkamah. Itu perkara lumrah dan diterima pakai di bawah prinsip di negara ini.

Tetapi Yang Berhormat, saya ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan terutama sekali perbicaraan yang bukan di selesaikan di dalam mahkamah. Perbicaraan oleh pihak media misalnya. Perbicaraan-perbicaraan yang ditonjolkan diperbesarkan dalam media dan apabila keadaan ini berlaku, sudah tentunya orang kena tuduh ini tadi akan berusaha sedaya upaya bukan sahaja melalui peluang-peluang dan peruntukan di dalam undang-undang, malah akan mencari jalan sebaik mungkin terutama sekali menggunakan isu teknikal yang sepatutnya tidak dikenali sebagai satu untuk tujuan pembebasan bukannya dalam bentuk *defenses* pembelaan untuk melepaskan diri dan kejayaan itu menggambarkan bahawa mereka adalah tidak bersalah dan bukan isu keadilan yang menjadi perkara pokok dalam hal ini.

Tetapi Yang Berhormat, saya juga ingin menyatakan bahawa soal penahanan di bawah seksyen 117 Kanun Acara Jenayah yang seolah-olah menggambarkan bahawa apabila pihak polis sudah membuat tangkapan, tidak kira kalau mengikut peruntukkan 117 (2) yang baru ini, sama ada tahanan di bawah empat hari, di bawah tujuh hari, 15 hari dan sebagainya, asalkan ada penahanan cepat. Masyarakat telah menghukum orang yang disyaki ini sebagai melakukan kesalahan. Selepas daripada pembebasan itu, selepas daripada keseluruhan perbicaraan dijalankan, tidak ada langsung kaedah dalam peruntukan undang-undang atau di mana sekali pun, untuk menyatakan bahawa orang ini sebenarnya tidak bersalah mengikut undang-undang. Melainkan dia hanya dibebaskan dengan keputusan mahkamah. Dan ini biasanya tidak diumumkan kepada umum, kepada khalayak ramai melalui media secara besar-besaran, dan akibatnya orang yang dituduh ini akan berusaha sedaya upaya untuk membebaskan diri. Ini adalah satu pertimbangan di antara undang-undang, keadilan dan kepentingan orang yang kena tuduh. Saya minta Yang Berhormat ulas perkara ini. Sekian terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Seksyen 117 akan saya perelaskan selepas ini. Tetapi dari segi perbicaraan oleh media, dan keadilan kepada pihak yang dituduh, apabila dibebaskan, tidak ada lagi, tidak ada lagi pihak media, mengeluarkan di muka depan bahawa orang itu telah dibebaskan, ini saya bersetuju. Sebab itulah saya katakan tadi bahawa walaupun kita mempunyai sistem kehakiman yang adil untuk keadilan semua pihak. Tetapi kadang-kadang keterlibatan pihak lain, kadang-kadang telah membawa ketidakadilan kepada pihak yang masih belum pasti sama ada mereka bersalah atau tidak. Saya ingin membawa contoh yang lain mengenai ketidak....

Tuan Haji Fadillah bin yusof [Petra Jaya]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap saya akan beri sebentar lagi. Saya juga akan bawa kepada contoh lain bahawa ketidakadilan kadang-kadang berlaku dengan hanya berprinsip untuk menang di dalam kes. Misalnya di dalam kes-kes jenayah elemen-elemen *surprise, elements of surprise* banyak berlaku di dalam perbicaraan, dan pihak jawatankuasa ini cuba mengaddresskan isu ini, dengan izin, apabila pertukaran dokumen walaupun di dalam kes jenayah, seperti yang berlaku di dalam kes *civil*. Banyak yang berlaku tiba-tiba di dalam satu kes, pihak yang mendakwa misalnya, secara tiba-tiba mengemukakan satu saksi yang baru, mengemukakan satu perkara yang baru, satu fakta yang baru dan ini menyebabkan akhirnya pihak peguam yang membela kadang-kadang tidak bersedia dan *elements of surprise* ini kadang-kadang yang menyebabkan seseorang yang belum tentu bersalahnya akan menjadi bersalah dan tidak mendapat pembelaan yang sebenar. Jadi sebab itulah saya katakan bahawa prinsip keadilan adalah amat penting di dalam undang-undang. Sistem kita mesti jelas supaya prinsip undang-undang yang diamalkan, bukan sahaja boleh diikuti oleh pihak polis, tetapi oleh semua pihak dan keadilan yang diberi adalah mesti diberi kepada semua, tidak kira sama ada yang dituduh atau pun yang tidak dituduh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lanjutan kepada apa yang dikatakan salah satu kelemahan, kita tidak dapat menyalahkan hakim dari segi membuat keputusan, disebabkan hakim memutuskan berdasarkan fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwa raya dan juga pembelaan yang dikemukakan oleh peguam. Tetapi salah satu lagi yang boleh menyumbang kepada kelemahan sesuatu kes ialah disebabkan peruntukan perundangan yang tidak jelas, atau pun kurang jelas, saya kira dan saya yakin, Yang Berhormat bagi Bera akan menyentuh berkaitan dengan pindaan. Misalnya saya bagi contoh seksyen 377 (A) dalam Kanun Keseksaan, kalau dapat Yang Berhormat menterjemahkan atau pun memberi ilustrasi, mengapa satu yang dicadangkan oleh *committee* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan *sexual connection*. Dan di mana diperkenalkan juga satu pengecualian *sexual connection* itu dikecualikan sekiranya di lakukan atas sebab *for medical or law enforcement purposes*. Saya

melihat di sini ada kurang jelas berkaitan dengan peruntukan ini. Mungkin ada juga percanggahan, apakah yang dimaksudkan dengan *sexual connection* dan juga dengan *carried out for medical or law enforcement purposes*. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Ya saya setuju bahawa kadang-kadang peruntukan tidak jelas. Ini juga menyebabkan kita tidak dapat mencapai kejayaan di dalam satu-satu kes. Sebenarnya undang-undang yang baik adalah undang-undang yang boleh *prosecute* dengan izin penjenayah. Tetapi kadang-kadang kerana undang-undang yang tidak jelas, bahasa-bahasanya begitu teknikal, akhirnya kita tidak mampu untuk mengambil atau pun mengambil tindakan kepada jenayah-jenayah tertentu. Saya ingin ambil contoh, seksyen 372 dan 373 Kanun Keseksaan, bukan di dalam yang dipinda. Saya ingin contoh sahaja iaitu mengenai persundalan, masalah persundalan, masalah persundalan telah lama menjadi isu di negara kita. Bagi tujuan persundalan seksyen 372, 372 (A) orang yang hidup di atas persundalan mencari langganan persundalan seksyen 372 (B), 373 dan sebagainya. Perkara ini tidak dapat dibanteras kerana undang-undang yang ada mengelirukan. Undang-undang yang ada tidak jelas mengenai definisi, dari segi definisi yang menguruskan rumah persundalan misalnya tidak jelas. Oleh sebab tidak ada perkara yang jelas di dalam undang-undang ini, akhirnya kita tidak dapat memberi keadilan dan membanteras perkara-perkara atau pun gejala yang timbul daripada masalah persundalan.

Saya ingin... Tuan Yang di-Pertua, saya sambung kepada *sexual connection* tadi. *Sexual connection* sebenarnya dalam Penal Code Kanun Keseksaan yang akan saya bangkitkan nanti, sebab saya belum masuk lagi CPC, tetapi tidak apa saya, kalau ada soalan saya akan sebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya akan beri hanya 12 minit lagi sahaja.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya baru mukadimah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jangan panjang sangat mukadimah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okay, kepada persoalan tadi. Saya jawab persoalan tadi, tentang *sexual connection* di dalam seksyen 377 yang disebut adalah *sexual connection*, soal penjelasan di bawah mengenai *medical doctor* dan sebagainya, apa yang berlaku tidak melibatkan *sexual connection*. Bagi saya tidak perlu ada *exception* di bawah itu, tidak perlu. Kerana jika ada ianya seolah-olah memberi satu "*immunity*" kepada pihak doktor, yang penting adalah perlu dibuktikan ada *sexual connection* tadi. Misalnya apabila kita ada seksyen ini. Pihak doktor misalnya apabila merawat pesakit, yang tidak perlu memasukkan objek di dalam faraj perempuan misalnya, tetapi dimasukkan, adakah seksyen ini melindungi perbuatan doktor itu? Apa yang perlu adalah *mens rea* di dalam kes ini. *Mens rea* dan mewujudkan *actus reus* di dalam kes ini. Tetapi dengan adanya *exception* ini, pihak doktor seolah-olah diberikan kebenaran untuk memasukkan objek di dalam vagina atau pun *anus* pesakit yang mereka rawati, ada *exception* seperti ini, adakah semua boleh dimasukkan? Kalau doktor gigi misalnya,

merawat gigi, apa masalah dia hendak masukkan dalam vagina perempuan, tetapi kerana ada *exception* ini tidak ada salah. Perkara ini dibenarkan oleh seksyen 337 (B) *exception* yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Gombak.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ada 12 minit? Kalau Tuan Yang di-Pertua beri lebih sedikit, perkara ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih lima minitlah. Sebab tadi minta setengah jam.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya tulis, setengah jam, ini sejam sudah Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap sejam, tidak ada gangguan, tidak ada celahan boleh, tetapi kalau ada celahan.

Tuan Yang di-Pertua: Celahan tidak banyak.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya berilah doktor ini.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera. Saya mengikuti perbincangan yang ada kaitan dengan *medical profession*. Jadi yang dikatakan bahawa doktor sewenang-wenangnya memasukkan sesuatu alat contohnya seperti beliau kata dalam *vagina* dan sebagainya saya rasa ini adalah satu sangkaan yang i tidak baik kepada profesion lain, kerana saya rasa *medical profession* juga ada mempunyai *medical ethic*nya sendiri kerana kalau i seorang doktor itu tidak mengikut etika perubatan maka lesen mereka akan ditarik dan selain daripada itu kalau perbuatan itu tidak mengikut prosedur perubatan mereka juga harus subjek kepada undang-undang. Jadi mohon penjelasan apakah benda yang dimasukkan selama ini yang tidak mengikut undang-undang? Saya ingin tahu juga.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya merujuk kepada pindaan Kanun Keseksaan yang ada pada kita ini. Yang mengatakan ada *exception* – ada pengecualian kepada *medical doctor* untuk memasukkan sesuatu objek ke dalam *vagina* ataupun *anus* tanpa tertakluk kepada Seksyen 377B tadi. Saya cuma kata tidak perlu ada perkara ini, tidak perlu kepada *exception* seperti ini, itu sahaja. Dan saya tidak menuduh doktor semuanya memasukkan barang ke dalam perempuan..tidak saya tidak tuduh begitu. Saya cuma membincangkan bahawa seksyen ini tidak perlu ada *exception* cukup setakat itu dan *exception* tidak perlu ada.

Saya terus kerana saya tidak ada banyak masa. Saya terus kepada Seksyen 113 dan Seksyen 117 yang mempunyai kaitan. Saya amat bersetuju dengan apa yang dibuat pada hari ini iaitu kenyataan beramaran di bawah Seksyen 113 tidak lagi boleh digunakan di dalam mahkamah. Tetapi dalam masa yang sama kita mesti juga merujuk kepada seksyen-seksyen lain yang membenarkan *confession* digunakan.

Misalnya Seksyen 24 dan 25 Akta Keterangan [*Evidence Act*] di dalam akta *Evidence Act* Seksyen 24,25 *confession* secara sukarela dibenarkan digunakan di dalam mahkamah sedangkan kita pada hari dalam Seksyen 113 mengatakan tidak boleh lagi digunakan di dalam

mahkamah. Ada *contradict* di antara satu akta dengan satu akta yang lain. Kalau kita tidak mahu guna akta ini dalam *confession* lain satu *evidence* yang boleh diterima Seksyen 24 dan 25 Akta Keterangan juga mesti dipinda.

Seksyen 117 mengenai reman, ini adalah satu tindakan yang berani daripada pihak yang mencadangkan pindaan ini. Pada hari ini sesiapa sahaja boleh di reman 24 jam dan mereka tidak boleh dilawati oleh peguam atau pun tidak boleh dilawati oleh saudara mara dan pada kali ini kita membenarkan. Itu satu perkara yang amat terpuji supaya boleh kita menyekat perkara-perkara yang tidak diinginkan yang banyak berlaku seperti penderaan semasa ditangkap dan sebagainya. Tetapi yang saya hendak sebutkan ialah boleh disambung pula selama 4 hari dan 7 hari. *General rule* adalah *within 24 hour* boleh direman kemudian disambung. Ini memberi kebenaran kepada pihak polis, pihak majistret untuk mereman seseorang walaupun tidak semua kes boleh direman. Saya ambil kes di dalam kes judi, orang yang ditangkap sedang bermain judi ditangkap. Bahan kes dia ada dua sahaja. Bahan kes yang pertama ialah daun terup kalau bermain terup atau mahjong. Dan bahan kes kedua ialah wang yang digunakan untuk berjudi.

Kenapa mengikut akta ini polis juga boleh mereman mereka 24 jam? Sedangkan perkara ini tidak perlu reman. Untuk apa reman? Reman adalah untuk mendapat siasatan untuk terus menyiasat untuk mendapatkan bahan bukti dan sebagainya sedangkan di dalam kes seperti ini tidak perlu reman lagi. Saya percaya akta ini perlu diberi perubahan supaya bukan *general rule* boleh reman 24 jam. Tidak. Bukan menjadi mandatori untuk membenarkan reman begitu juga dengan untuk menyambung reman. Ramai majistret yang muda, rakan-rakan saya pernah menjadi majistret muda mereka menghadapi tekanan daripada pihak polis apabila ingin menyambung reman. Alasan dia ialah siasatan belum selesai. Saya rasa perlu kita perjelaskan supaya ada *guidance* dengan izin kepada majistret-majistret sebelum mereka memberikan sambungan untuk reman sebab bukan semua kes perlukan 4 hari, perlukan 7 hari untuk reman.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jika ini berlaku bermakna apa yang kita takut tangkap dahulu, hukum dahulu, siasat kemudian akan terus berlaku. Saya ada 25 minit lagi

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih sahabat saya dari Bera berkenaan dengan pindaan Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah ada dua isu yang jadi kebimbangan kepada saya Yang Berhormat bagi Bera.

Yang pertama, pindaan kepada Seksyen 117 Subseksyen 2 membuka ruang sebesar-besarnya, seluas-luasnya kepada penyalahgunaan tahanan ini. Adakah satu kaedah untuk memastikan bahawa ianya tidak disalahgunakan. Misalnya apabila sesuatu kesalahan dilakukan. Siasatan dilakukan ke atas satu kesalahan untuk memastikan tahanan yang lebih panjang dapat diperoleh oleh pegawai penyiasat misalnya mereka membuat penuduhan di bawah seksyen yang lebih tinggi. Yang membawa hukuman lebih 14 tahun kemudiannya selepas akhir penyiasatan

mereka mendapati sepatutnya dituduh di bawah seksyen yang lain. Apakah kaedah bagi memastikan kedua-dua subseksyen ini tidak disalahgunakan?

Perkara yang kedua Yang Berhormat bagi Bera, saya ingin menyentuh sedikit ke belakang daripada Seksyen 117 sebelum sahaja reman ini dilakukan iaitu pada masa tangkapan. Kaedah penangkapan yang dibenarkan oleh undang-undang tidak dinyatakan dengan jelas. Banyak contoh terutama sekali tangkapan kepada orang-orang VIP, orang-orang ternama. Saya dapat banyak maklumat dari orang ternama yang ditangkap selalunya tangkapan ini dilakukan pada awal pagi - subuh dan rumahnya dikepung seolah-olah satu batalion polis mengepung rumah itu seolah-olah pada waktu itu orang ini akan melarikan diri. Walhal dia adalah orang kenamaan, orang yang dikenali orang, yang mempunyai nama yang baik tetapi mereka ditangkap macam kita hendak menangkap perompak atau penjenayah yang ganas. Ini adalah bertentangan dengan kehendak dan amalan biasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua .

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi 117 tadi, reman, kuasa majistret, sebab itu saya katakan perlu diberi dengan lebih jelas kerana kalau tidak majistret akan terus menggunakan budi bicara mereka untuk membenarkan reman disambung kepada 4 hari, 7 hari atau 14 hari. Sebab itulah mesti diperjelaskan secara terperinci mengapa reman ini perlu disambung. Jika perkara ini dibenarkan, saya tahu harapan Yang Berhormat Menteri meminda undang-undang ini adalah untuk memberi keadilan kepada mereka yang disyaki supaya mereka tidak dihukum sebelum tuduhan dikenakan. Bayangkan setelah 14 hari mereka yang disyaki direman dan diperlakukan di dalam tahanan tiba-tiba *at the end of 14 days* atau pun 7 hari mereka dibebaskan. Apakah keadilan yang ada pada mereka? 14 hari di dalam lokap tidak boleh jumpa siapa mungkin didera tetapi selepas itu tidak ada kes. Saya rasa inilah spirit atau tujuan sebenar yang dikehendaki oleh pihak yang meminda - *select committee* yang meminda undang-undang ini. Tetapi jikalau 4 hari, 7 hari masih dibenarkan dan pihak majistret tidak ada *guidance* dari segi untuk menyambung reman dan sebagainya apa yang ditakuti oleh *select committee* akan terus berlaku.

Saya ingin beralih kepada isu yang seterusnya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Ir. Shari bin Hassan [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak adil, kalau saya tidak beri.

Ir. Shari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih, kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera.

Seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi, saya cukup bersetuju supaya cadangan prosedur dan juga panduan kepada Hakim-hakim supaya tidak berlaku ketirisan prosedur undang-undang yang mengakibatkan suspek ataupun suspek tadi terpaksa dilepaskan. Sebagai contoh apa yang berlaku dua, tiga hari lepas di mana pembebasan suspek bagi Geng Deva yang terlibat dengan rompakan RM3 juta

yang menjadi satu berita yang cukup menggemparkan negara kita. Di mana Mahkamah Tinggi telah memerintah ketiga-tiga suspek yang dipercayai anggota Geng Deva dilepaskan serta-merta setelah mendapati perintah tahanan reman terhadap mereka tidak sah. Ini menunjukkan bahawa prosedur undang-undang ada ketirisan dan saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, apakah dengan pindaan seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah ini akan memperketat lagi prosedur dan juga tidak berlaku ketirisan undang-undang sehingga mereka yang bersalah dilepaskan begitu sahaja. Sekian terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Seperti yang saya katakan tadi, mereka yang disyaki, ditahan bukanlah mereka yang bersalah tetapi kalau kita ingin minta supaya diperketat prosedur memang itulah yang kita mahukan.

Saya terus mahu pergi merujuk kepada seksyen 272(b) dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kerana inilah sebenarnya yang dinanti-nantikan oleh ramai pihak Hakim, pihak Pendakwa Raya dan sebagainya. Pada masa ini apabila timbul isu yang melibatkan rogol kanak-kanak terutamanya oleh keluarga mereka sendiri. Kanak-kanak yang berada di dalam mahkamah biasanya gagal ataupun takut untuk memberikan kenyataan di dalam mahkamah. Dengan adanya *evidence through live video* ini, saya rasa ketakutan tadi tidak akan ada lagi dan kita akan mendapat satu perbicaraan yang adil.

Cuma satu perkara yang saya minta supaya ditekankan ialah di tempat *live* tadi, *live teleconferencing* tadi mestilah gambar yang menyeluruh di dalam mahkamah itu. Tidak gambar kepada kanak-kanak yang memberi kenyataan tersebut semata-mata. Sebab kita tidak mahu kalau gambar tertumpu kepada kanak-kanak itu semata-mata dan tidak luas di dalam seluruh mahkamah kita takut ada elemen-elemen *coaching* dan sebagainya. Elemen-elemen lain yang mungkin akan mengawal perkataan kanak-kanak tersebut, *coach* kanak-kanak tersebut dengan izin di dalam mahkamah dan sebagainya. Perkara ini adalah baik tetapi perlu dibuat dengan cara yang lebih *transparent* supaya tidak ada masalah yang timbul dari segi *coaching* dan sebagainya.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak banyak, saya kalau tidak ada celahan mungkin cepat sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, diharap mereka jangan ganggulah, teruskan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya juga ingin merujuk kepada seksyen 107(a). Polis mesti memberi report mengenai proses kes. Saya harap perkara ini perlu berhati-hati kerana kita tidak mahu..., kita juga perlu adil kepada polis sebab itu saya kata, keadilan untuk semua. Keadilan untuk *accuse* orang yang dituduh, keadilan untuk orang yang disyaki, keadilan untuk masyarakat dan juga keadilan untuk polis.

Dalam seksyen ini pihak polis perlulah memberikan laporan kepada orang yang membuat laporan tentang satu-satu kesalahan jenayah. Saya hendak tanya, persoalan saya, laporan seperti macam mana? Laporan bertulis, laporan lisan, sejauh manakah laporan itu, cukuplah pihak polis mengatakan perkara ini sedang dalam tindakan, adakah cukup, ataupun mesti diberi secara detail mengenai laporannya, laporan bila, apa siasatannya, siapa saksi yang di panggil dan sebagainya.

Jika ini berlaku ia akan memberi kesan *damage* kepada pihak pendakwa kerana tidak mungkin perkara-perkara yang sepatutnya menjadi *classified* mesti juga diberi kepada pelapor tentang satu-satu kesalahan. Jadi kita tidak mahu ada tekanan kepada polis sebab mana-mana polis yang gagal untuk mengemukakan laporan di dalam seksyen ini boleh dipenjarakan dan juga didenda. Pihak polis kurang anggota, pihak polis menjalankan siasatan, pihak polis menyediakan IP dan sebagainya. Dan dalam masa yang sama, pihak polis mesti menyediakan laporan kepada mereka yang membuat laporan polis tadi.

Jadi ini memberikan satu tekanan kepada pihak polis dan kita harap perkara ini diperjelaskan supaya tidak berlaku perkara yang tidak menguntungkan di dalam kes itu. Jadi saya juga bersetuju dengan *discovery of document*, pertukaran dokumen di antara pendakwa dengan juga peguam tetapi saya harap pertukaran dokumen ini hanyalah untuk kes-kes yang melibatkan *commercial crime* sahaja, melibatkan jenayah perdagangan kerana itu sahaja yang melibatkan kes-kes yang melibatkan dokumen-dokumen yang perlu ditukar, perlu ada pertukaran dokumen. Kalau ada kes-kes jenayah, saya rasa semuanya sudah diperoleh oleh peguam, misalnya kalau kes jenayah, *police report* memang boleh diberikan kepada peguam bela. Laporan kimia misalnya boleh sudah diberikan kepada peguam-peguam bela. Senarai saksi..., saya takut senarai saksi juga termasuk di dalam perkara-perkara yang perlu ada pertukaran kerana jika ada pertukaran, jikalau seksyen ini mengatakan ada pertukaran saksi, *list* senarai-senarai saksi, ini akan memberikan kesan yang tidak baik kepada kes. Sebab kita takut akhirnya akan timbul masalah ugutan saksi dan sebagainya.

Jadi bagi saya perkara ini bagus tetapi perlu hanya tertakluk kepada kes-kes yang melibatkan jenayah dagangan semata-mata.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada 106 A di bawah *Chapter 12a*. Ini melibatkan kes *terrorism* dan saya harap perlu ada penjelasan Yang Berhormat Menteri benar-benar jelas mengenai definisi "*terrorist*". Di dalam 106A, definisinya ialah *terrorist*, dia cuma menyebutkan *terrorist act*, *terrorism* yang *finance* dan sebagainya. Dia cuma menyebut *terrorist act*, soalnya apakah *terrorist act*, siapakah *terrorist* yang dimaksudkan di bawah *terrorist act* yang dikatakan sebagainya *terrorist act*, tindakan *terrorist*. Perlu diperjelaskan kerana kesan daripada 106A ini adalah pihak Pendakwa Raya, pihak *Public Prosecutor* diberikan kuasa yang luas sehinggakan boleh *intercept* panggil telefon dan sebagainya. Terrorist ini perlu diperjelaskan, Taliban dianggap *terrorist* oleh Amerika sehingga mereka disumbat tanpa bicara di Guantanamo Bay

sedangkan adakah mereka terrorist? Terrorist di kaca mata siapa? Di kaca mata orang Afghanistan mereka adalah pejuang apabila pejuang-pejuang Iraq dianggap terrorist oleh Amerika. Dia ada dua persepsi yang berbeza untuk melihat terrorist. Jadi saya harap supaya lebih diperjelaskan mengenai apakah terrorist act ataupun tindakan terrorist yang dimaksudkan di bawah 106A ini. Akhirnya saya ingin... ya, ada soalan?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera. Saya keliru tadi dalam 106A ini, keganasan *terrorist* sebab Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi buat contoh, kalau kita kata kita hendak gulingkan kerajaan hari ini, boleh tidak kita di cop sebagai *terrorist*? Kita hendak naik demonstrasi jalanan kerana minyak naik 30 sen, menentang kerajaan. Bolehkah di cop sebagai *terrorist*? Jadi boleh tidak Yang Berhormat jelaskan perkara ini? Bagi saya, kalau katakan hendak gulingkan UMNO, hendak gulingkan Barisan Nasional untuk hendak memerintah, itu tidak ada masalah, itu bukan *terrorist*. PAS hendak menegakkan Islam, tidak *terrorist* bagi saya. Yang tadi boleh tidak beri sedikit pandangan Yang Berhormat? Saya tidak berapa jelas.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Itu yang saya mohonkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri supaya ada satu perkara yang jelas mengenai definisi mengenai *Terrorist Act* ini. Soalan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh saya masukkan sebagai sebahagian daripada soalan saya.

Saya ingin mengambil sedikit kesempatan yang ada ini untuk merujuk kepada dua - tiga perkara sahaja secara ringkas di bawah Akta Kanun Keseksaan. Seksyen 390, ragut sebagai *robbery*, sebagai rompakan. Pada hari ini sebelum ada pindaan ini, semua kes ragut diletakkan di bawah kes curi. Dengan itu hukuman adalah terlampau ringan dan tidak setimpal. Pada pindaan ini, kes ragut diletakkan di bawah rompakan tetapi definisi rompak di bawah seksyen 390 kadang-kadang tidak ada kena mengena dengan ragut yang berlaku.

Kalau kita lihat ragut, ragut yang membawa kecederaan dan sebagainya, mungkin boleh masuk di bawah ilustrasi ini tetapi tidak semua ragut yang mendatangkan ketakutan. Seorang perempuan yang berjalan di tepi jalan, tiba-tiba diragut begnya, tidak boleh dimasukkan di bawah definisi rompakan di bawah seksyen 390 kerana di bawah seksyen 390 mesti ada elemen ketakutan dan sebagainya sedangkan tidak ada dalam kes ini.

Saya berharap, saya rasa tidak cukup untuk kita memasukkan ragut sebagai ilustrasi di bawah kes *robbery* semata-mata. Pihak kerajaan sepatutnya memasukkan atau membuat satu peruntukan khas untuk kes ragut sebab kes ragut melibatkan isu yang besar di dalam negara kita. Ada yang mati kerana kes ragut dan kes ragut berleluasa sehingga pihak kerajaan terpaksa berbelanja begitu besar untuk meletakkan kamera dan sebagainya di banyak kawasan, pusat membeli belah dan sebagainya kerana untuk mengurangkan kes ragut. Kes ragut ini kesannya besar kepada negara. Tetapi apa yang berlaku, seolah-olah kita mengambil jalan singkat iaitu

hanya memasukkan ragut sebagai salah satu ilustrasi di dalam rompak di bawah seksyen 390, rompak.

Saya mencadangkan supaya kita lebih serius dengan memasukkan satu peruntukan khas iaitu mengenai ragut ini dan hukumannya mestilah sekurang-kurangnya 15 tahun penjara, misalnya, supaya mereka yang menjalankan kes ragut ini boleh dibicarakan di mahkamah yang lebih tinggi iaitu sekurang-kurangnya Mahkamah Sesyen.

Saya sudah sebut tentang *sexual connection*, cuma akhirnya saya hendak sebut satu sahaja lagi iaitu seksyen 375 mengenai kebenaran (*consent*) daripada wanita untuk mengadakan hubungan seks dengan autoriti, mereka yang berkuasa. Saya harap kita perlu berhati-hati di dalam seksyen ini. Biasanya rogol kita bercakap soal *without consent* kecuali mereka di bawah umur kerana belum boleh memikirkan kesan daripada hubungan seks yang mereka jalankan.

Tetapi dalam soal ini, soal orang dewasa yang mempunyai hubungan seks dengan bos-bos mereka, mereka tahu kesannya kalau ada penipuan daripada bos mereka, janji hendak naik pangkat tidak naik pangkat. Ada hukuman lain di bawah akta-akta lain. Tidak boleh kita masukkan soal ini di bawah kes rogol. Saya bukan *male chauvinist*. Saya juga ingin melindungi wanita. Tetapi dalam soal ini suka sama suka. Bagaimana suka sama suka boleh dianggap rogol? Inilah satu perkara yang kita mesti memberi perhatian.

Tiba-tiba ada janji naik gaji, tidur dengan bos dia. Tiba-tiba tidak naik gaji, rogol! Ramai yang akan kena kes rogol saya rasa selepas ini sebab *professional relationship*. Di sini kata hubungan profesional. Apa hubungan profesional macam mana, saya pun tidak tahu. *His position of authority* ini perlu buktikan penyalahgunaan kuasa dia. Ini adalah satu seksyen yang amat kabur dan perlu diberikan perhatian. Kita dalam masa kita menjaga wanita supaya tidak teraniaya, dalam masa yang sama kita juga perlu menjaga lelaki supaya tidak teraniaya. Daripada awal lagi saya kata katakan bahawa undang-undang...

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ok. Dari awal lagi saya katakan bahawa undang-undang diwujudkan untuk memberi keadilan kepada semua. Semua bermakna lelaki dan juga wanita. Saya tidak hendak pihak jawatankuasa ini terpengaruh dengan desakan-desakan daripada kumpulan-kumpulan yang saya anggap kalau dia boleh anggap *male chauvinist*, kita juga menganggap kumpulan-kumpulan *female chauvinist* di dalam mendesak jawatankuasa ini mewujudkan seksyen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Penjelasan. Saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bera. Selama dua hari kita telah berbincang mengenai dengan rogol ini. Pertama, lelaki rogol wanita dan selepas itu kita dengar wanita rogol lelaki tetapi dalam

buku yang saya baca ini pula, ada satu *male on male rape* (lelaki rogol lelaki). Jadi dalam suasana global pada masa kini, kita terlihat lebih kurang 20% peningkatan lelaki rogol lelaki. Ini banyak bukti yang saya dapat dalam buku yang *Male on Male Rape* ini. Ada satu insiden yang terdapat di Malaysia ini, baru-baru ini di mana seorang wanita bertukar jantina menjadi seorang lelaki dan lelaki merogol lelaki..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau...

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Penjelasan, penjelasan. Jadi sabit dengan kesalahan ini, saya ingin tahu daripada menteri melalui Yang Berhormat bagi Bera, di manakah letaknya perundangan sekiranya sabit kesalahan lelaki rogol lelaki ini? *[Ketawa]* Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini bukan perkara yang ganjil sekarang, lelaki rogol lelaki, kita tidak boleh pandang ringan. Saya tidak tahu sama ada perlu ada pindaan *without her or his consent* di dalam seksyen 375 ataupun mencukupi dengan seksyen 377CA yang mengatakan *any persons* yang ada *connection* dengan *another persons* yang masukkan objek dalam vagina ataupun dubur tadi. Sebab lelaki tidak ada vagina, dia ada dubur sahaja, jadi mungkin dilindungi di bawah seksyen 377CA. Mungkin, saya tidak tahu. Ini Yang Berhormat Menteri mungkin boleh menjawab.

Adakah 377C *covers*, dengan izin, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan? Tetapi kita tidak boleh memandang ini sebagai satu bahan jenaka sebab masyarakat hari ini kalau kita lihat, kumpulan *gay*, homoseksual begitu berleluasa dalam negara kita sehinggakan kita terbaca dalam akhbar, mereka ada kelab sendiri, mereka ada sauna sendiri, mereka ada tempat hiburan sendiri dan kumpulan ini mungkin semakin membesar. Tidak mustahil kalau ada lagi selepas ini rogol lelaki. Kalau ini berlaku dan kalau tidak ada peruntukan yang melindungi, saya kira merupakan satu ...

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Serai.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sudah okey? Sudah setuju? Sudah setuju, ya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya yang dulu, ya? Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Tadi dikatakan kerana ada *male chauvinism* tentulah ada *woman chauvinism*. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa seksyen 376(2)(f) ini pada mulanya ialah untuk kes rogol yang dilakukan oleh bomoh ke atas wanita yang mendapatkan rawatan daripada bomoh. Dalam keadaan seperti ini biasanya pesakit ini adalah wanita yang dewasa dan ia berlaku beberapa kali di tempat yang ditetapkan oleh bomoh. Di sini kalau tidak ada seksyen 376(2)(f) ini memang susah hendak membuktikan dia tidak memberi keizinan tetapi sebenarnya beliau tidak memberi keizinan. Dia telah ditipu atau dia dipaksa atau dia diugut kerana bomoh itu

akan kata, kalau tidak menjalankan rawatan seperti ini awak akan mati ataupun keluarga awak akan mendapat penyakit yang lain. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Senang sajalah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada ramai. Kerana ada ramai yang kurang ilmu dan senang percaya kepada bomoh kerana bomoh ini kata mereka ada keupayaan yang luar biasa. Dalam perkara ini apakah pendapat Yang Berhormat bagi Bera, adakah ini juga mengkhawatirkan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini bomoh punya hal ini. [*Ketawa*] Ugut dan paksaan, memanglah ini ke arah rogol. Kalau ada ugutan bermakna tidak ada kerelaan. Itu kita sudah faham. Yang ini berlaku dengan kerelaan, ada sedikit penipuan. Banyak yang sudah berlaku. Dia kata kalau *having sex* dengan dia terus boleh masuk syurga, misalnya. Kebodohan ini tidak boleh menjadikan satu alasan untuk menghukum lelaki yang menipu tadi. Sebab ada satu undang-undang yang boleh dikenakan kepada penipu-penipu. Kita ada seksyen yang berbeza. Kita ada undang-undang yang berbeza. Kalau tipu, ada kes tipu. Kalau dalam kontrak ada kes tipu misalnya janji tetapi tidak ditepati, itu pun ada kes tipu dan sebagainya.

Tetapi meletakkan rogol adalah satu bebanan, satu perkara yang amat berat kerana hukuman rogol adalah besar. Hukuman rogol berat, boleh disebut misalnya, boleh dipenjarakan begitu lama, lima tahun dan sebagainya. Saya takut, jikalau hakim terdiri daripada wanita, prejudis terus berlaku, jadi ramai yang masuk penjara dan ...

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Serai. Yang Berhormat bagi Jerai baru masuk.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya beri Yang Berhormat bagi Padang Serai dulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *Ladies first. Ladies first.*

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Saya bukan male chauvinist. Ladies first.*

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: *Thank you.* Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya rasa, saya kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bera tadi berkenaan dengan *female chauvinist* ini. Saya rasa masalah ini berlaku kerana persepsi yang berlainan di antara kaum lelaki dan perempuan.

Tadi Yang Berhormat bagi Bera ada memberikan satu contoh bahawa kalau suka sama suka mungkin ada perjanjian kata akan naik gaji dan sebagainya, selepas itu tidak berlaku. Jadi dia kata roboh. Itulah masalahnya. Yang Berhormat kena fikir tentang sudut daripada wanita dalam keadaan yang sedemikian di mana dia dalam keadaan yang serba salah di mana memang yang mempunyai kuasa ataupun autoriti terhadap dia, memaksakan dia membuat sesuatu bukan

dengan rela ataupun keizinan sukarela tetapi kerana sesuatu perjanjian. Itulah perkara yang kita hendak elakkan.

Sebab itu seksyen ini adalah satu seksyen yang sangat penting. Kalau kaum lelaki mengkhawatiri bahawa perkara ini mungkin di *abused* atau disalahgunakan mungkin kita boleh meletakkan perkataan yang lebih jelas ataupun menyalahgunakan ataupun yang paling selamat sekali kalau kaum lelaki yang mempunyai *position* yang berkuasa jangan menggunakan kuasa ini sewenang-wenangnya. *Don't take advantage*. Jadi, kalau perkara ini mempunyai etika atau moral dan *conscious* yang tinggi, perkara yang begini tidak akan berlaku dan kita tidak khuatir bahawa perkara ini akan dapat disalahgunakan. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Satu cadangan yang baik dan mungkin kita dapat perjelaskan. Bukan setakat "*using his position*". Tidak jelas kalau "*using his position*" Tetapi mungkin boleh kita setuju kalau kita katakan menyalahgunakan kuasa yang ada. Mungkin ia lebih boleh diterima kalau ada perkataan ini. Tetapi kalau setakat *plain*, dengan izin mengatakan "*using his position*", kadang-kadang mungkin wanita itu sendiri *submit* atau menyerahkan diri dia hanya atas alasan untuk mendapat *favor*, dengan izin daripada bosnya. Tetapi kalau hubungan itu sudah menjadi tidak baik, akhirnya *report* kepada polis, sudah tidak jadi kes rogol. Itu sudah tidak adil.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Petra Jaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat janji tidak lama.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey. *Last*. Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Petra Jaya sekali sahaja, dengan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Pasal lelaki ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya nampak... yalah, kita berbahas, ini bagus kerana kita hendak mencari satu keadilan kerana kalau manusia itu tidak mendapat keadilan dalam sesuatu tuduhan itu, maka dia teraniaya.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sebab saya pun banyak membaca artikel tentang menggunakan perubatan, macam saya katakan tadi, macam bomoh dan sebagainya kerana kadang-kadang dia kata hendak buang sial, dia 'menurun' kerana hendak buang sial dan sebagainya. Kadang-kadang kerana wanita itu lambat kahwin dan sebagainya. Dia hendak berkahwin jadi dia kata hendak kena buang sial.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sudah bangkitkan sebentar tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu cara dia, ini cara saya. Lainlah pula Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi ini tujuan yang sama, tidak payahlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tujuan yang sama, tidak payahlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal banyak yang teraniaya saya tengok. Jadi, bomoh-bomoh ini dia menggunakan kedudukan dia kononnya untuk perubatan dan sebagainya, akhirnya wanita itu menjadi mangsa. Kadang-kadang bomoh ini terlepas disebabkan oleh tidak ada tuduhan yang tepat ataupun dia kata kawan ini rela, redha sebab itulah dia datang ke rumah dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masalahnya sama. Perkara yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Jawapan sudah diberikan oleh Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak apalah. Saya hendak memberatkan hujah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam itu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Sudahlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu satu. Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang katalah seorang wanita itu hendak memerangkap seorang lelaki. Ha, ini lain. Kemudian kerana tujuan sesuatu dan kalau dia tidak dapat dia *blackmail* kita, dia akan buat laporan mengatakan kita merogol dia. Kalau anak dara tidak apalah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Oiiii.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak. Nanti. Saya belum habis. Saya belum habiskan ayat. Kalau Anak dara kita boleh tahu. Tapi kalau bukan anak dara mana kita hendak tahu rogol atau tidak rogol. Dia tuduh kita merogol. Jadi macam mana? Seksyen mana yang kita hendak letakkan kes ini? Saya sudah cari Tuan Yang di-Pertua, tidak ada seksyen yang boleh dimasukkan kes ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi baru cari memang tidak adalah. Sepatutnya dua minggu sebelum ini patut kena cari. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bila dibahaskan saya tengok seksyen ini ataupun tuduhan-tuduhan seperti ini tidak ada dalam kertas kerja ini. Jadi, ada banyak kes yang kerana membalas dendam ataupun kerana hendak memerangkap, maka digunakan sebagai rogol.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Bera untuk memastikan bahawa keadilan ini dapat ditegakkan. Saya memang, Tuan Yang di-Pertua, saya anti-rogol, maknanya bagi saya hukuman yang Jawatankuasa ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir tidak ada seorang di sini sokong rogol.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya anti. Jadi maknanya hukuman yang diberi ini tidak begitu ringan. Saya hendak perogol ini diberi hukuman yang berat, seberat-beratnya. Ini kerana kita tidak boleh kata hukuman ini adalah untuk mengajak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan cara yang meminta penjelasan. Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Ketawa] Saya minta Yang Berhormat bagi Bera, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, boleh atau tidak Yang Berhormat bagi Bera? Saya memang kurang arif fasal undang-undang tetapi saya melihat ada beberapa seksyen yang sepatutnya dimasukkan macam perangkap tadi, tidak ada di dalam itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh berucap nantilah. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Bera.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Membuat isyarat membenarkan Yang Berhormat bagi Petra Jaya bercakap]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Duduk dulu, Yang Berhormat bagi Bera kena jawab dahulu soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat macam Menteriilah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya sekali jawab, terus kesimpulan, tutup terus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat macam hendak ganti Menteri jawab. Cukuplah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ada celahan, ada celahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab ramai yang hendak berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang bercakap ini semua peguam tetapi depa tidak *practice*, depa duduk di Parlimen. *[Ketawa]* Jadi, guna Dewan Rakyat ini untuk berbahas. *[Ketawa]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin mendapat penjelasan ataupun penghuraian daripada Yang Berhormat bagi Bera. Kalau kita melihat peruntukan seksyen 375 (f) ini sebenarnya ia mengubah daripada asas penuduhan rogol di bawah *Penal Code* yang lama, di mana kita memerlukan tiada persetujuan dan juga elemen-elemen paksaan dan sebagainya. Tetapi di sini kita melarikan daripada asas persetujuan, tiadanya persetujuan dengan ada persetujuan dan persetujuan tersebut ditarik balik. Jadi, dari segi prinsip perundangan adalah satu pemindahan, satu prinsip yang dengan tiada persetujuan tetapi persetujuan yang ditarik balik dengan adanya pengenalan pada seksyen yang baru ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, dengan adanya pemindahan tersebut, kalau kita lihat dari segi kes maka *sufficient* ataupun memadai kalau pihak perempuan membuktikan bahawa dia adalah di bawah kuasa ataupun di bawah kedudukan yang lebih rendah daripada kedudukan pihak lelaki. Memadai kedudukan tersebut dibuktikan maka ia cukup untuk menyatakan bahawa *consent* tersebut ditarik balik. Jadi, ini senario yang saya lihat dari konsep asas penuduhan rogol yang memerlukan tiadanya persetujuan kepada apa yang diperkenalkan ini. Adakah ianya tidak akan melarikan prinsip perundangan tersebut dan akan menyebabkan ini boleh disalahgunakan? Ini yang dikhuatiri oleh setengah pihak. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, saya sambungkan supaya habis perbincangan itu. Saya ingin menarik perhatian dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bera. Semua seksyen-seksyen yang dipinda dengan pengkhususan kepada 375 iaitu kes yang berkaitan dengan rogol ini dan kesalahan jenayah ragut dan sebagainya. Saya rasa perundangan yang kita telah kaji, saya termasuk dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini – selama dua tahun kita telah bincang dengan pelbagai golongan mengenai hal ini termasuk yang itu tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Bera, kes-kes rogol ini banyak budi bicaranya kita biarkan kepada sistem perundangan, peguam-peguam dan juga peguam bela dan peguam cara untuk berbincang. Maka, perundangan yang dibuat di sini adalah sejitu-jitunya cuba memberi keadilan kepada dua-dua pihak.

Saya minta penjelasan, bolehkah kita biarkan mahkamah – dua-dua pihak untuk berbicara dan membuat keputusan berdasarkan asas yang ada dan dalam proses itu kita kena melihat kepada *intention*, niatnya. Kalau sekiranya perogol dan mangsa itu dibicarakan maka perkara yang pertama adalah *intention*. Siapakah yang bomoh tadi? Apa *intention*nya? Kalau ternampak ada penyalahgunaan, biarlah mahkamah menentukan, peguam menentukan setelah berlaku perbicaraan. Kalau kita masuk terlalu terperinci, mungkin perundangan itu sendiri tidak boleh dilihat dari konteks keadilan. Minta penjelasan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Last

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua,.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini *very important*. Saya teringat ganti rugi, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana dalam ini tidak ada sebut ganti rugi, perogol akan dihukum sebat dan penjara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat nanti

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi boleh atau tidak kita masuk sedikit bahawa - ini kerana bila orang itu sudah kena rogol, mentalnya pun terganggu, hidupnya sengsara, masa depannya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh berucaplah selepas ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh berucap, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh berucaplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Ketawa*] Jadi, saya hendak tuntutan ganti rugi supaya yang dirogol itu boleh menuntut ganti rugi kepada perogol dari segi kewangan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau dia sudah masuk *jail* macam mana boleh ganti rugi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak. Kadang-kadang yang rogol ini bukan orang miskin, orang kaya pun rogol. Jadi, orang yang berduit ini dia tidak boleh pergi macam itu. Kawan ini sudah *stress*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu sudah masuk *jail* 10 tahun, rotan sudah pukul, macam mana hendak bayar ganti rugi. Baiklah, Yang Berhormat bagi Bera, cukuplah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tolong cari klausa boleh masuk atau tidak?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, ganti rugi itu kalau kes sivil boleh tuntutan ganti rugi. Ini kes jenayah dia hukum penjara sahaja, hukum penjara ke, hukum sebat ke, ia lain.

Yang Berhormat bagi Jerai tanya sama ada *covers* atau tidak, melindungi atau tidak kes anak dara atau janda. Dalam undang-undang saya rasa kita tidak lihat janda, anak dara, kahwin dan sebagainya. Perempuan adalah perempuan. Bezanya adalah kalau di bawah umur *statutory rape*, kalau atas umur sama sahaja dan seksyen ini, 375 melindungi semua perempuan. Yang tidak dilindungi ialah perogol, lelaki tadi. Kalau perempuan sudah dilindungi.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Petra Jaya sebab dari segi *ingredient* untuk membuktikan rogol mesti ada paksaan. Mesti wujud paksaan, mesti wujud ketidakrelaan. Inilah

yang menjadi satu tanda tanya kepada kita apabila ada seksyen yang memberikan *consent* ini, yang boleh dianggap rogol. Saya tidak persoalkan kalau kes yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur tetapi inilah orang dewasa yang tahu akibat daripada perbuatannya tetapi saya setuju dengan kata Yang Berhormat bagi Petra Jaya ada perjanjian tetapi akhirnya perjanjian tidak dipenuhi kerana masalah moral tadi. Itu perjanjian moral tidak melibatkan perjanjian perundangan saya kata, ya. Kerana itu akhirnya lelaki tadi dianggap sebagai perogol adalah tidak munasabah.

Semasa diberi kerelaan tadi, tujuannya, sudah ada dia punya ... dari segi – dalam pemikirannya memang dia hendak berikan dan dia bersetuju untuk bersama, mempunyai hubungan dengan pihak yang dikatakan mempunyai *authority* tadi. Tidak ada suatu yang menyatakan ada paksaan. Tidak ada, semuanya *consent*, semuanya dengan kerelaan tetapi kerana tidak dapat apa yang dihajati - inilah masalahnya tidak dapat apa yang dihajati akhirnya lelaki tadi sudah dianggap sebagai perogol. Ini suatu perkara yang amat berat Yang Berhormat Menteri. Satu perkara yang amat berat, hanya kerana tidak dapat benda yang dihajati oleh wanita tadi yang memang rela ...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:memberikan diri mereka tetapi dianggap sebagai rogol dan hukuman rogol adalah berat.

Bayangkanlah *boss* tadi selepas itu dianggap oleh semua masyarakat sebagai perogol. Stigma yang tinggal kepada orang yang mempunyai *authority* tadi sebagai perogol adalah terlalu berat. Saya rasa perkara ini perlu diberikan pertimbangan dan jika mahu juga dikekalkan seksyen ini, saya harap masukkan mengenai ciri-ciri seperti penyalahgunaan kuasa, *undue influence* dan sebagainya supaya jelas. Supaya ... daripada lelaki yang berjanji tadi jelas daripada awal. Menipu perempuan itu untuk kepentingan dirinya. Biar jelas.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ingin minta penjelasan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya sudah janji kepada Tuan Yang di-Pertua soalan tiga-tiga tadi terakhir. Yang Berhormat bagi Beluran pun saya tidak tahu boleh benarkan atau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Kalau tak bagi, semua tak bagi. Cukup.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kalau saya bagi Beluran, saya akan bagi Bukit Gelugor.

Datuk Ronald Kiandee[Beluran]: Saya menyentuh seksyen 375.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okay, saya bagi Bukit Gelugor juga.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya setuju kalau kita baca *wording*, perkataan yang digunakan untuk seksyen baru ini, memang ada elemen penganiayaan akan berlaku di pihak di antara *boss* dengan *subordinate*. Itu merupakan interpretasi jika kita membaca seksyen ini.

Tetapi yang saya dimaklumkan, dapat makluman seksyen ini bukan bertujuan untuk itu. Bertujuan untuk memperjelaskan kes-kes rogol yang dilakukan oleh medium, bomoh, dukun dan sebagainya. Jadi, kita melihat ada pada peringkat awak sekarang ini pun ada percanggahan interpretasi, ada perkataan yang digunakan dalam seksyen ini. Sekali imbas kita akan melihat di antara *boss* dengan *subordinate* tetapi jika "*spirit of the law*" tujuan utama undang-undang dibuat atau pindaan dibuat adalah untuk kes-kes rogol yang dilakukan oleh medium, oleh dukun atau bomoh dan sebagainya dan saya rasa perkataan dalam seksyen ini harus diperhalusi agar *judges* yang akan menginterpret ini akan dapat "*sprit of the law*" itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai ada menyatakan ada suatu keperluan untuk memasuki satu seksyen untuk mengadakan ganti rugi. Ganti rugi kepada seorang *victim* dalam kes rogol.

Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan dia sudah masuk dalam penjara, sudah disebat, itu mencukupi. Tetapi itu bukan mencukupi. Apa yang terjadi kepada seorang *victim* adalah suatu trauma yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, soalan itu ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Bera ataupun Jerai? Jerai tak dapat jawab.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bera, Bera. Tetapi saya setuju apa yang dia katakan oleh Jerai adalah suatu cadangan yang baik dan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] : Terima kasih Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Is alright*. Dalam buku Rattan Lal and Dhiraj Lal, *Law of Crimes the 24th edition* ada dinyatakan seperti berikut:

"In daily, domestic working woman for the Union of India, Supreme Court issued certain directions with the view to assisting rape victims. One of the directions related of payment of compensation to victims of rape".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bera?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Pandangan, pandangan.

"the state direction rape is under compensation of victims shall be avoided by the court on conviction of the offender and by the Criminal Injuries Compensation Board whether or not of conviction is taken place. Board shall take into account pain, suffering, and shock as well as lost of warning due to pregnancy and their expenses of the child birth if this occurred as a result of the rape".

Adakah Yang Berhormat bagi Bera bersetuju dengan saya. Ini adalah suatu keperluan yang baik untuk memasuki satu seksyen dalam Rang Undang-undang ini untuk menentukan ganti rugi ada diberi kepada seorang *victim* dalam kes rogol.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, inilah cadangan Yang Berhormat bagi Jerai pertama kali disokong oleh Ahli Yang Berhormat yang lain.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Bijaksanalah Yang Berhormat bagi Jerai ini. Kepada soalan daripada Yang Berhormat bagi Beluran, saya rasa daripada seksyen ini bukan untuk bomoh semata-mata. Sebab jelas apabila mengatakan “*by using his position of authority*”, bukan setakat bomoh tetapi meliputi kepada semua yang mempunyai kuasa terhadap orang lain, kuasa terhadap wanita.

Soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan disokong oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, saya agak kurang bersetuju sebab ini memberikan seolah-olah suatu peluang kepada orang yang mempunyai wang untuk melakukan jenayah kepada orang lain. Sebab saya ada wang, saya rogol orang, saya boleh bayar. Ini adalah suatu pandangan yang kurang baik kepada perundangan kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] : Saya hendak memperbetulkan fakta saya itu. Hukuman penjara, penjara tetapi ganti rugi tetap bersama dengan ganti rugi. Maknanya selepas hukuman penjara dijatuhkan, wanita ini atau yang menjadi mangsa boleh menuntut.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah yang perogol itu ada siplis, ada HIV, dia *transferkan* kepada wanita itu, wanita itu akan merana. Mana hendak cari duit hendak pergi berubat dan sebagainya. Yang tadi sebagaimana Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor kata, *pregnancy* dan beranak, itu lain hal tetapi tidak mengapalah sama. Tetapi yang ini lebih mudarat ini, HIV dan sebagainya. Tetapi atas perikemanusiaan dan timbang rasa, ialah perogol duduk dalam jail tetapi yang duduk di luar ini apa jadi? Ini atas peri kemanusiaan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] : Ini Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun sokong. Bagus!

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ramai sokong Yang Berhormat bagi Jerai sekali ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Pertama kalilah. Pertama kali.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kalau asas ini digunakan, banyak lagi perkara-perkara lain yang boleh kita gunakan sebagai boleh dibayar ganti rugi.

Misalnya di dalam kes bunuh, seorang anak yang mempunyai *position*, jawatan yang tinggi, seorang peguam misalnya mempunyai pendapatan yang tinggi dibunuh. Pembunuh

bukan sahaja kena penjara tetapi sepatutnya kena juga bayar ganti rugi kepada keluarga dia yang ada *lost of earning* dari segi *future income* dan sebagainya.

Jadi, perkara-perkara ini perlu dilihat secara menyeluruh dan saya tidak mahu *argue* perkara ini kalau ini cadangan daripada semua, saya harap saya minta supaya Yang Berhormat Menteri boleh melihat perkara ini dan memberikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okay.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. Dalam satu kes bunuh, di mana seorang ada disabitkan atas kesalahan bunuh. Ada undang-undang iaitu satu guaman sivil boleh dikeluarkan ke atas orang yang disabitkan. Ada undang-undang untuk mendapat ganti rugi, keluarga si mati ada hak untuk mengeluarkan suatu sivil *sue* ke atas orang yang melakukan pembunuhan itu. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Seperti yang telah saya katakan tadi, kalau kita lihat ganti rugi sebagai asasnya dan kita perlu melihat menyeluruh kepada semua isu seperti rogol, curi, bunuh dan sebagainya dan saya pun telah mengatakan bahawa kita minta supaya Yang Berhormat Menteri memberikan pertimbangan kepada apa yang kita bincangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada diberikan kebenaran untuk berucap begitu lama dan akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri untuk merangka undang-undang yang begitu baik bagi melindungi semua pihak di dalam negara ini. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat bagi Tebrau. Saya mintalah supaya Yang Berhormat jangan panjang sangat kerana ada ramai yang perlu diberikan peluang untuk bercakap.

4.19 ptg

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perlukan sepuluh minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 375, saya cadangkan pengecualian *marital rape* dimansuhkan dari seksyen 375 kerana kajian *All Woman's Action Society – AWAM* telah menunjukkan bahawa 52% daripada golongan wanita yang merupakan mangsa keganasan rumah tangga telah dipaksa melakukan hubungan seks dengan suami mereka dan keganasan fizikal telah digunakan semasa hubungan seks dilakukan.

Seksyen 375A yang memperuntukkan dengan izin, "*any man who during the subsistence of the valid marriage causes hurt or fear of that, or hurt to his wife or any other person in order to have sexual intercourse with his wife shall be punished with imprisonment for the term which may*

extend to five years". Tidak dengan jelas dan tepatnya merangkumi tekanan emosi dan psikologi yang teruk akibat keganasan oleh suami dalam *setting* kekeluargaan yang sepatutnya penuh dengan kasih sayang.

Adalah tidak wajar bagi seseorang lelaki menganggap bahawa isteri adalah hak suami dan isteri wajib melayan kehendak suami termasuk kehendak seksualnya. Hubungan seks secara paksa yang dilakukan kepada isteri jika berterusan atau dilakukan secara bertubi-tubi adalah perbuatan yang tidak menghiraukan *human dignity* dengan izin, dan tidak melayan isteri sebagai teman hidup yang dihormati. Ini adalah bertentangan dengan prinsip keadilan. Prinsip keadilan ini boleh didapati di dalam semua agama. Pindaan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah harus peka kepada keperluan masyarakat khususnya golongan isteri yang dirogol, mendapat perlindungan undang-undang yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong penuh cadangan Jawatankuasa Pilihan meminda seksyen 392 untuk menambahkan hukuman penjara maksimum kepada 14 tahun bagi kesalahan curi ragut. Memandangkan kes curi ragut telah menjadi semakin ganas dan pesalahnya juga semakin kejam dan tidak menghiraukan hidup mati mangsanya. Saya rasa hukuman yang lebih *deterrent* termasuk hukuman sebatan mandatori harus dikenakan supaya bakal penjenayah tidak berani mencuba nasib mereka dan menganggap jenayah ragut sebagai satu jalan yang mudah untuk mencari wang. Kerajaan harus mengambil kira impak psikologi yang begitu meluas yang telah hebat mengganggu ketenteraman hidup rakyat dan menghantar mesej yang jelas kepada mereka, yang ingin mencuba nasib dalam aktiviti jenayah curi ragut. Padahalnya, istilah rompak ragut lebih tepat untuk jenayah ini.

Akhir sekali seksyen 376(2) tentang Kanun Keseksaan adalah kurang komprehensif kerana jika Jawatankuasa Pilihan tidak mengambil kira situasi termasuk:

- (i) bila pesakit itu mempunyai penyakit HIV AIDS atau penyakit seks yang lain seperti dikatakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain;
- (ii) bila wanita dirogol, *mentally* dan *physically disabled* dengan izin;
- (iii) berlakunya rogol berkumpulan ataupun *gang rape*;
- (iv) merogol lebih daripada sekali;
- (v) bila mangsa itu dipengaruhi oleh *drug* ataupun *intoxicated*; dan
- (vi) bila jenayah rogol itu dirakamkan.

Saya bercadang Jawatankuasa Pilihan memasukkan situasi-situasi yang tersebut tadi kepada seksyen 376(2) untuk memberi perlindungan yang lebih menyeluruh kepada mangsa rogol. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

4.25 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan, merakamkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah bekerja keras mengkaji dan berusaha mendapatkan pandangan dari pihak-pihak seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO), Badan Hak Asasi Manusia dan individu-individu tertentu bagi menyediakan laporan berkenaan rang undang-undang di atas ini.

Pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah adalah penting kerana ia akan memberi pengertian sebenar apa yang dimaksudkan dengan perbuatan jenayah dan apa pula yang dimaksudkan sebagai bukan jenayah. Ia juga meliputi prosedur yang diambil semasa penangkapan suspek-suspek. Dalam erti kata yang lain, setiap tindakan dan langkah yang diambil perlu dijalankan secara berhati-hati, adil dan pada masa yang sama, cukup tegas.

Ada beberapa perkara yang dibangkitkan dalam saranan Jawatankuasa Pilihan Khas yang pada pandangan saya masih kabur dan perlu diperbaiki. Justeru, Jawatankuasa Pilihan Khas harus melakukan kajian semula agar ia menjadi lebih kemas dan jelas. Memandangkan cabaran dan ancaman keganasan *terrorism* begitu berat sekali, saya ingin menumpukan perdebatan kepada satu bahagian daripada cadangan pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah iaitu berkenaan dengan pembanterasannya.

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan iaitu, sebelum peristiwa 11 September, wujudnya syarat-syarat, undang-undang, hukuman yang menangani tindakan-tindakan ganas. Misalnya, yang terdapat dalam bab 6 kesalahan terhadap negara. Seksyen 121 sehingga 130A kod hukuman, *Penal Code - PC*. Hukuman-hukuman yang termaktub di dalam bab ini termasuk *commission* dengan izin, *attempt, abetment and conspiracy*, berperang dengan Yang di-Pertuan Agong yang merupakan ketua dan simbol negara ini.

Pada tahun 2003, seksyen 121 ini telah berjaya digunakan di dalam pendakwaan ke atas sekumpulan yang dikatakan penyimpang Islam, Al-Maunah. Hakim di dalam kes ini telah menyifatkan kes sebagai kes *classic terrorism* dan kesemua 19 orang yang dituduh telah didapati bersalah. Empat daripada mereka dijatuhkan hukuman mati sementara 15 yang lain dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup.

Hakim perbicaraan menyifatkan perompakan senjata Grik ini sebagai kes *classic terrorism*. Ia adalah saya *quote* apa yang hakim katakan: "*la adalah pencarian saya, bahawa bimbingan dan tindakan yang ditunjukkan oleh kumpulan mereka yang tertuduh di dalam kes ini akan menunjukkan bahawa mereka menjalankan perjuangan atau misi mereka ke arah mencabar kewibawaan kerajaan dan menubuhkan sebuah negara Islam melalui jihad yang bertentangan dengan Perlembagaan Negara. Ia mesti ditekankan di sini, bahawa extremism dan*

terrorism dalam sebarang bentuk tidak boleh dibenarkan, dan tidak akan menjadi sebahagian daripada sebarang komuniti bertamadun”.

Dalam sejarah perundangan jenayah Malaysia, kes ini merupakan kali pertama bahawa satu kesalahan di bawah seksyen 121 telah dicatatkan. Syarat-syarat tersebut tidak pernah dimohon sejak itu. Lebih-lebih lagi syarat-syarat ini tidak dimansuhkan dan terus kekal. Definisi yang digunakan untuk mentafsir serta merangkum sesuatu tindakan sebagai tindakan pengganas itu atau *terrorist act* begitu luas dan membimbangkan.

Cabaran terbesar dalam perundangan menentang keganasan ialah berkaitan dengan konsep dan takrif, *terrorist*. Kekaburan dalam definisi akan membolehkan pihak-pihak mendapat faedah dengan mengelak sekatan-sekatan undang-undang dan mengalihkan objektif-objektif dasar. Kesan kekaburan sebegini boleh dilihat dalam seksyen 130B(2)(3) meliputi perbuatan atau ugutan di dalam atau di luar Malaysia, di mana perubatan *terrorist* ditafsirkan sebagai “sesuatu tindakan atau ugutan dengan niat untuk memajukan tujuan politik, agama atau ideologi dan tindakan atau ugutan dengan niat untuk mempengaruhi atau menekan Kerajaan Malaysia atau negara asing atau organisasi antarabangsa untuk membuat sesuatu, atau dihalang daripada membuat sesuatu”

Definisi ini amat luas dan jika diguna pakai dalam konteks hari ini ia amat berbahaya. Saya berikan satu contoh yang mudah hari ini banyak pihak terutama kuasa besar yang digelar pihak PLO dan Hamas sebagai organisasi *terrorist*. Justeru sekiranya kita di Malaysia menjadi penyokong perjuangan orang Palestin, berdemonstrasi di luar kedutaan asing, kita mungkin akan digelar sebagai *terrorist* atau menyokong tindakan *terrorist* dan boleh didakwa dengan menggunakan seksyen di atas. Malah NGO pro kerajaan seperti AMAN Malaysia juga boleh didakwa dengan menggunakan seksyen yang sama atas alasan mereka juga pernah berdemonstrasi secara besar-besaran, menentang anti penjajahan asing di Iraq tidak berapa lama dulu.

Apatah lagi himpunan rakyat tersebut di buat di dalam sebuah stadium terkemuka negara dan mendapat sokongan dan dibiayai kerajaan. Tindakan AMAN Malaysia berdemonstrasi adalah bertujuan antara lain untuk menekan kerajaan Malaysia. Pemerintah di luar negara dan agensi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk berbuat sesuatu yakni mengambil tindakan tegas dan menyatakan penentangan terhadap penjajahan ke atas Iraq oleh Amerika dan sekutunya.

Oleh yang demikian, dengan definisi luas seksyen ini tambahan pula setiap elemen di dalamnya menepati tujuan perhimpunan AMAN Malaysia, maka perhimpunan tersebut boleh juga dikategorikan sebagai tindakan pengganas atau bersekongkol dengan tindakan pengganas. Keganasan mesti dibuktikan dengan sesuatu perbuatan atau tindakan yang jelas. Tindakan mendakwa dan menghukum seseorang dengan hanya mengandaikan kepada niat dan tidak dengan fakta serta tindakan adalah tidak munasabah dan keterlaluan. Tafsiran luas sebegini

sudah pasti akan membuka ruang yang besar untuk disalahgunakan oleh mana-mana pihak seperti Badan Perisikan Negara khususnya *Special Branch* untuk mengambil tindakan sewenang-wenangnya pada bila-bila masa.

Walau pun terdapat peruntukan pengecualian *exclusionary clause* dengan izin, yang disenaraikan dalam subseksyen 4, tetapi ia tidak membawa makna yang besar tambahan pula subseksyen ini bercanggah dengan prinsip asas undang-undang kerana beban pembuktian telah dipindahkan daripada pendakwa daripada yang dituduh. Harus diingat bahawa perkara asas sebuah undang-undang yang adil adalah anggapan bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah di dalam mahkamah.

Justeru tambahan fasal baru dengan tujuan mengetatkan tafsiran tindakan *terrorist* dengan memasukkan unsur niat masih belum memadai, ia tetap terlalu bergantung kepada jasa baik pendakwa raya dan kreativiti hakim. Jika diteliti kuasa yang diperuntukkan di dalam seksyen tersebut adalah merit kepada kuasa luas yang diperuntukkan di dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri. Melalui ISA, kuasa mutlak yang diberikan kepada polis telah mengakibatkan ribuan rakyat ditahan kerana hanya disyaki mengancam keselamatan negara.

Kami mempunyai banyak bukti mengenai kes penyalahgunaan undang-undang tersebut dan ini tidak terkecuali dengan laporan-laporan rasmi kerajaan seperti laporan Suruhanjaya Diraja Polis dan laporan dari SUHAKAM berkenaan tingkah laku polis terutama di dalam kes-kes di bawah ISA. Selain dari kegusaran di atas, saya ingin juga menekankan bahawa di dalam kanun keseksaan iaitu melalui peruntukan seksyen 121 hingga 130 telah terdapat peruntukan undang-undang yang merangkumi kesalahan-kesalahan jenayah keganasan.

Jadi apa perlunya diperuntukkan sekali lagi seksyen tambahan tersebut malah jika kita lihat di negara-negara yang mengalami serangan dan pengeboman pengganas seperti di Amerika dan England sekali pun, mereka amat berhati-hati di dalam menggubal undang-undang berkaitan dengan jenayah keganasan. Contohnya undang-undang seperti "*Patriot Act*" yang telah beberapa kali dipinda dengan memasukkan langkah-langkah berhati-hati *safeguards* bagi memastikan hak asasi rakyat tidak dicabuli hatta atas alasan keselamatan negara sekalipun.

Amat malang kerana pihak kerajaan tidak pernah mahu mendengar seruan kita agar membawa sesiapa sahaja yang disyaki sebagai pengganas ke mahkamah untuk didakwa secara terbuka dengan menggunakan seksyen-seksyen yang sedia ada termasuk mereka yang ditahan di Kem Kemunting bawah ISA. Sebaliknya hari ini kerajaan mahu pula memperkenalkan seksyen baru dengan memperuntukkan kuasa yang sangat besar dan mutlak kepada pihak polis dan pihak pendakwa raya. Tafsiran yang diungkapkan di dalam seksyen-seksyen 130C hingga T, juga amat membimbangkan dan perlu dikaji semula

Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah. Mengenai Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Tuan Yang di-Pertua, CPC. Cadangan seksyen baru iaitu seksyen 106B adalah menyebut bahawa pihak polis diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran

seseorang yang menimbulkan banyak keraguan dan disyaki *terrorist*. Apakah niat sebenar kerajaan untuk menambah peruntukkan baru sedangkan sudah ada akta yang memperuntukkan pihak polis boleh berbuat demikian.

Malah terdapat peruntukkan baru dalam seksyen 106C di mana kuasa diberikan kepada pendakwa raya untuk memintas komunikasi tertentu sekiranya dipercayai atau disyaki mengandungi maklumat berkenaan dengan kegiatan keganasan. Saya faham kerana saya telah diberi sedikit penerangan oleh Yang Berhormat Seputeh kerana dalam kes-kes penculikan. Tetapi, janganlah kita *“go over board”* dengan izin, Semua perkara yang akan saya kemukakan ini perlu di fikir dengan bijaksana dan tenang. Pertama; Pendakwaraya mestilah membuktikan kepada mahkamah bahawa beliau mempunyai bukti dan alasan yang kukuh untuk memintas sebarang komunikasi bukan hanya sekadar atas kepercayaan dan syak wujudnya maklumat tentang kekerasan.

Bukan itu sahaja, Pendakwaraya perlu juga membuktikan bahawa maklumat tersebut adalah bersangkutan dengan kegiatan keganasan yang bakal dilakukan. Kita menegaskan bahawa sepatutnya diperuntukkan dengan terperinci garis panduan dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan bahawa tidak berlaku pencerobohan terhadap hak peribadi individu dengan bertopengkan seksyen ini dan dengan alasan pencegahan jenayah keganasan di dalam negara.

Kita kluatir setiap perbualan telefon atau *internet* atau surat kita boleh dirakam atau dibaca oleh pihak-pihak tertentu dengan sewenang-wenangnya pada masa hadapan. Walaupun kita juga kurang pasti bahawa pada ketika ini hak-hak peribadi kita tersebut tidak dicerobohi oleh pihak-pihak terbabit. Kedua, pindaan ini tidak boleh diterima kerana memperuntukkan kuasa yang terlalu luas kepada penguat kuasa. Justeru ia bercanggah dengan amalan undang-undang.

Jika pendakwa raya bertindak dengan mengenakan alasan risiko keganasan maka pendakwa raya bertanggungjawab membuktikan wujudnya ancaman yang jelas atau *clear and present danger* dengan izin, dan bukannya *just in case danger*.. Pengalaman pahit mangsa-mangsa ISA harus menjadi satu rujukan penting di mana keselamatan dan undang-undang kerap dijadikan alat politik orang-orang yang berkuasa.

Kita sedar pada ketika ini, kuasa-kuasa besar sedang giat melancarkan peperangan anti keganasan. Jangan pula Parlimen hari ini digunakan semata-mata untuk menunjukkan kepada mereka kita mempunyai selera yang sama. Jangan jadikan diri kita sebagai alat mainan catur oleh kuasa-kuasa besar tersebut. Kita tidak perlu membuat senarai akta-akta baru seperti yang dicadangkan hanya kerana untuk turut serta memerangi pengganas.

Peruntukkan yang sedia ada adalah telah mencukupi bagi mencapai matlamat tersebut. Saranan pindaan Rang Undang-undang ini juga bercanggah dengan ungkapan kerajaan selama ini untuk mengkaji semula ISA dengan alasan terdapat peruntukkan yang bercanggah dengan

hak asasi manusia. Apa makna kajian semula jika satu peruntukkan baru yang lebih mencabul mahu diperkenalkan.

Pilihan kita bukan di antara hak asasi rakyat yang termasuk juga hak peribadi dengan keselamatan negara. Malah kedua-dua elemen tersebut sangat penting dalam kehidupan kita. Justeru kita harus mencari suatu keseimbangan agar kedua-duanya boleh dan perlu wujud pada setiap masa. Apabila dunia digemparkan dengan tragedi demi tragedi, apa yang kerajaan patut tawarkan kepada dunia ialah satu gesaan keras agar dunia cuba untuk haruslah belajar dan memahami punca sebenar ketidakpuasaan hati para *terrorist* berkenaan.

Melihatkan kepada bentuk dan modus operandi mereka, adalah tidak keterlaluan jika kita katakan yang *terrorist* sebenarnya tidak akan takut kepada sebarang bentuk perundangan kerana mereka juga tidak takut mati. Justeru jika undang-undang digubal sebagai langkah mengawal kegiatan mereka, maka sudah pasti ia bukan suatu tindakan kawalan yang berkesan. Kita mahu memerangi keganasan.

Apa yang amat penting kepada kita ialah jangan sampai kita pula yang ditakut-takutkan dengan menggubal undang-undang yang hanya berdasarkan kepada rasa bimbang dan ketakutan. Hakikatnya pengganas telah pun berjaya sejak kita mulai mencurigai setiap individu, mendengar perbualan mereka dan mulai menggubal undang-undang seperti ini. Justeru, saya mohon sekali lagi agar Jawatankuasa Pilihan Khas yang walaupun telah bekerja keras sejak satu dua tahun yang lalu meneliti sekali lagi cadangan-cadangan yang telah mereka kemukakan dalam bahagian ini.

Adalah lebih baik kita perbetulkan yang salah dan memperjelaskan yang masih kabur hari ini dari kita menyesal di hari esok. Apa yang penting bagi kita ialah memastikan setiap undang-undang yang kita pinda mahupun gubal memberi manfaat kepada rakyat agar dapat menikmati kehidupan mereka sebagai insan merdeka di dalam sebuah negara demokrasi dan bertamadun. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rasah.
4.43..ptg.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana izinkan saya mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004. Saya setuju memang perlu ada rang undang-undang yang lebih ketat untuk memberi perlindungan kepada kaum wanita supaya kepentingan dan keselamatan wanita adalah lebih terjamin. Jika benar wanita ada dipaksa melakukan perkara yang mereka tidak ingini secara kekerasan, memang patut ada tindakan undang-undang yang lebih keras.

Di sini saya ingin menyampaikan empat pandangan saya sebelum Rang Undang-undang di atas diperkenankan iaitu yang pertama, jika ada kejadian paksaan, kekerasan untuk mengadakan hubungan seks yang berlaku antara pasangan suami isteri yang sah, tidak wajar suaminya didakwa melalui Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 khasnya peruntukkan bagi perogol.

Jika benar suami melakukan kekerasan, memukul isteri atau paksaan seks, patut didakwa melalui akta lain yang lebih sesuai misalnya melalui Penal Code *chapter 20*.

Offensive relating to marriage dengan izin atau melalui Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Bukannya Seksyen 375A. Tentang seksyen baru 375A, saya cadangkan bacaan '*any men during this subsistence*' ditukar kepada '*any spouse*' dan bacaan '*causes hurt or feel of death or hurt to his wife*' ditukar kepada '*his or her spouse*'. Jika kejadian paksaan berlaku bukan antara suami isteri tetapi adalah paksaan daripada tukang-tukang bomoh yang tadi begitu ramai Yang Berhormat ada sebut tentang perkara ini sehingga ada kejadian seks, saya sokong kes-kes itu didakwa sebagai kes rogol dan diambil tindakan melalui Seksyen 376 (2) (f) iaitu seksyen yang beratlah, yang begitu berat.

Jadi, bagi kejadian hubungan seks antara kes rogol yang dilakukan ke atas mangsa yang telah mengandung dua atau tiga bulan, tetapi tidak dapat diketahui oleh kerana wanita itu barangkali mempunyai saiz badan yang besar dan susah dapat tahu ianya mengandung atau memakai pakaian yang besar dan tidak nampak ia mengandung.

Jadi kes-kes ini tidaklah patut ada tindakan Seksyen 376 (2)(g). Saya setuju kes ini diambil tindakan melalui Seksyen 376 (1). Tuan Yang di-Pertua, bagi kes suka sama suka contohnya antara pihak majikan dan kakitangan bawah umur, yang umurnya adalah lebih 18 tahun dan sudah lama duduk bersama sehingga bertahun-tahun, apabila ada pergaduhan dan berpisah, barulah wanita itu dakwakan kawannya rogol. Saya rasa ini adalah tidak adil kerana lelaki yang tidak bersalah akan secara mudah dituduh merogol.

Perkembangan yang awal juga perlu diambil kira jika kes seperti ini didakwa melalui Seksyen 376 iaitu kes rogol, ia boleh memunahkan masa depan pihak lelaki itu. Jadi, sebagai kesempurnaan, saya amat setuju kedudukan kaum wanita dan kaum lelaki perlu ada sama taraf tetapi dalam pelaksanaan Rang Undang-undang pindaan di atas, tidaklah patut ia menjadi satu keburukan kepada pihak lelaki. Yang penting sekali ialah semua lapisan masyarakat kita perlu sentiasa diingatkan supaya memiliki kasih diri yang tinggi.

Masyarakat kita perlu mengetahui undang-undang secara ringkas. Dapat mempunyai budi bicara masing-masing dan diharap dengan ini tidak menjadi apa-apa keburukan kepada mana-mana satu pihak. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan pindaan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Rasah. Yang Berhormat mengatakan yang penting ialah semua orang mempunyai *self disciplin* yang tinggi. Saya rasa, pindaan ini 376(2)(f) ini adalah menggalakkan disiplin yang tinggi untuk kaum lelaki supaya dia berjaga-jaga. Kalau dia sudah kahwin, dia jangan senang hendak pergi

ke katil dengan wanita bukan isterinya. Bukankah ini ada tujuan yang baik. Kalau takut, jangan lakukan. Jangan terperangkap. Bukankah ini adalah lebih baik?tk.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya menyokong seksyen itu. Tetapi yang saya sebut, oleh sebab pasangan itu daripada umur sudah lebih 18 tahun dan sudah lama duduk bersama sehingga bertahun-tahun. Tetapi apabila ada pergaduhan ataupun berpisah, barulah nak dakwakan lelaki kawan dia rogol beliau. Jadi, saya rasa ini perlu ambil kiralah. Memang saya bersetuju dengan seksyen itu, tetapi yang kes-kes seperti ini memang telah berlaku di masyarakat kita. Memang ada berlaku di masyarakat kita sebab dia sudah lama berkawan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan pindaan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004, yang telah dibentangkan baru-baru ini, saya bersetuju cadangan tempoh masa tahanan polis ke atas pesalah yang disyaki dipendekkan. Iaitu bagi kes yang dipenjarakan kurang daripada 14 tahun di mana tahanan untuk siasatan adalah empat hari bagi permohonan kali pertama dan tiga hari bagi permohonan kali yang kedua. Bagi kes yang mungkin akan dipenjarakan melebihi 14 tahun, reman tahanan untuk siasatan adalah tujuh hari bagi permohonan kali pertama dan tujuh hari bagi permohonan kali yang kedua. Tempoh masa tahanan yang pendek ini adalah baik kepada kedua-dua pihak.

Jadi saya amat menyokong cadangan ini. Di sini saya ingin menyampaikan beberapa pandangan saya untuk diteliti dalam pindaan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 ini. Pertama, bagi kes-kes kesalahan yang membabitkan golongan berusia 18 tahun ke atas atau 21 tahun ke bawah, saya bersetuju hukumannya sama ada dipenjarakan atau di pusat tahanan adalah termasuk perintah program khidmat masyarakat. Yang penting, yang mustahak sekali, kita perlu pastikan mereka dapat betul-betul insaf dan berkelakuan baik setelah menjalani hukuman ini. Saya dapati pekerja-pekerja asing yang telah lama duduk di negara kita banyak menimbulkan masalah-masalah sosial. Saya juga dapati begitu banyak kes-kes jenayah di negara kita adalah dilakukan oleh pekerja-pekerja asing, khususnya oleh pekerja-pekerja buruh biasa seperti merompak, merogol, pecah rumah, kegiatan dadah dan sebagainya.

Oleh itu, kita perlu pastikan pekerja-pekerja buruh asing ini mesti balik ke negara asalnya apabila permit dua tahun tamat dan tidak boleh dibaharui. Pihak majikan boleh masukkan pekerja asing baru pada bila-bila masa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua sebagai kesimpulan saya harap pandangan saya dapat diteliti dalam pindaan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta dalam perbahasan Akta meminda Kanun Tatacara Jenayah ataupun KTJ ini dengan menarik perhatian berhubung dengan Fasal 5 iaitu butiran 106B. Saya petik ya, "Any

police officer may arrest without warrant any person who has committed or is committing or whom he has reasonable grounds for suspecting to have committed or to be committing a terrorism offence". Saya melihat kenyataan ini sebagai sesuatu yang kabur, dan boleh membawa pelbagai macam tafsiran. Kuasa-kuasa penangkapan tanpa waran yang diberi kepada pihak polis di bawah seksyen ini saya kira terlalu luas.

Beberapa orang rakan-rakan sebelum ini telah menyentuh perkara yang sama. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah perimeter, apakah batasan kepada kuasa yang dimiliki tanpa waran oleh pihak polis ini? Ini sekali gus juga berkaitan dengan definisi *terrorist* ataupun kesalahan keganasan itu. Pun saya melihat definisinya terlalu luas, kabur yang boleh membawa pelbagai tafsiran yang memungkinkan kepada berlakunya dengan izin *mundane or usual criminal* juga akan mendapat tindakan-tindakan dan diklasifikasikan sebagai kesalahan keganasan. Maka di sini juga saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini agar pengertiannya harus diberi secara sejelas-jelasnya. Jangan pula kita terpengaruh dalam satu perspektif yang agak sempit pun tidak pula dalam perspektif yang terlalu luas.

Seterusnya Seksyen 106C yang berkait dengan memintas komunikasi. Dalam konteks ini saya ingin merujuk kepada 106C.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim [Kuala Terengganu]: Ya, sila Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya ingin mencelah sedikit berkenaan dengan satu tafsiran yang luas tadi. Apakah Yang Berhormat merasakan sedikit kekhuatiran berlaku penyalahgunaan kuasa nanti apabila tafsiran yang luas ini disalah gunakan oleh pihak polis kerana tangkapan tanpa waran ini boleh disalah gunakan? Kerana kita juga kedengaran berlaku penyalahgunaan kuasa ini bersabit dengan orang-orang yang tertentu apabila mereka rasa dendam, rasa marah terhadap individu tertentu. Pihak polis sesetengahnya ada juga membuat tangkapan dan membuat tahanan reman atas dasar suspek dan direman satu malam, dua malam kerana perasaan marah terhadap individu tertentu. Apakah kekhuatiran ini timbul? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat bagi Setiu. Saya rasa, itulah kegusaran saya sekarang. Lebih-lebih lagi dalam konteks kualiti kehidupan kita yang kita dengar dalam akhbar agak semakin meningkatnya jenayah. Mungkin kerana rasa frustrasi ataupun rasa kekecewaan, maka dia ambil secara serkap jarang begitu. Jadi ini adalah merupakan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku. Maka dalam konteks inilah, saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, supaya diberi penjelasan tentang perkara yang boleh menimbulkan kekeliruan dan juga salah tafsir dan salah tindakan dalam perkara yang saya sebutkan itu. Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu.

Berkait dengan memintas komunikasi ini juga, iaitu 106C (a) “*to intercept, detain and open any postal article in the course of transmission by post*”. Saya kira ini juga menimbulkan beberapa keraguan saya iaitu dari segi hak kebebasan peribadi individu itu, di mana dengan jelas tercatat dalam Perlembagaan Negara Artikel 5(1) *of the Malaysian Federal Constitution* yang dengan jelas menyatakan bahawa, saya petik, “*No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law*”.

Demikian juga sekali lagi ditegaskan dalam Artikel 8(1) yang menyebut bahawa dengan izin, “*all persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law*”. Maka di sini dengan izin *the right to privacy* ataupun haknya untuk mempunyai kebebasan peribadi itu seolah-olah tercalar oleh kuasa-kuasa yang begitu luas dilihat di sini, sebab itu saya baru sebut ‘A’, ada lagi yang ‘B’ dan ‘C’ nya *to intercept any message*. Kemudian *to intercept or listen to any conversation by telecommunication*. Di sini adalah merupakan sesuatu yang boleh menimbulkan bila ianya terlalu luas menimbulkan pelbagai tindakan-tindakan yang boleh disalahgunakan lebih-lebih lagi kita ini di atas sifat sebagai kemanusiaan. Bila kebebasan yang terlalu luas, maka kecenderungannya untuk pergi selebih daripada had itu mungkin akan berlaku. Maka dalam konteks ini saya memerlukan penjelasan apakah batasan-batasan dan had-had yang perlu ada.

Seterusnya Fasal 10 iaitu subseksyen 127A(1) berhubung dengan kesalahan luar wilayah dengan izin *extra-territorial criminal*. Dalam konteks ini juga saya kira perlu ada klausa berhati-hati ataupun disebut sebagai klausa berhati-hati ataupun disebut sebagai klausa *safeguards* dalam konteks di mana kadang-kadang berlaku bahawa menurut peraturan kita salah, tapi menurut peraturan di negara luar tidak salah. Apakah bentuk klausa yang perlu ada untuk kita memastikan kita dapat menjaga diri supaya tidak pula terperangkap dengan pelbagai tafsiran-tafsiran yang berbeza dari segi undang-undang di antara undang-undang kita dengan undang-undang di negara yang luar itu.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian kepada seksyen 293 iaitu berhubung dengan Perintah Khidmat Masyarakat dan Kaunseling. Saya kira ini adalah sesuatu yang amat wajar lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk kita membaik pulih kepada anak-anak muda yang terperangkap dengan kes-kes *juvenile* ataupun kes-kes jenayah ini. Tetapi dalam perkara ini juga saya mempunyai beberapa keraguan saya tentang kesan ataupun impak daripada kegiatan-kegiatan khidmat masyarakat ataupun khidmat masyarakat dan juga kaunseling ini.

Saya juga ingin menyebut di sini bahawa beberapa kes menunjukkan bahawa kalau sekiranya khidmat masyarakat itu tidak ada penguatkuasaannya, juga dari segi tenaga penguatkuasaannya tidak mencukupi, barangkali dia akan menimbulkan kesan-kesan yang membazir sahaja dari segi tenaganya. Maka dalam konteks inilah lebih-lebih lagi saya lihat di sini pelbagai kementerian akan terlibat. Dan di sini juga perlu kepada pemantauan dan kerjasama daripada kementerian yang berkaitan dengan Akta ini, juga kementerian yang lain seperti mana yang telah dinyatakan dalam Akta ini. Ia memerlukan kerjasama yang akrab

daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta daripada kementerian barangkali Kementerian Pendidikan yang perlu turut serta dalam usaha memberi khidmat masyarakat dan juga aspek kaunseling.

Di sini juga saya ingin menyentuh bahawa program ini bermatlamat yang baik iaitu untuk mencegah kesalahan dilakukan pada masa hadapan dan juga mengembalikan semula personaliti mereka yang sudah tersasar daripada matlamatnya. Dengan mengadakan hukuman-hukuman seperti melucutkan masa lapang pesalah dan memberikan sesuatu tanggungjawab untuk mereka laksanakan. Jadi ini adalah merupakan perkara yang baik. Di samping itu melakukan kerja-kerja pemulihan ke atas tingkah laku mereka itu dan juga membawa kesan penginsafan. Ini adalah merupakan *statement* yang baik saya kira yang perlu dimasukkan dalam pindaan undang-undang ini. Dalam perkara yang sama juga saya kira petugas-petugas di peringkat melaksanakan perintah khidmat masyarakat ini perlulah orang yang ada integritinya. Orang yang benar-benar sebagai seorang perunding cara, seorang *counselor* dengan izin yang boleh menyentuh hati “pesakit-pesakit” ataupun remaja-remaja yang terlibat dalam kes-kes *juvenile* ini.

Ertinya di antara lain, dia boleh menyentuh perasaannya, boleh menimbulkan kesedaran tentang siapa diri pesalah itu sendiri dengan izin *know yourself*, dapat mengawal dirinya sendiri daripada melakukan kes-kes jenayah ataupun kes-kes yang boleh melanggar adab dan tatasusila masyarakat. Selain itu juga untuk menitik dalam diri pesalah-pesalah itu tentang untuk memberi khidmat-khidmat yang berguna kepada masyarakat, dengan izin dalam bahasa yang mudah disebut sebagai untuk memastikan remaja-remaja ini mengenal hakikat dirinya sendiri, mengenal tujuannya.

Jadi ini bukan merupakan satu perkara yang mudah untuk dilakukan oleh seseorang kaunselor tanpa latihan-latihan yang profesional. Apakah kita mempunyai ataupun kementerian sudah bersiap sedia dengan tenaga-tenaga profesional ini? Apa pula kerjasama yang telah terjalin di antara Kementerian yang akan melaksanakan rang undang-undang dengan Kementerian Pelajaran? Dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk melahirkan tenaga-tenaga kaunselor? Apakah di penjara kita sudah ada tenaga yang cukup untuk menjalankan kerja-kerja khidmat masyarakat dan juga kaunseling ini?

Maka dalam konteks ini juga saya rasa kerjasama daripada pelbagai agensi dan daripada pelbagai kementerian ini perlu diwujudkan. Selain daripada itu juga kita perlu lihat sejauh manakah perjawatan-perjawatannya yang ada sama ada di penjara-penjara kita ataupun tenaga yang sedia ada dalam perkhidmatan untuk memberi khidmat masyarakat ini. Juga kaunselor-kaunselor kita ini, apakah kerjasama boleh kita perolehi dengan segera kiranya daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam? Sering kali kita kedengaran bahawa bila dimohon perjawatan-perjawatan baru itu timbul sahaja kekangan-kekangannya, timbul sahaja helah dan pelbagai masalah yang boleh mengganggu proses kita nak melaksanakan satu agenda yang penting iaitu agenda untuk memberi runding cara, memberi kaunseling.

Dan kaunseling ini pula pelbagai macam. Kalau sekiranya kaunselor yang menyampaikan rawatan itu tidak sebenar-benarnya seorang yang profesional, barangkali dia tidak dapat menyentuh lubuk hatinya. Sekadar hanya untuk menyejukkan dahinya tetapi tidak menusuk dalam kalbunya untuk benar-benar memberi kesan dan bekas untuk membawa perubahan tabiat, untuk membawa perubahan tingkah laku kepada jenayah remaja ini, penjenayah remaja ini ataupun yang melakukan kes-kes yang melanggar kepada adab dan tata susila ini.

Maka dalam konteks ini juga saya perlu mendapat sedikit penjelasan tentang keperluan tenaga manusia, tentang peruntukan kewangan yang perlu ditambah untuk membolehkan penguatkuasaan secara berkesan dan efektif untuk kita memastikan kita mempunyai kapasiti yang cukup untuk mengendalikan satu *provision* yang baru yang ada dalam Akta yang hendak di bawa ini. Dan satu perkara lagi adalah perlu dilihat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Apabila Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu banyak menyebut tentang masalah-masalah yang timbul disebabkan yang boleh menyebabkan kepada kegagalan pencapaian kepada hasrat murni tadi itu. Saya melihat Yang Berhormat banyak menyebut tentang *corrective* kepada pembetulan dan saya yakin juga apabila kita bercerita tentang melaksana suatu sistem perundangan dan sebagainya ada 3E yang paling penting. Dari segi *education* (pendidikannya), *engineering* (sistem yang ada itu), kemudian dari segi *enforcement* nya, (penguatkuasaannya).

Jadi apakah Yang Berhormat setuju bahawa apa Yang Berhormat sebut tadi itu sebenarnya perlu kita anjakkan daripada *corrective* kepada *preventive* supaya jangan sampai satu kawasan di mana wilayah "sudah terhantuk, baru nak mengadiah". Apakah Yang Berhormat setuju dengan saya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya kira saya cukup bersetuju sebab dalam kita nak melaksanakan tugas ini, dia bukan semata-mata bersifat *punitive* ataupun bersifat menghukum kepada pesalah-pesalah ini. Tapi dalam konteks kita nak merawat masalah yang dihadapi oleh mereka. Dalam usaha kita nak membentuk semula tatasusila dan adab mereka yang sudah terpesong daripada landasan norma itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih. Saya kurang bersetuju, okeylah kita nak mengajar dan mendidik mereka. Tapi hak yang perogol bersiri ini, berapa kali kita nak ajar dia? Keluar masuk, keluar masuk, yang baru ini dalam kes mahkamah saya lupa, saya ingat Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor boleh *remind me*. Ada kes yang mana dia merogol, dah masuk penjara keluar, dan mahkamah telah hukum 54 tahun. Itu padanlah

dengan perbuatan dia itu. Perogol ini adalah orang yang berpenyakit mental yang membahayakan masyarakat. Kalau sekali itu mungkin dia tersilap, tapi kalau berkali-kali ini bukan dia tersilap lagi, dia sudah syok, dia "*current*". Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat? Adakah kita terus nak mengajar mereka ataupun mengajar mereka dengan menyimpan mereka di dalam penjara yang agak lama sedikit? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Ini adalah merupakan perkaranya tetapi dalam profesion yang disebut ini, dari segi kaunselingnya, dari segi khidmat masyarakatnya. Barang kali apa yang disebut dan dibicarakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai itu adalah tindakan-tindakan *punitive*, tindakan-tindakan deraan, tindakan-tindakan celaan.

Mungkin itu berada dalam satu bab yang lain. Sebab di sini adalah aspek khidmat masyarakatnya sahaja, yang saya menyentuh sekarang dalam *provision* ini, 293 ini adalah khidmat masyarakat dan juga kaunseling ataupun runding cara. Mungkin apa Yang Berhormat sebut itu adalah satu dimensi yang lain, yang tidak perlu kita lakukan secara bermain perasaannya sahaja, barangkali di situ kita perlu adakan tindakan-tindakan yang lebih menghukum tempatnya tidak wajar cara hendak kita sentuh perasaan mereka sahaja. Tetapi, di sini saya kira ini, ini adalah satu dimensi yang lain Yang Berhormat. Maka di sinilah saya hendak pastikan juga kita perlu juga bersua dengan kes-kes yang tidak begitu parah, yang masih boleh kita selamatkan. Mereka sudah pun sesat dalam perjalanan hidup mereka. Kita hendak bawa balik mereka ke pangkal jalannya. Maka saya kira inilah, klausa yang membicarakan perkara ini. Sebab itu diadakan saya kira Seksyen 239 berhubung dengan perintah khidmat masyarakat dan kaunseling.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membantu Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebenarnya kalau seseorang perogol itu, ia tidak akan diberi hukuman *Community Service* sahaja, dia tentu akan dimasukkan dalam penjara, dan untuk maklumat Yang Berhormat bagi Jerai, *you* boleh rujuk ke lampiran 7, muka surat 23 di bawah Seksyen 295 A *rehabilitative counseling* bagi perogol. Jadi ini boleh diarah oleh mahkamah semasa seseorang perogol itu di bawah tahanan dalam penjara. Jadi, ini untuk maklumat Yang Berhormat bagi Jerai sahaja, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Saya kira Dewan pada petang ini dan hari ini saling sokong-menyokong di antara satu sama lain. Saya juga ingin menyentuh di sini dalam konteks khidmat masyarakat dan kaunseling ini, perlu diambil kira Yang Berhormat menteri, tentang kurikulum yang perlu ada di situ. Misal kata dari segi kandungan *sex education* ataupun pendidikan mengenai seks dan tabiat dan perlakuan-perlakuan yang norma. Saya kira ini perlu ada dan juga kita harus memikirkkan dari segi *preventivenya*, ada usaha-usaha

sekarang ini untuk memperkenalkan dimensi ini, elemen ini secara tidak langsung dalam kurikulum di sekolah.

Saya kira ini perlu diterapkan bersama. Selain dari itu juga, untuk kita menanam rasa kemesraan, rasa kasih sayang di kalangan pesalah, selain daripada itu juga, pemulihan fizikal dan mental, emosi dan juga saya kira perlu ditengok sekarang ini, dalam kurikulum pendidikan kita. Kadang-kadang dalam kurikulum pendidikan kita itu fokusnya hanya kepada dimensi intelektual sahaja, dimensi akademiknya sahaja. tidak dilihat secara spesifik, secara khusus tentang dimensi emosinya, demikian juga tentang dimensi *spiritualnya* yang empulur dan hati di dalam sana, dimensi *emotionalnya*. Maka ini semuanya saya kira dari segi *multiple intelligent* dengan izin kepelbagaian kecerdasan ini perlu diterap sama. Dalam konteks kita hendak melakukan sedikit pindaan ini, maka, saya kira kurikulum kepada khidmat masyarakat dan juga kaunseling itu perlu disemak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini dimensi ini, saya hendak bercakap dari segi dimensi khidmat sosial ini. Saya biasa lihat Tuan Yang di-Pertua, di sebuah negara, apabila khidmat masyarakat ini diberi ataupun untuk hukuman-hukuman belia dan sebagainya, untuk muda-muda ini, mereka ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja amalan macam dia orang akan digunakan sebagai bendera untuk jaga *zebra crossing* dan sebagainya. Adakah dimensi itu yang hendak Yang Berhormat bawa. Kerana hari ini apabila dalam bidang ekonomi, Yang Berhormat bercakap tentang ROI, *Return Of Investment*, hari ini Yang Berhormat bercakap tentang ROL *Return Of Law*, macam mana Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, saya cukup tertarik apabila Yang Berhormat bagi Jerai mengatakan begitu. Pernah tidak Yang Berhormat bagi Jerai melihat sebuah filem *Anger Management*? Sebuah filem.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia baca buku sahaja.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sebuah filem yang cukup menarik, bagaimana kita lihat satu episod cerita seorang yang melakukan sebenarnya, silap orang itu. Entah macam mana dia redakkan perasannya itu lalu dimasuk, diberi latihan serupa ini. Pelbagai aktiviti dan dia didampingi oleh seorang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tengok wayang P. Ramlee banyak Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ah, dia P. Ramlee sahaja barangkali kena beralih selera kita, lihatlah filem-filem yang agak berkualiti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ok, ok *I'll see to that, I'll see to that.*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Ketawa]* Terima kasih banyak. Saya kira ini adalah sebagai satu contoh yang baik di mana dia didekati oleh seorang mentor dan mentor ini bukan calang-calang orang, malah dia merupakan seorang profesor pun dalam usaha dia mendekati dalam usaha dia untuk menyerapkan nilai-nilai baru dalam kehidupan seorang pemuda yang kurang laras dari segi tingkah lakunya itu. Maka saya lihat di sini, ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus disemak betul-betul dalam kurikulum khidmat masyarakat dan juga kaunseling seperti Yang Berhormat sebut tadi itu dan dalam konteks ini juga ialah program-program kerohanian. Ini penting.

Apa sahaja pegangan kita, aspek-aspek yang menyentuh hati budi kalbu kita ini saya kira perlu dimasukkan sekali gus. Ia perlu dilakukan oleh orang-orang yang benar-benar tahu cara dan kaedahnya, bukan sahaja dalam bentuk retoriknya sahaja, tetapi juga banyak dalam bentuk-bentuk aktiviti, dan bentuk gerak kerja dalam bentuk amalinya, sebab ini adalah merupakan sesuatu yang saya lihat banyak kekurangannya. Saya juga pernah hadir dalam kes sesi-sesi yang dibuat di peringkat pusat serenti. Saya nampak itu lebih banyak kepada *preaching rather than practicing* dengan izin. Lebih banyak kepada memberitahu, bersyarah daripada melaksanakan perbuatan itu. Jadi dia tidak ada kejelikitan, perkataan ... *touching the heart*, kejelikitan. 'Tidak jelikit kah?' kata orang Terengganu.

Dalam hati dalam perasaan, dan tidak membawa kepada perubahan minda dan set pemikiran seseorang remaja itu. Maka di sinilah akan kita ambil fikir dalam kita membina satu kurikulum bagi khidmat masyarakat dan sesi kaunseling yang kita harapkan supaya ia benar-benar mendatangkan kesan. Selain daripada itu, saya rasa latihan-latihan yang bersifat pengukuhan kepada sahsiah dan juga kawalan diri itu perlu diadakan sebagai satu lagi aspek yang perlu ada dalam kurikulum ini. Demikian juga aspek-aspek kelarasan tingkah laku yang dapat diterima oleh masyarakat dan khalayak umum itu. Satu lagi perkara yang ingin saya tekankan, dalam saya membicarakan aspek kurikulum khidmat masyarakat dan juga kaunseling ini adalah dari segi latihan-latihan bersifat vokasional dan teknikal. Saya kira lebih baik aspek ini diberikan kepada mereka.

Ada *hands on activity* dengan izin. Ada kegiatan-kegiatan yang melibatkan secara fizikal mereka, mereka melakukan, melaksanakannya. Tidak pula mereka itu berbuat sendiri, tetapi ada orang profesional pula yang mengawal selia kerja-kerja mereka ini dan saya kira ini adalah merupakan perkara yang perlu didedahkan kepada mereka, selain daripada itu adalah tentang cabaran-cabaran dalam kehidupan sekitar mereka itu harus diberi kepada mereka, iaitu pelbagai dugaan dalam hidup semasa pelbagai cabaran dalam kegawatan hidup sekarang ini. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang tidak ada dalam diri remaja-remaja kita, terutama sama ada yang mereka sekarang ini dalam tahanan polis ataupun di pusat serenti ataupun di mana sahaja, apabila mereka disabitkan dengan kes-kes jenayah.

Satu perkara yang saya hendak sentuhkan juga di sini ialah dalam konteks kita membicarakan akta ini, saya kira kita perlu juga harus melihat senario setempat, senario semasa kita iaitu kita harus bersifat proaktif, jauh pandang ke hadapan memastikan perlakuan dan kes-kes jenayah dalam masyarakat yang semakin meningkat itu kita dapat kawalkan. Dalam konteks ini kita hendaklah memastikan kualiti hidup dalam masyarakat kita senantiasa di kawal untuk kita mengawal pula insiden ataupun berlakunya jenayah dan dalam konteks ini juga saya ingin tarik perhatian, beberapa kajian telah dibuat oleh pihak universiti yang menunjukkan kepada kita bahawa jenayah indeks di Malaysia ini semakin hari semakin meningkat.

Maka dalam konteks ini juga dalam semangat untuk kita melaksanakan akta ini, saya kira faktor-faktor yang membawa kepada peningkatan jenayah terutamanya, jenayah remaja, ragut, lumba motosikal haram dan serba macam lagi ini perlu kita lihat dan perlu juga kita beri perhatian. So, dalam konteks ini faktor-faktor yang boleh membawa kepada beberapa masalah ini adalah antaranya ialah faktor-faktor yang berpunca daripada kemiskinan yang boleh membawa kepada kes-kes jenayah ini.

Maka saya rasa amat kagum bila ada tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh pelbagai pihak, misal kata ada tempat, penginapan yang baik kepada keluarga, ada tempat perlindungan rumah, silakan, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya melihat Yang Berhormat asyik menyebut perkataan remaja kini, remaja sekarang yang ketahanan dirinya agak kurang, jati dirinya kurang di dalam konteks penglibatan di dalam jenayah-jenayah hari ini. Dan Yang Berhormat sebut pula tadi kemiskinan. Jadi apabila Yang Berhormat menyebut hari ini sebagai orang yang terlibat dengan remaja dan belia hari ini, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apakah bezanya remaja hari ini, dan remaja dahulu? Kalau angka jenayah hari ini meningkat dan sudah pasti meningkat bermakna hari ini lebih tinggi daripada dahulu. Jadi apa proses yang telah dilalui oleh remaja dahulu yang mempunyai kekuatan emosinya, kekuatan spiritualnya, apa Yang Berhormat sebut sebentar tadi. Adakah kita telah melupakan sesuatu sehingga remaja hari ini tidak di dalam kawalan kita, boleh Yang Berhormat jelaskan kepada saya perbezaan dahulu dan kini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ialah kalau hendak tengok dari segi perbezaan itu memang perbezaan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang miskin itu pun saya hendak...berminat juga, dulu angka miskin tinggi, sekarang bagaimana dengan angka kemiskinan, dan kita pula menyatakan kemiskinan telah berkurangan. So, bagaimana, apa korilasinya antara kemiskinan dan peningkatan jenayah, dahulu dan kini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Suasana sosial kita sudah berbeza, zaman kita sudah berbeza, daripada zaman pertanian kita bergerak kepada zaman industri,

zaman ICT sekarang ini, begitu rencam sekali perubahan yang sedang berlaku dalam masyarakat kita, kadang-kadang ibu bapa yang bekerja, kedua-duanya tidak ada ruang masa untuk melayani kerendah anak-anak, ditinggalkan untuk dijaga oleh orang-orang asuhannya sahaja. Jadi ini kadang-kadang membawa kepada kelompangan perkembangan psikologi dan jiwa si anak itu. *High-tech*, terlalu sangat kepada *high- technology* ini, kadang-kadang kita terlupa tentang *high-touch*, yakni menyentuh hati dan nurani anak-anak kita.

Saya kira ini adalah satu dimensi sosial yang boleh membawa padah kepada kita. Teknologi yang terlalu tinggi, *high-tech*, teknologi tinggi, kerencaman teknologi masa sekarang, sains dan teknologi, cabaran globalisasi, cabaran liberalisasi dan bermacam lagi itu dan segala kerendah-kerendah semasa sekarang ini, yang menyebabkan satu kelompangan berlaku dalam diri anak remaja kita itu.

Dari segi *high-touch* nya itu, iaitu menyentuh hati dan nurani anak-anak kita ini, kadang-kadang timbul. Dan hasil daripada kelompangan inilah saya rasa, berlaku kekosongan inilah yang membawa kepada banyak masalah-masalah. Dan ini saya kira adalah merupakan satu fenomena dunia sekarang ini. Dan oleh yang demikian kita sebagai ibu-bapa penjaga kepada pewaris anak-anak kita saya kira, dan kita sebagai pendidik juga harus melihat tentang suasana semasa untuk memastikan kekosongan jiwa, kekosongan hati nurani anak-anak kita tidak berlaku. Lebih-lebih lagi sekarang kita lihat kedatangan orang-orang daripada seberang, orang-orang pendatang asing ke tempat kita ini, menambahkan lagi senario berkecamuknya keadaan kemasyarakatan kita.

Demikian juga dengan unsur-unsur media yang begitu meluas daripada serata dunia, "*Information Super Highway*" kononnya zaman ini, yang menyebabkan pelbagai macam saluran telekomunikasi singgah ke tempat kita. Kadang-kadang terlalu asing kepada kita, yang membawakan kita ini kehilangan jati diri kita, dan inilah perkara-perkara yang harus kita ambil kira dalam konteks kita membicarakan peningkatan jenayah dan juga dalam semangat kita hendak melakukan satu pindaan kepada akta yang sedang kita bicarakan ini.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, saya tertarik tadi, saya tertarik. Dan kalaulah undang-undang ini lulus, apakah ia melibatkan *manpower* bertambah, yang kedua apakah peruntukan bertambah, itu saya hendak tanya. Sebab mendidik, saya dengar tadi lebih aula daripada mengongkong, kalaulah masyarakat tidak faham undang-undang, perlukah tidak kita *road show* untuk memberi penjelasan tadi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: saya kira pihak kementerian yang terlibat dalam pindaan Rang Undang-undang juga harus memikirkan dari segi implikasi kewangannya, yakni dari segi persiapan, persediaan kita untuk memastikan semua pihak faham dalam masa yang sama juga hendak memastikan...sebenarnya semangat membuat Rang Undang-undang ini adalah kita hendak mengurangkan kes-kes jenayah. Maka dalam masa yang sama juga

penyertaan daripada pelbagai agensi kerajaan dan masyarakat untuk benar-benar memahami semangat daripada pindaan Rang Undang-undang ini sebenarnya telah difikirkan.

Dan saya kira juga ia akan melibatkan kos-kos tertentu yang pastinya, bilangan tenaga kerja, bilangan profesional untuk menguruskan sesi kaunseling, runding cara dan juga khidmat masyarakat itu sudah pasti ada dalam itu. Sebab apa yang saya fahami sekarang ini tenaga-tenaga profesional seperti mana yang saya sebut itu, di bahagian penjara kita misalnya, amat berkurangan.

Demikian juga dalam sektor-sektor lain, misal kata di pusat serenti kita. Begitu juga di Simpang Renggam yang disebut beberapa Yang Berhormat kita itu. Saya ingat, tenaga-tenaga profesional serupa ini tidak ada. Maka dalam konteks ini, saya kira implikasi kewangan dan kita sebagai masyarakat yang memainkan peranan untuk mendidik tenaga muda kita ini juga harus sedar tentang satu tanggungjawab yang besar dalam usaha kita untuk memupuk rasa berakhlak, berbudi pekerti yang mulia dalam diri setiap seorang anak-anak kita. Saya kira perkara ini perlu kita memberi perhatian yang serius.

Tentang soal kemiskinan yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, mahu tidak mahu dia mungkin menjadi satu angkubah kepada masalah sosial di kalangan remaja ini. Sebab masalah ini juga sebenarnya berkaitan, daripada satu faktor dengan faktor yang lain. Anak-anak yang terlalu terhimpit dalam kemiskinannya barangkali akan gagal dalam persekolahan mereka, kegagalan dalam sekolah mereka pula akan menyebabkan mereka itu terpinggir dan mereka itu rasa terasing dan terasingan mereka itu juga barangkali hendak dilepaskan geram dendam mereka itu kepada kelompok-kelompok yang lain. Perbezaan di antara "*they have a lot, they have a less*", yang memiliki himpunan harta kekayaan yang begitu besar, banyak berbanding dengan yang terlalu miskin. Ini juga akan membawa kepada isu-isu yang boleh mengakibatkan kes-kes jenayah dan kes-kes keganasan itu. Maka saya lihat dalam konteks itu tadi, jawapan saya kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Selain daripada itu juga, isu-isu berhubung dengan pengangguran semasa kita ini, saya kira juga harus ditangani dengan sebaik mungkin, sebab ini juga boleh merupakan lagi satu angkubah yang boleh menimbulkan kekecewaan, *frustration*, *aggression* teori itu tidak dapat kita nafikan. Frustrasi kekecewaan kepada diri anak-anak muda itu yang menyebabkan mereka menunjukkan tindak olah dan tingkah laku yang agak agresif.

Saya juga ingin menyentuh tentang perkara yang terakhir sekali tentang isu-isu pendatang asing kita. Dalam pindaan Rang Undang-undang ini ada disebut tentang kes-kes ragut ini. Mungkin tidak ada satu kajian yang mendalam siapakah yang melakukan, kumpulan manakah, masyarakat yang macam manakah yang terlibat dalam kes-kes ragut. Tetapi dengan lambakan pendatang asing yang datang ke tempat kita ini, ini boleh merumitkan lagi suasana dan keadaan yang boleh mendekatkan dengan berlakunya kes-kes jenayah di tempat kita ini. Oleh yang demikian operasi "Ops Jenayah Bersepadu" yang dilancarkan oleh pelbagai agensi, isu,

usaha-usaha untuk kita memastikan sifar pendatang tanpa izin parti ini benar-benar dilaksanakan dalam usaha kita untuk kita berdepan dengan masalah-masalah ini. Dan satu perkara juga yang hendak saya sebutkan di sini adalah kerja-kerja pembanterasannya jenayah yang dilakukan oleh PDRM.

Saya kira dalam konteks dan semangat kita meminda akta ini juga, aspek kebajikan pegawai-pegawai dan juga warga kerja bawahan khususnya di kalangan PDRM ini hendaklah sentiasa diberi keprihatinan oleh pihak kerajaan. Sebab dengan keadaan mereka yang lebih sempurna, kehidupan mereka yang lebih sejahtera, keadaan mereka yang lebih baik itu, saya kira perkhidmatan mereka dalam mereka mengawal masalah-masalah remaja dan masalah-masalah jenayah itu akan lebih baik, lebih-lebih lagi dari segi nisbah. Nisbah tenaga polis dengan populasi itu juga harus diambil kira dengan serius supaya nisbah yang baik ini akan membawa kepada keberkesanan operasi dan tindakan mereka. Demikian juga sekarang ini kita lihat bahawa Kementerian Pelajaran dalam *statement* yang dibuat dalam akhbar baru ini menunjukkan bahawa mereka juga sedang berusaha untuk memastikan nisbah guru dan murid itu hendak diperbaiki dan memberi keuntungan kepada guru-guru kita dalam usaha untuk meningkatkan mutu asuhan dan didikan kepada anak-anak.

Demikian juga saya lihat dari segi nisbah polis dan juga populasi ini juga perlu diambil perhatian yang serius agar apa nama masalah-masalah yang berbangkit dengan jenayah di negara kita dalam konteks kita meminda Kanun Tatacara Jenayah ini dapat dilaksanakan secara bersepadu bukan hanya dilihat dalam bentuk yang serpihan sahaja tetapi dilihat dalam konteks yang *integrated*, dalam konteks yang bersepadu dalam kita mendepani isu pindaan Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Padang Serai.

5.33 ptg.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah menjalankan kerja dengan begitu elok sekali hingga kita lihat daripada perbahasan pada kali ini kita lihat ada persetujuan di antara pihak pembangkang dengan pihak BN, jadi ini maksudnya kita mungkin perlukan lebih lagi Jawatankuasa Pilihan Khas pada masa-masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat daripada cadangan-cadangan yang diberikan, memang kebanyakan kita sokong dan setuju tetapi ada beberapa seksyen yang kita perlu memantapkan lagi.

Kita lihat rogol ini satu perbuatan yang serius di negara kita ini daripada angka yang saya dapat daripada *Malaysia Police Statistic* ini, kita lihat dari tahun 2000 terdapat sebanyak 1210 kes, yang itu maksudnya 3.31 kes dalam sehari. 2001 kes sebanyak 1394 iaitu 3.7 satu hari. Dan

2002 sebanyak 1431, 3.92 kes satu hari. 2003 1479 iaitu 4.05 dan ini merupakan angka-angka yang dilaporkan. Dan difahamkan bahawa daripada kes yang dilaporkan adalah satu daripada 10. Jadi kita boleh fikir betapa seriusnya keadaan rogol ini dan semakin meningkat di negara kita. Jadi kita kena pastikan bahawa undang-undang yang kita cadangkan itu menunjukkan keseriusan kita dan juga masalah yang begitu serius yang dialami di negara kita.

Satu seksyen yang ingin saya ingin saya sentuh di sini ialah seksyen 376 di mana kita lihat dalam pindaan yang baru ini, hukuman minimum bagi pesalah yang merogol ini, hukuman minimum lima tahun ini telah tidak dikekalkan. Ini adalah satu perkara yang saya rasa perlu diambil berat dan meninjau kembali kerana kita lihat bahawa terdapat kes-kes yang pada masa dulu di mana pesalah ini dilepaskan hukuman seringan satu bulan berapa hari dan sebagainya.

Jadi kita tidak ingin mengadakan perkara yang sama berlaku, walaupun penjelasan yang diberikan adalah untuk melindungi remaja-remaja yang mungkin melakukan suka sama suka. Jadi... menteri sudah masuk. Kita berharap bahawa kita boleh mengadakan satu *clause* yang khusus untuk remaja ini. Kita boleh mengecualikan *clause* ini untuk remaja. Jadi supaya pesalah-pesalah yang bukan remaja tidak akan lepas daripada hukuman yang mungkin berlakunya pada masa hadapan. Ini adalah untuk memastikan keadilan akan berlaku pada masa yang tertentu. Jadi kalau boleh kita dapat memasukkan *clause* ini ia akan lagi memantapkan dan kita boleh melindungi remaja yang suka sama suka dan selain daripada itu kita memastikan yang betul-betul melakukan kesalahan ini mendapat hukuman yang setimpalnya

Yang kedua, berkenaan dengan hukuman. Kita lihat bahawa hukuman yang disebutkan ini sudah meningkat tetapi untuk kes-kes di mana mangsanya ialah daripada kalangan kanak-kanak, ataupun orang tua yang mengandung, yang cacat akal, yang kurang upaya yang ini kita kena lihat dalam satu golongan yang berlainan sebab perbuatan yang sedemikian ke atas golongan yang lemah ini merupakan perbuatan yang tidak kemanusiaan dan saya rasa satu hukuman yang lebih berat perlu diadakan. Saya nak cadangkan supaya golongan ini, kategori ini diadakan penjara seumur hidup dan sebatan dikenakan.

Berkenaan dengan seksyen 375 seperti yang saya katakan tadi kita memang gembira bahawa negara kita telah menuju kepada arah yang lebih sesuai dan bersesuaian dengan keadaan dunia yang sebenarnya. Dan kita lihat bahawa undang-undang juga perlu mengikut keadaan supaya ia menggambarkan satu situasi yang lebih praktikal dan kita lihat bahawa seksyen 375 ini, kita mengharapkan bahawa *marital rape* ini boleh dimasukkan iaitu kesalahan suami merogol isteri.

Walaupun ada banyak keraguan berkenaan dengan keadaan ini ataupun *clause* ini, kita kena pandang kepada *practicality*. Kita lihat daripada angka-angka ataupun laporan yang kita terima daripada apa persatuan-persatuan NGO, persatuan-persatuan melibatkan perkara-perkara yang melibatkan wanita ataupun kes-kes yang sedemikian seperti JAG dan sebagainya. Mereka telah memberi satu laporan yang begitu lengkap dan kita lihat bahawa banyak perkara

yang sedemikian memang berlaku. Dan kita mesti memastikan bahawa masalah ni dapat diatasi. *We have to arrest the problem.* Kalau tidak dia akan menjadi masalah kepada keluarga itu dan ini akan menyebabkan masalah kepada masyarakat. Kita juga menuju ke arah kesaksamaan keadilan. Jadi saya rasa perkara ini tidak ada bersangkutan paut dengan apa-apa perkara, mungkin kalau yang merasai bahawa dia tidak lagi sesuai kerana perkara yang tertentu mungkin tidak begitu arif dengan keadaannya. Jadi saya rasa perlu sampailah masanya kerajaan betul-betul memandang serius untuk menangani masalah *marital rape* ini.

Dan kita berharap kalau kali ini tidak dapat dimasukkan dalam pindaan yang kali ini, pada pindaan yang akan datang kita minta kerajaan melihat dengan seriusnya supaya perkara ini dapat diatasi dan memberi gambaran bahawa sebagai sebuah negara yang ingin menuju menjadi sebuah negara yang maju, semua undang-undang yang terdapat ini mesti *standard* atau tahap sebagai sebuah negara yang maju. Walhal kita lihat di beberapa negara yang tidak begitu maju yang sedang membangun sudah membuat pindaan kepada perkara ini. Saya sekali lagi merayu supaya perkara ini ditimbang semula pada masa yang akan datang. Satu perkara lagi yang saya nak sentuh berkenaan seksyen 390. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kita lihat bahawa masalah ragut sudah menjadi masalah yang begitu serius di negara kita. Berapa mangsa telah korban kerana perbuatan-perbuatan yang tidak berperikemanusiaan ini.

Kita lihat daripada pindaan yang telah dilakukan, "ragut" ini kita hendak pinda sebagai "rompak". Saya rasa kena tambah lagi supaya sebatan dikenakan dan untuk mangsa-mangsa yang meninggal kerana kegiatan ragut ini, sepatunya diklasifikasikan atau dimasukkan sebagai *murder* ataupun bunuh. Ini akan menunjukkan bahawa hukuman boleh dijalankan dengan jenayah setimpal yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak perkara yang telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan berkenaan dengan masalah-masalah yang telah disebutkan dan saya tidak ingin lagi untuk mengulangi apa yang telah disebutkan dan di sini sahaja yang saya ingin mencadangkan. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Mas.

5.40 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *Assalamualaikum wraahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi keizinan pada petang ini sama-sama meneruskan ucapan bagi berbincang berkenaan dengan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Tatacara Jenayah di negara kita.

Telah banyak kita mendengar ucapan-ucapan yang telah disarankan oleh Menteri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekejap tadi daripada kelmarin hingga ke hari ini dan saya merujuk kepada ucapan Timbalan Perdana Menteri di waktu Yang Amat Berhormat merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran baru-baru ini di mana beliau mengatakan bahawa umat Islam perlu

kembali kepada Al-Quran nul-Qarim, perlu kembali kepada ajaran yang sebenarnya supaya mereka tidak tersasul jauh dan sekali gus mereka mendapat panduan yang sebenar daripada Tuan bumi dan Tuan langit iaitu Allah SWT.

Saya cuba petik, sebelum saya bincang mengenai rang undang-undang ini, saya cuba petik apa yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapan beliau baru-baru ini. Di mana beliau menyebut bahawa, begitulah juga segala puji bagi Allah SWT dalam majlis tilawah Al-Quran ini dan beliau menyatakan bahawa, persoalannya di sini adalah, adakah kita benar-benar menepati ciri-ciri negara Islam contohnya, ini penting. Dalam rang undang-undang yang kita bincangkan ini adalah kita sepadukan dengan ucapan Yang amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ucapan Perdana Menteri sebelum pada ini dalam setiap musabaqah Al-Quran.

Saya tertarik dengan ucapan-ucapan ini kerana itulah saya sengaja ambil kuota ucapan ini untuk saya bentangkan pada petang ini. Ucapan ini adalah ucapan yang paling baik dan ucapan yang menjadi dasar negara kerana setiap ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah ucapan negara. Lainkanlah ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat, ucapan daripada kita yang berada di dalam Dewan ini tidak menjadi dasar negara tetapi apabila ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka ia sudah tentu menjadi ucapan negara dan menjadi dasar kepada negara.

Beliau menyebut supaya, "*Ciri-ciri negara Islam yang layak diteladani oleh negara-negara Islam yang lain, kita tidak boleh hanya berbangga dengan pencapaian yang ada. Sebaliknya kita perlu membaiki sebarang kelemahan di samping memantapkan usaha untuk lebih berjaya. Ini benar kerana jika kita meneliti sejarah kegemilangan tamadun Islam yang terdahulu*" Disebut tamadun Islam, tidak disebut Islam *hadhari* di sini. Dia sebut tamadun Islam.

Jadi samalah dengan PAS dengan kami, ya tidak? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tamadun Islam yang terdahulu. "Kita dapati bahawa asas kepada kejayaan umat Islam yang terdahulu adalah beristiqamah tetap di dalam berpegang kepada ajaran Al-Quran" Ini satu pandangan yang terlalu baik dan ia mesti mendapat sokongan daripada semua pihak. Mereka menjadikan Al-Quran sebagai *dustur hayah* lagi hebat lagi, menjadikan Al-Quran sebagai *dustur'hayatin*. Bahasa Arab diguna oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, *dustur'hayah*- undang-undang kehidupan ini. Undang-undang untuk menjadi dasar hidup kita. Perlembagaan hidup dan teras pembinaan masyarakat Muslim yang cemerlang. Jelasnya, keakraban Al-Quran dengan umat Islam adalah bagai isi dan kuku. Kehadiran Al-Quran dalam diri setiap umat Islam adalah bagai obor bercahaya dan di malam hari dan keindahan sinar matahari di siang hari. Inilah resipi kejayaan sebenarnya yang perlu kita guna pakai seandainya dan sekiranya kita ingin kekal berjaya.

Oleh yang demikianlah berdasarkan kepada ucapan yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Perdana Menteri tadi, saya cuba *quote* ucapan itu dengan ucapan yang telah disampaikan oleh Ibnul Qoyyim di dalam bukunya "*Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rabbil 'Alamin*". Saya sebut dalam bahasa Arab Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya terjemahkan secara solo dalam Bahasa Melayu..... *[Disampuk]* Dengan izin, dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh boleh membantu.

Ucapannya iaitu... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Ini menyebut bahawa kembali kepada Al-Quran, jangan kepada yang lain. Ini mesti mengambil roh, semangat yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, di mana ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini tadi kalau kita kaitkan dengan ucapan ribuan tahun yang disebut oleh Ibnu Qoyyim dalam kitab "*Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rabbil 'Alamin*", tadi menyebut bahawa secara syariah itu merupakan keadilan Allah SWT di antara atau di kalangan hambanya.

Allah SWT menurunkan syariah ini untuk menentukan bahawa keadilan sejagat. Ya keadilan ini tidak membezakan di antara ras, di antara kaum, di antara bangsa-bangsa manusia tetapi apabila dilaksanakan keadilan ini rasa dikecap oleh semua pihak. Tidak kira Melayu, tidak kira India tanpa mengira warna kulit dan sebagainya kerana keadilan yang datang daripada pencipta bumi dan langit ini. Dia sebagai Tuhan dan dia sebagai tuannya dengan tidak mempunyai apa-apa kepentingan dan dia merupakan rahmat kepada seluruh makhluknya, rahmat kepada manusia dan rahmat kepada bukan manusia dan juga ia merupakan bayangan di atas muka bumi ini dan ia juga merupakan hikmat yang menunjukkan ke atas kebenarannya dan ke atas kebenaran RasulNya yang merupakan sesempurna dalil dan sebenar-benarnya. Dia merupakan cahaya yang dapat dilihat oleh orang-orang yang mahu melihat.

Ha, hebat bahasa Ibnul Qayyim ini Tuan Yang di-Pertua, bahasa undang-undang dan bahasa sastera yang dapat dilihat oleh orang-orang yang mahu melihat dan merupakan hidayah yang mahu diambil oleh siapa sahaja yang mahu mengikuti hidayah ini. Kemudian syariah ini juga merupakan penyembuh yang sempurna, yang perlu mengubati setiap penyakit dan mampu mengubati setiap penyakit...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun] [Berjalan keluar Dewan sambil berhenti memerhatikan Yang Berhormat bagi Pasir Mas]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mya

as]: Saya kira Kepong perlu ada untuk mendapat maklumat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada, ada....nanti esok saya beri... *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, esok, esok panjang lagi ini. Ia merupakan ubat yang paling mujarab untuk setiap penyakit.

Tadi kita dengar tadi Yang Berhormat kita tadi menyebut bahawa tidak cukup jika rogol kepada orang-orang yang kurang berupaya, orang ini mesti dipenjarakan selama sepanjang hidupnya dan disebat, dan ada berbagai-bagai lagi cadangan. Apa salahnya kalau jawatankuasa

ini kembali sedikit kepada pandangan syarak. Saya rasa tidak menjadi halangan. Apa lagi menjadi usaha kerajaan untuk menjadikan Islam ini sebagai agama *dinul-hayah*, agama untuk manusia hidup dengannya. Apa lagi yang disebut sebagai macam-macam lagi yang ada, Islam *hadhari nya*, tidak *hadhari nya* dan berbagai-bagai lagi. Kita mahu kepada, sama-sama kita sepakat, keuntungan ini untuk rakyat kita bukan untuk PAS dan bukan UMNO dan bukan untuk sesiapa tetapi untuk rakyat yang hidup di negara kita, boleh merasai nikmat dan boleh merasai keadilan sejagat, sebagaimana Nabi SAW menyatakan bahawa ...*[Membaca sepotong Hadis Rasulullah]* Kemudian Allah SAW bersumpah dengan nama Allah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Wahai Muhammad, kalaulah kamu mencuri wahai Fatimah, Fatimah anak Muhammad sendiri mencuri, aku akan potong tangan dia... *[Disampuk]*

Tidak kiralah curi ayam, curi apa, asal cukup dia punya sukatan, Yang Berhormat. Dia tidak boleh kata curi ayam, kena, tidak, ada itu. Yang Berhormat faham ke tentang Islam ini? Kalau Yang Berhormat tidak faham, jangan sebut. Faham? Ha, itu bagus, tidak apa. Saya terbuka.

Jadi menunjukkan bahawa tidak kira, keadilan ini sejagat. Mesti dikenakan kepada sesiapa sahaja walaupun anak siapa, anak menteri ke, tidak menteri ke, kerana Sayidina Omar sendiri pernah merotan anaknya sendiri. Anak baginda sendiri dirotan kerana melakukan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh anaknya. Dia juga merupakan jalan yang lurus, yang betul kepada siapa-siapa yang berusaha untuk mendapat jalan ini dan dia juga merupakan perisai kepada seluruh manusia dan berupa paksi kepada kejayaan dunia dan di akhirat.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini bagaimana kalau kita kembalikan, ada ciri-ciri yang terbaik di dalam syariah ini. Saya hendak berkongsi pengalaman kerana saya melihat sebelum daripada ini bagaimana jawatankuasa ini sebenarnya saya tengok perbincangannya tidak menyeluruh. Jawatankuasa yang telah dilantik melalui kebenaran Parlimen ini, saya tengok perbincangan tidak menyeluruh, satu.

Yang kedua, ulama-ulama dan intelektual Islam tidak menjadi sasaran utama dalam perbincangan mereka. Saya baca dalam laporan setebal ini bahawa mereka pergi ke New Zealand, mereka pergi ke Australia, mereka pergi ke Britain, mereka pergi ke banyak tempat, sama ada lawatan kerja ataupun lawatan-lawatan lain. Tetapi saya tidak nampak mereka bertemu dengan sekumpulan intelektual-intelektual daripada UIA, daripada Universiti Malaya, daripada universiti-universiti kita. Ia merupakan di negara kita ini pun, Dato' Menteri bahawa tidak kurang dengan intelektual Islam yang berada di menara gading kita. Mengapa kita lupa dengan mereka?

Kita berbelanja juta ringgit, saya tidak kata ratus dengan tiga, empat negara dan dengan delegasi yang begitu ramai pergi ke negara-negara asing untuk mencari pendapat-pendapat ulama-ulama mereka. Biarlah saya istilah ulama-ulama mereka., ulama-ulama yang mengamalkan perundangan Barat. Kita terpaksa belanja wang negara yang begitu banyak

sedangkan di hadapan mata kita ini ada pelbagai profesion yang berada di negara kita, di menara gading kita. Kita belanja wang, belanja masa, belanja itu, belanja ini. Bukan tidak boleh tetapi depan kita mengapa kita tinggal mereka? Kerana itulah dalam Bahasa Arab menyebut satu syair sebagai seekor unta. Dia tidak mengatakan kepada kita unta, tidak. Dia contohkan sebagai seekor unta dengan Bahasa Malaysia, idea saya tidak datang lagi. Sebagai seekor unta yang sesat di padang pasir.

Dia dibunuh oleh kelaparan dan dibunuh oleh kehausan sedangkan air di atas belakangnya itu ada dan makanan juga ada. Dia tidak tahu bagaimana hendak mencari, hendak merungkaikan air dan makanan di atas belakang dia sehingga dia rebah, dia mati kehausan. Saya bimbang kita juga termasuk dalam golongan ini. Saya tidak menuduh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, saya hanya membawa satu bandingan contoh untuk kita mengambil...*[menyebut sepatah perkataan dalam bahasa Arab]*. Lupa saya, nanti sekejap lagi saya sebut. Jadi saya bimbang itu, kita tinggal orang-orang yang boleh membantu kita di negara kita terdiri daripada intelektual-intelektual kita.

Kerana itulah saya kira bahawa perlu sekali lagi, perlu kita melihat, kita mengajak mereka, kita berunding dengan mereka. Saya tanya tadi salah seorang daripada ahli jawatankuasa, Yang Berhormat bagi Seputeh, beliau memberitahu kepada saya, dia kata kita buka, kita minta mereka datang, apa itu ini. Saya kata tidak cukup dengan mereka datang kepada kita. Kita kena pergi kepada dia kerana kes ini kes besar, bukan main-main. Kes ragut kemudian kita masukkan dia dalam kategori kes rompak, bila kes ragut pergi ke kes rompak, kita kena tengok dalam perspektif Islam bagaimana. Kita hendak menolak Islam mentah-mentah tidak boleh.

Kerana itulah saya sebut barangkali kita kena ada undang-undang disebut dalam Bahasa Arabnya, *[Menyebut dalam Bahasa Arab]* dalam keadaan-keadaan tertentu bagi membolehkan umat Islam, mereka dikenakan mengikut tata cara Islam dan mereka yang bukan Islam diberi pilihan. Tidak menyalahi dalam konteks negara kita ini. Kita dok gambar-gembur bahawa negara kita negara Islam. Tilawatul Al-Quran ini dia punya markah bacaan Al-Quran itu saya rasa Yang Berhormat dengar malam kelmarin. Natijah Tilawah Al-Quran dari segi pemarkahan bacaannya sudah melampaui 90%.

Dari segi pembacaannya, hurufnya, madnya, ghunnahnya, sehingga Dato' Mustafa sebut pada malam itu, "Saya rasa orang Arab pun tidak boleh sebut macam itu." Dia sebut asohahnya, tajwidnya, lughahnya, itu ini, dia sebut semua. Maknanya dari segi bacaan..

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang Berhormat bagi Ketereh pun ada? Baru masuk itu, saya rasa duduk dulu, kemudian dengar.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sudah dengar.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sudah dengar? Boleh, boleh, tidak ada apa kerana saya dibagi masa panjang, besok lagi.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar di luar tadi Yang Berhormat mula bercakap dan menyebut bahawa betapa tidak adilnya komiti ini kerana tidak memberi ruang kepada ulama untuk bercakap tentang soal pindaan *Penal Code* ini. Tetapi kalau Yang Berhormat baca dalam laporan ini, semasa ia pergi ke Kelantan pada tahun 2005, ada dua organisasi yang hadir dan satu individu. Saya *expect*, Yang Berhormat, pada masa itu pemimpin-pemimpin PAS terutama Yang Berhormat atau ulama-ulama besar di Kelantan yang telah draf Undang-undang Hudud dan Undang-undang *Penal Code* ini akan datang untuk memberi input dan satu individu yang pergi itu ialah saya.

Saya pergi kerana saya merasa adalah tanggungjawab saya untuk memberi gambaran Islam mengenai *Penal Code* ini dan saya bercakap hampir satu jam dalam majlis itu dengan komiti ini, Yang Berhormat Menteri ada, ahli-ahli pun ada di sini. Saya *expect* Yang Berhormat juga turut ada tetapi Yang Berhormat tidak bagi sebab *Select Committee* ini, ia tidak boleh hendak panggil orang, kena datang dan bagi pandangan. Siapa-siapa yang hendak bagi pandangan, ianya terbuka.

Saya masih ingat lagi, saya hendak menjelaskan tanggungjawab fardu kifayah saya mesti bercakap dengan komiti ini tentang perundangan Islam yang harus kita ambil kira. Saya sebut banyak. Kalaulah diambil *verbatim report*, dalam itu ada ayat-ayat dan cerita yang saya sebutkan tanggungjawab kita sebagai orang Islam. Begitu juga dengan soal ragut tadi disebut kita mesti adil tetapi Yang Berhormat sendiri tidak adil, tidak datang. Ramai yang ada di situ, ADUN PAS, ulama-ulama yang ada jadi penonton, tidak bercakap dan sekarang Yang Berhormat datang Yang Berhormat menyatakan kesal kepada komiti. Saya rasa ini tidak adillah, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya tidak nafikan itu apa yang saya sebut sekejap tadi iaitu yang ada dekat dengan kita daripada intelektual-intelektual kita yang terdiri daripada pensyarah universiti, profesor-profesor dan pelbagai lagi kalangan yang dekat di Kuala Lumpur ini, tidak di Kelantan. Saya kira kalau dapat maklumat secukupnya daripada ulama-ulama setempat kita ini, setidaknya-tidaknya daripada Jawatankuasa Fatwa Malaysia. Saya tidak tahu ada ke tidak. Kalau saya boleh mendapat respons daripada Yang Berhormat Menteri terus pun tidak apa, saya hendak dengar apakah pertemuan ini dibuat kepada Jawatankuasa Fatwa kerana kita Jawatankuasa Fatwa.

Saya sebut dalam kes air dahulu, saya kata Jawatankuasa Fatwa mesti ada dalam Jawatankuasa Air Negara. Saya bimbang takut-takut air yang digubah, air yang tidak elok, air daripada air najis, air itu kemudian digubah, dielakkan kemudian dimasukkan dalam botol, kemudian dicop dengan begitu indah, kemudian dijual sedangkan air itu air kotor sebenarnya.

Kita bimbang takut berlaku begitu. Tidak ada berlaku tidak apa. Ini pentingnya Jawatankuasa Fatwa kerana negara kita ini negara Islam. Yang Berhormat juga yang sebut negara Islam. Perdana Menteri kita juga sebut negara Islam. Maka negara Islam, sebagaimana yang disebut dalam ucapan dalam musabqah al-Quran minggu lepas disebut oleh Timbalan Perdana Menteri, ciri-ciri negara Islam itu perkara penting. Kalau negara Islam tidak ada ciri tidak payah sebut negara Islam.

Saya pakai kereta Proton tetapi saya beritahu kepada orang saya pakai Mercedes. Saya tuliskan Mercedes, kereta saya. Tetapi kereta saya bukan Mercedes tapi Proton. Jadi bagaimana kereta Proton yang saya pakai tiba-tiba saya iklankan kepada orang saya pakai Mercedes. Kalau kita betul-betul pakai Mercedes, tidak iklan pun tidak apa orang tahu Mercedes.

Ciri-ciri ini perlu kita jaga kalau tidak *'nothing'*. Tidak ada. *"Mafishe"* Tidak ada. Kosong. Jadi kita bimbang ini. Bukan saya menolak. Saya tidak menolak. Pergi ke Kelantan, saya katakan tadi. Pergi ke negeri-negeri itu lawatan kerja. Tetapi oleh kerana barang ini terlalu sensitif, terlalu *"hassasiah"*, terlalu besar, dia merangkumi kepada bukan sahaja generasi kita undang-undang yang kita hendak buat ini. Kita berhadapan bukan di dunia sahaja, kita berhadapan di hadapan Allah Subhanahu Wataalla. Kita tidak mahu bahawa kita mengambil hak Allah Subhanahu Wataalla kita letakkan kepada kita. Kita tidak mahu kita termasuk dalam ayat *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]*. Saya tidak mahu kita termasuk dalam ayat yang disebutkan Allah *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tidak mahu benda ini.

Oleh kerana tidak mahunya kita inilah maka kita rujuk kepada banyak kalangan. Barangkali saya tidak pergi, tidak apa. Saya tidak berilmu. Tidak berilmu sebagaimana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sahabat, beri laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Dia ilmu banyak. Saya akui. Dia belajar di Timur Tengah. Itulah saya bercadang kalau boleh jadi Mursyidul Am - ganti. Tapi kerana bubar Dewan dululah. Saya hendak tanya sikit saja. Kena bubar Dewanlah. Bila-bila kita bagi dia menjadi menteri besar. Itu cadangan, jangan marah.

Jadi, saya hendak tanya. Dalam kita menggubal undang-undang ini sebenarnya ia bukan bertumpu kepada 100% dan tidak mengambil kira tentang syarak tadi sebab kita sudah panggil UIA. Kalau kita tengok di dalam ini *[Merujuk kepada risalah]* muka 51 dan 52, ada wakil UIA, ada wakil UM telah memberi pandangan dan juga *group lawyer - Islamic law* itu, sudah datang dengan kita beri pandangan.

Jadi adakah kita berfikir bahawa hudud, hukum kisas-khital, hukum takzir tidak boleh dipakai. Ini pandangan dulu. Saya hendak beri soalan sikit. Apabila takzir kita boleh buat. Kerajaan berhak mencetuskan idea, membuatkan undang-undang, tokok tambah dan kurangkan.

Tidak betul kita bincangkan balik. Itu dari segi takzir bukan hudud. Hudud tidak boleh *reverse*, mandatori.

Jadi sebab itulah bagi saya, saya akui bahawa apa yang ada dalam undang-undang itu perlu kita tengok balik, oleh kerana Yang Berhormat bagi Pasir Mas katakan tadi tidak betul dengan Al-Quran. Sebenarnya kita sudah berdasarkan kepada syarak, Al-Quran itu [*Membacakan sepotong ayat al-Quran*] itu kita letak kepada satu tempat - disandarkan kepada satu tempat tetapi bukan kepada kerajaan sebab Yang Berhormat sendiri sudah setuju Malaysia adalah sebuah negara Islam, menjalankan undang-undang syarak walaupun tidak 100% tetapi menjalankan takzir. Apa pandangan Yang Berhormat, bersetujukah takzir ini dibuat oleh kerajaan, kalau kendur kita terikkan, kalau rendah kita tinggikan. Hari ini kita bagi 5,000 rial, tiga tahun penjara dan enam kali sebatan, pejabat agama belum jalankan lagi. Apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Dalam hukum Islam ini, kita tidak boleh hendak melaksanakan dengan sewenang-wenangnya, kalau hendak kembali kepada Islam. Yang hukum hudud, hududlah, yang takzir, takzirlah. Tidak boleh yang hudud kita masukkan takzir. Ini kaedah dia. Yang takzir hendak jatuh hukum hudud tidak boleh. Itu kaedah dia. [*Membacakan sepotong ayat al-Quran*] Tidak boleh kita hendak takzirkan dia. Kalau kita takzirkan hukum ini, maka jadilah kita ini [*Membacakan sepotong ayat al-Quran*] tidak kira. Ini asas mesti kena faham. Asas ini mesti ada pada kita. Kita mesti faham. Dalam kita menggubal apa-apa undang-undang, asas jangan lari.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Oleh kerana itulah kita ada usul fikah. Kita mempunyai kaedah usul fikah, Yang Berhormat. Saya bawa kaedah ini supaya tidak...[*Sambil membuka beg dan mengeluarkan sesuatu*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bawa apa, Yang Berhormat? Beg apa?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Beg. Mesti beg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukukah?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Buku. Kitab. Saya tidak bercakap biasa. Saya bawa - ada hujah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam *lawyer*, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Mesti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam *lawyer* di mahkamah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan *lawyer*lah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kita bincang di sini. Kita bincang dalam kaedah-kaedahnyanya. Apa yang saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bahawa kita mesti ada kaedah. Baik orang Islam ataupun bukan orang Islam semuanya mempunyai kaedah. Tidak boleh tidak ada kaedah. Pakai motokar pun ada kaedah. Cuba pakai motokar tidak ada kaedah kita melanggar! Kita langgar, kita jatuh parit, kita terjun itu, kita terjun ini. Kerana apa itu? Kerana tidak pakai kaedah. Ada kaedah tetapi tidak guna kaedah.

Oleh yang demikian, kalau kita hendak bercakap masalah Islam, kita mesti gunakan kaedah Islam. Lainlah kalau awal-awal lagi Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa negara kita negara sekularisme sebagaimana yang selalu disebut oleh Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Kalau kita hendak kembali kepada negara Islam sebagaimana ciri dan sifat negara Islam sebagaimana yang dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri kita, maka hendaklah kita memasukkan sedikit demi sedikit sehingga sampai kepada satu tahap yang kita boleh isytiharkan negara ini negara Islam. Kalau tidak kita tidak boleh isytihar lagi ia sebagai negara Islam.

Kaedah usul fikah ini, kita kena ada kaedah ini. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Ini mesti ada. Baik pada penggubal undang-undang ataupun kepada kita yang berada dalam Dewan, khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di kalangan kita orang Islam ini. Jangan hanya semberono sahaja. Saya bimbang takut-takut termasuk - saya tidak menuduh. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, saya tidak menuduh bahawa tuan itu, Yang Berhormat tidak. Tapi saya bimbang, takut dalam keadaan kita mahu sangat kepada kebaikan tetapi kita lupa kepada asas agama kita.

Ini yang kita bimbang "*fasludi anidaullah*". Pisahkan agama daripada skuad pemerintahan. Barangkali ada dalam kertas saya ini tetapi saya tidak sempat ke situ lagi. Cuma saya sebutkan tadi bahawa kalau dijemput ataupun dalam Panel Jawatankuasa yang ditubuhkan tadi, setidak-tidaknya ada kalangan-kalangan yang mempunyai "*makanah aliah*" ataupun kedudukan status yang kita boleh masukkan bersama dengan dia, setidak-tidaknya menjadi jawatankuasa iaitu yang tidak dilantik tetapi yang dijemput dalam jawatankuasa untuk memberi nasihat sehingga kita tidak nampak sangat.

Saya tertarik dengan seorang Yang Berhormat tadi. Saya tidak ingat. Dia mengatakan bahawa jangan masuklah rogol isteri. Jangan termasuk dalam akta rogol isteri. Macam mana rogol isteri boleh berlaku? Rogol isteri. Isteri kita yang kita akad sah kahwin itu ini, kita rogol dia. Perkataan-perkataan ini yang menjadikan ketawa - gelak ketawa dunia. Dunia akan ketawa bila dia baca. Nampak sangat kita - dalam bahasa Kelantan "*wak yik*" kepada orang putih. Orang lain tidak tahu "*wak yik*" ini. Kena tanya Yang Berhormat kitalah.

Nampak sangat ikut kepada Inggeris. Bila Inggeris buat itu, kita ikut itu. Inggeris buat itu kita ikut itu. Kita dok ikut dia kerana itulah kita pergi ke New Zealand, pergi ke Australia, pergi ke

London pergi apa, untuk mencari benda-benda yang sama dengan dia tetapi tidak sama dengan negara kita sendiri isytihar. Kalau negara kita sendiri isytihar, maka kita cuba samakan dengan negara kita isytihar dan hendak membolehkan itu maka kita jemput salah seorang daripada mufti, tidak kira mufti wilayah atau mana, sebagai salah seorang daripadanya. Setidak-tidaknya *fellow* dalam jawatankuasa itu. Kalau tidak *fellow* dalam jawatankuasa itu pun, penasihat dalam jawatankuasa itu. Banyak lagi yang kita boleh.

Itu yang saya pertikaikan pada hari ini. Saya nampak semacam ada kecelaruan yang perlu kita perbetulkan ini supaya tidak timbul rogol isteri. Anak-anak kita bila dia baca, dia kata macam mana ayah. Bila kita kahwin dengan isteri kita, kita rogol isteri kita? Apakah kita tidak baca kitab-kitab fikah? Apakah kita tidak tengok kitab-kitab As-Shafie, Kitab Imam Abi Hanifah, Kitab Abi Yusuf, Kitab Imam Malek, Kitab Imam Ahmad bin Hambal, Kitab Sayuthi, kitab itu, kitab ini, sedangkan itu merupakan perundangan Islam yang mesti kita rujuk kepada pakar-pakarnya. Di dalam Quran semua ada, ada satu cerita Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjangkah cerita itu?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Cerita mesti panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau panjang janganlah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sikit, sikit.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Lain kalilah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sikit, sikit. Pendek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendek boleh.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pendek. Jadi, bila seorang tuan guru mengajar dia kata tanyalah, dalam *Al-Quran* ini ada semua. Dalam *Al-Quran* ini ada semua, dicatat dalam Quran, disebut dalam Quran. Bangun seorang anak muridnya, dia kata, "*Roti canai adakah, Tok Guru? Roti canai adakah dalam Al-Quran?*" Dia kata, "*Ada.*"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Roti ada berkaitan dengan undang-undang ini?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ada, ada. Jadi, dia pergilah esoknya. Rupa-rupanya tidak ada. Malam esok, malam lusa, dua malam kemudian, Tok Guru itu bawa yang masak roti canai. Buat roti canai, makan roti canai malam itu. Tanya lagi mana roti canai dalam *Al-Quran*. Dia kata, [*Membaca ayat Al-Quran*] Setelah kamu tanya orang yang mengerti sekiranya kamu tidak mengetahui. Itulah kebenaran *Al-Quran*. Tanyalah pakar-pakarnya. Sekarang ini kita perlu tanya pakarnya. Saya tidak minta supaya saya dilantik, PAS dilantik dalam jawatankuasa itu, saya tidak minta. Ini bebanan dan berdosa di sisi Allah S.W.T. Kalau saya diminta pun saya tidak mahu.

Ini kerana saya telah menarik....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat cuba jelaskan, sekiranya seseorang suami semasa melakukan hubungannya mencederakan wanita itu ataupun isterinya ataupun menyebabkan kematian wanita, apakah dalam istilah Yang Berhormat perbuatan ini dipanggil ataupun apakah tindakan akan diambil oleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bijak Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih. Yang Berhormat bagi Kepong ini saya tahu dia baca...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Takdir Allah!

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...kitab-kitab Islam. Ilmu pengetahuannya cukup tinggi.

Seorang Ahli: Tetapi dia tidak masuk Islam.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tidak apa, tidak apa. Sementara ini baca dulu. Islam ini tidak paksa, kita tidak paksa masuk Islam, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita dakwah, kita beritahu apakah hukumnya seseorang suami yang mencederakan isterinya melalui persetujuan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Takdir Tuhan!

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Dalam Islam ini, Yang Berhormat bagi Kepong bila seseorang itu sudah akad dan nikah sudah diterima, 'Qabul'. Qabul ini makna sudah dia menerima. Bila tuan imam sebut, "Saya nikahkan dan saya kahwinkan kamu si polan-si polan dengan akan si polan-si polan dengan mas kahwinnya sebanyak RM5,000". "maka saya terimalah akan nikahnya dengan isi kahwinnya sebanyak RM5,000." Itu bermakna sah, dia sudah menerima. Kemudian dia melakukan persetujuan.

Dia mencederakan isterinya. Selepas daripada dia menerima ataupun Qabul, terima nikahnya tadi ada satu lagi peraturan yang dikenakan ataupun peraturan yang diwujudkan iaitu dipanggil sebagai taklik nikah. Tidak ada dalam agama lain. Taklik nikah diajar oleh tuan imam, sekiranya diberi pengakuan. Dibaca dan diberi pengakuan di hadapan imam yang melakukan perkahwinan sekejap tadi. Sekiranya saya meninggalkan isteri saya, kata kawan ini, selama empat bulan lebih ataupun saya mencederakan isteri saya.... *[Telefon bimbit berbunyi]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panggilan telefon. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Dan sekiranya isteri tadi mengakad kepada Mahkamah Kadi sebanyak RM1, maka terjatuhlah satu talak dengan sabit kesalahannya, maka jatuhlah satu talak dengan talak Khul'i. Ini besar daripada RM500. RM600, RM1,000. Ertinya dia sudah bercerai dan perceraian itu tidak boleh kembali, tidak boleh rujuk dalam edahnya.

Melainkan hendaklah tamat edahnya tiga bulan sepuluh hari, maka bolehlah dia kembali semula dengan kahwin yang kedua. Ini sebagai kesan daripada apa yang dilakukan tadi.

Dia mencederakan. Tidak kiralah cedera sama ada melalui, lebih umum. Itu hebatnya Islam ini. Bukan setakat rogol sahaja. Bukan setakat melalui persetujuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, faham, ya.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Takut lupa, Pasir Puteh hendak mencelah sedikit. Beri laluan, ya bang. Adik! Takut lupa.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sekejap, sekejap. Hendak selesai. Jadi, apa yang hendak cerita bahawa peraturan Islam ini diberi kepada pihak hakim. Islam memberi kepada pihak hakim dalam apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi, Takzir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang jawapan ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kena selesaikan kalau tidak nanti serabut. Yang Berhormat bagi Kepong balik serabut, dia cari saya malam ini, susah dia. Jadi, dalam keadaan begini Islam meletakkan suatu peraturan yang begitu kemas, sama ada dia cedera dalam hubungan kelaminnya ataupun dia cedera di luar kelamin. Tadi kita bincang cedera dalam masa dia berkelamin sahaja, tidak konkrit. Tidak diambil [*Telefon bimbit berbunyi*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak dengarkah? Kalau hendak dengar boleh berhentikan ucapan.

Seorang Ahli: Bagi laluanlah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bagi laluan sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, sebenarnya undang-undang ada dua, *civil law*, syariah *law*. Jadi, kita kalau dalam masyarakat majmuk di Malaysia ini, kita buat *civil law*. Kalau orang yang bukan Islam dia adalah masyarakat majmuk dia tidak ada taklik, kita ada taklik bagi orang Islam, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau saya tinggalkan isteri saya empat bulan, dengan tiada nafkah ataupun tiada wakil kepada orang lain menyampaikan nafkah atau kita cederakan dia, maka mengadu dia kepada hakim syariah, kita faham itu. Diberi RM1, talak satu, talak Khul'i. Itu jelas bagi orang Islam tetapi kita ini masyarakat majmuk. Apabila masyarakat majmuk kita harus mengambil kira. Saya duduk dalam itu pun saya sudah faham, [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Itu Ahli Sunnah Wal-Jamaah, kita ambil kaedah itu. Maksudnya kerajaan hendak buat mesti ambil kemaslahatan umum setiap rakyat yang ada. Kalau ada majmuk kena ambil yang majmuk.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Mas kalaulah berlaku itu bukan orang Islam? Dia hendak pakai kaedah mana, sebab dia tidak ada dia punya taklik. Inilah kebijaksanaan pucuk pimpinan Barisan Nasional yang mana buat undang-undang itu mengambil kira semua, bukan untuk orang Islam sahaja. Orang Islam sudah ada Mahkamah Syariah. Minta

maaf! Mahkamah Syariah ada dah, bab nikah cerai itu, boleh didengar di Mahkamah Syariah, boleh hukum Mahkamah Syariah tetapi yang bukan Islam boleh pergi Mahkamah Sivil menghukum cara Mahkamah Sivil. Sebab itu liwat pun kita tidak boleh bawa kepada Mahkamah Syarak sebab dia ada dengar Mahkamah Sivil. Maka Peguam Negara kata boleh di dengar di Mahkamah Sivil, maka hukuman sivil, boleh dengar Mahkamah Syarak, hukuman Mahkamah Syarak. Jelas atau tidak, Yang Berhormat? Bukan hendak berbalah, sokong tadi. Apa pandangan?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya selalu mendengar Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ini bawa hujah [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] Saya rasa benda ini perlu diperpanjang. Ia bukan hanya kaedah semata-mata tetapi di sana barangkali Dewan kita perlu kepada suatu makna yang pemimpin dan rakyat, tindakan pemimpin dan rakyat, ia terikat dengan kemaslahatan. Itu satu kaedah usul fikah yang termuat dalam kitab ini.

Saya baca dalam Usul Fikah ada, memang betul. [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] Tetapi di sana ada syarat. Kalau saya tanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, apa dia syarat pada hari ini, apa dia syarat maslahatnya. Kalau saya tanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, apakah dia maslahat yang disebut di dalam kaedah Usul Fikah ini? Kalau kita hendak berhujah dengan Usul Fikah. Kalau Tuan Yang di-Pertua beri keizinan kepada saya, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh apakah dia syarat.

Ini kerana ia [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] tertakluk kepada syarat. Rakyat dan pemerintah, tindakan pemerintah dan rakyat bergantung kepada kemaslahatan. Baik! Kemaslahatan yang disebut di sini, ulama-ulama memberi syarat bukan *free*. Baik saya tanya balik, saya bagi *floor* saya, saya beri kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, apa dia syarat-syarat. Saya minta Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebutkan apa dia syarat. Kalau tidak ingat tidak apa, saya beri masa. Kalau tidak ingat saya beritahu. Saya rasa Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tidak bersedia untuk memberi jawapan. Tidak apa saya beritahu.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bukan hendak berkelahi.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tidak berkelahi, saya tidak berkelahi. Kita bincang dari segi ilmu.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Maaf sedikit dalam ini sebab saya hendak jelaskan bahawa kita di Malaysia, kita akui sebagai sebuah negara Islam. Apabila kita menjalankan kaedah siasah *syariah* kita pendekatannya masyarakat *Islam Hadhari*, ini sudah diterima. Apabila kita sebuah masyarakat Islam, negara Islam, pendekatan *Islam Hadhari*, kita gunakan kaedah siasah *syariah*. Itu saya baca kaedah tadi.

Maka dalam kaedahnya, ulama-ulama ini diminta pandangan selain daripada ulama, intelektual, selain daripada intelektual, kita perlu kepada *academician*. Selain daripada *academician*, kita perlu kepada *engineer*. Kita banyak *engineer* di sini, kita perlu juga kepada

pakar-pakar sains dan teknologi sebab kita hendak buat sesuatu undang-undang mesti menggunakan saintifik, gunakan R & D maka pakar-pakar R & D ini membuat kajian.

Saya hendak beri contohnya kita menentukan halal haram. Kita tidak boleh hukum mengikut kitab (membaca sepotong ayat al-Quran) memang boleh kita baca. Tetapi bagaimana kita hendak menentukan, kita mesti membuat *research*. *Research and Development* ini amat penting maka sebab itulah bagi saya kalau kita hendak bincangkan dalam satu forum yang lebih menyeluruh oleh kerana rakan-rakan kita bukan yang beragama Islam ini biar dia faham. Kita duduk elok-elok, jadi kalau Yang Berhormat bagi Pasir Mas boleh jelaskan tadi dengan cara yang baik, jangan aspek *Islamic Law* sahaja kena pergi ke *Common Law*. Itu maksud saya bukan kita hendak jelaskan kaedah itu sahaja. Kita perlu kepada ulama-ulama – *al-ulama wal-umarak* maka *al-ulama wal-umarak* ini kalau kita tengok (membaca sepotong ayat suci) itu yang kata tadi ulama, umarak macam mana? Ulama yang menyokong umarak. Itu dia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah. Masa banyak sudah digunakan untuk perkara ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya setuju pandangan Yang Berhormat sekejap tadi. Tetapi saya tidak setuju tentang kita tidak boleh mengikut hukum kitab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi? Pasir Mas?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Baru mukadimah, baru Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik kepada tajuklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kepada kembali kepada tajuk. Minta maaf sekiranya saya mempunyai kekasaran sedikit tadi. Saya bukan bertujuan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kalau kita melihat kepada kes-kes di negara kita ini, bagaimana ia begitu hebat sehingga kes statistik rogol daripada *Malaysian Crime Frame Revision Foundation*:

i.	1993	-	869;
ii.	1994	-	965;
iii.	1995	-	1,029
iv.	2002	-	1,419

Ini kes rogol yang berlaku di negara kita. Kemudian statistik rogol mengikut laporan Berita Mingguan pula:

i.	2000	-	1,217;
ii.	2001	-	1,386;
iii.	2002	-	1,431;

iv. 2003 - 1,479.

Peningkatan kes rogol di negara kita ini – rogol ini berlaku di hadapan undang-undang yang ada di negara kita. Bukan negara kita tidak negara undang-undang. Negara kita ini ialah negara undang-undang. Samalah bandar kita ini ialah bandar yang dikepong oleh tol-tol. Bandar kita Kuala Lumpur ini dikepong oleh tol. Negara kita ini ialah negara yang ada undang-undang dikepong oleh undang-undang.

Tetapi dalam negara kita dikepong oleh undang-undang, tetapi peningkatan rogol semakin hari semakin banyak kerana itulah saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua supaya masuk dalam panel kita ini salah seorang daripadanya Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Ulama supaya dia dapat memberi hujah kerana pertanyaan-pertanyaan oleh kawan-kawan kita yang daripada bukan Islam umpamanya daripada Kepong atau daripada orang itu. Tetapi kalau sama-sama kita sahaja yang berada dalam panel ini saya rasa tidak mampu. Maafilah saya katakan. Kita perlu kepada ulama-ulama *kibarut*, ulama yang ada dalam negara kita.

Mesir mengiktiraf negara kita. Saya tahu Mesir iktiraf negara Malaysia ini hebat kerana pelajar-pelajarnya terdiri daripada pelajar Al-Azhar. Yang Berhormat kita Pasir Puteh pun terdiri daripada pelajar Azhar dan yang besar-besar ini terdiri daripada hak *ulak min kibari* daripada pembesar-pembesar mereka, mengapa mereka tidak dimasukkan sama, tidak dijemput sama, tidak diberi masa yang secukup kepada mereka. Jangan hanya pergi bersembang-sembang ataupun minta pandangan-pandangan sekejap-sekejap sahaja tetapi perlu duduk berbincang dengan mereka supaya kes rogol ini tidak meningkat.

Statistik rogol ini paling menakutkan. Ini baru rogol baru, belum lagi bunuh. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, bunuh di negara kita paling hebat. Mereka rogol, sudah rogol mereka bakar, mereka campak dalam sungai dan berbagai-bagai lagi. Mereka tidak takut bahawa mereka dalam keadaan mereka melihat di hadapan mereka ada undang-undang tetapi mereka tidak takut. Mereka tidak merasa perit dengan undang-undang yang digubal di negara kita, mengapa?

Ini suatu soalan mesti kita tanyakan, kita mengapa? Kerana itulah saya katakan mengapa bahawa mesti diambil kira dengan di waktu kita *taknim*, di waktu kita membuat sesuatu undang-undang negara maka kita mesti mengambil kira pandangan-pandangan al-Quran baru sejajar dengan apa yang telah disebut oleh Timbalan Perdana Menteri sekejap tadi. Kalau tidak, apa yang disebut oleh Timbalan Perdana Menteri "*mulurah*" ertinya perkataan yang *lagha*, perkataan yang tidak ada apa-apa makna dan sanad. Kita hendak perkataan ini menjadi dasar kepada negara.

Apabila menjadi dasar kepada negara maka apa sahaja aktiviti negara kita ini, ke arah tersebut dan kita yakin bahawa apa yang dilakukan oleh kita ini bukan. Dia mempunyai

keistimewaan-keistimewaan yang tertentu yang tidak boleh kita perlekehkan dan barang kali saya menyempurnakan kertas saya sekejap tadi iaitu saya sebut dalam kertas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat telah berucap sepanjang 46 minit.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya ringkaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Bolehkah dalam 15 minit boleh diselesaikan?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya rasa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan. Penjelasan, penjelasan. Penjelasan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jikalau di dalam laporan Jawatankuasa Pilihan Khas di muka surat 56, dia ada banduan sabitan dengan jenayah seksual di mana dia ada angka jumlah banduan Melayu, Cina, India dan bangsa lain. Kalau Melayu di dalam negara ini, mereka adalah Islam, orang Islam. Tadi Yang Berhormat katakan bahawa dia mesti diambil kira dari agama Islam. Tetapi bukankah mereka ini juga orang Islam. Walau pun tidak ada undang-undang syariah pun tetapi bukankah mereka sepatutnya takut kepada Tuhan?

Sekiranya mereka pun tidak takut kepada Tuhan, bukan semua, tetapi ada segelintir yang tidak takut kepada Tuhan. Adakah mereka akan takut kepada undang-undang syariah?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hebat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dalam soalan dia tadi. Apakah takut kepada undang-undang syariah.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, dia dalam bahasa Islam atau dalam bahasa pengajian ini “Al-syari’ Wallah” yang menentukan syarak itu Allah, ertinya takut kepada Allah, bimbang, runsing, rasa bimbang kepada tidak hendak buat perkara ini kerana undang-undang Allah. Undang-undang itu daripada Allah S.W.T maknanya samalah itu. Tidak ada perbezaan di antara itu ini, kerana itulah dalam Islam ini dia ada *ibadah*, dia ada peraturan, dia ada *muamalah*, dia ada *jenayah*, dia ada *kisas*, dia ada *hudud*, dia ada apa? Dia ada semua merangkumi kegiatan hidup, dalam Islam kita, dalam Islam saya anuti sekarang ini.

Kerana itulah saya berpuas hati dengan Islam yang sebenarnya tidak ada suatu pun yang tidak dibicarakan yang tidak diselesaikan. Tetapi masalah manusia ini kerana dia tidak berpegang kepada moral dan kepada agama. Kalau mereka berpegang kepada agama, dalam apa keadaan pun saya mengambil agama saya, kefahaman agama saya, kalau mereka berpegang sungguh-sungguh kepada *syari’* kepada penggubah undang-undang iaitu Allah S.W.T. maka dia merasa takut dan bukan sahaja kepada orang Islam sebenarnya.

Dalam Surah Al-Haji, Allah S.W.T. sebut (membaca sepotong ayat) bererti wahai manusia, dia tidak menyebut wahai orang yang beriman tetapi Dia menyebut wahai manusia hendaklah kamu takut kepada azab yang disediakan oleh Allah S.W.T. azab Tuhan kamu.

Dia menyebut Tuhan kamu. Dalam ayat ini dia tidak menyebut Allah. Wahai manusia, takutlah kepada azab Tuhan kamu kerana Tuhan ini, konsep Tuhan ini perlu dipercayai oleh seluruh manusia, konsep ketuhanan. Konsep ketuhanan itu mesti dipercayai oleh seluruh manusia. Kerana itulah, Allah menyebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] tidak ada 'ittakulah' dalam ayat 'yuhannas' melainkan dalam ayat [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud wahai orang beriman, baru 'ittakullah' takutlah kamu kepada Allah.

Tetapi kalau manusia [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], saya tinggalkan kerana saya menjuruskan itu dan saya hendak sambung sikit lagi. Perlunya masuk di dalam *committee* tadi terdiri daripada salah seorang daripada jawatankuasa atau pengerusi jawatankuasa, Panel Jawatankuasa Ulama, Fatwa Ulama negara kita ini masuk dalam jawatankuasa ini. Setidak-tidaknya, dia boleh memberi jawapan yang cukup-cukup menenangkan hati semua pihak, dengan hujahnya, dengan apanya, dengan kertas-kertasnya. Bukan hanya dengan begitu sahaja, tidak. Barangkali saya tidak mempunyai kesempatan yang cukup dengan keterbatasan ilmu yang ada pada saya, tetapi pada mereka ini, mereka kajian yang begitu meluas sehingga mereka boleh membantu negara kita.

Saya tidak bermaksud Tuan Yang di-Pertua untuk mengecil-ngecilkan jawatankuasa dan mengecil-ngecilkan apa yang dilakukan oleh kerajaan. Saya daripada awal lagi mengatakan apa yang baik, baik. Cuma, apa yang kurang kita tambahkan di sini. Kerana apa, kerana bila ada mereka ini, sudah tentu saya rasa dan saya yakin, bahawa mereka dapat menyumbangkan suatu yang terbaik. Kerana apa saya tekankan itu, kerana undang-undang Islam mendidik jiwa manusia bahawa segala perbuatan jahat tidak akan terlepas daripada hukuman dunia dan akan dibalas di akhirat nanti. Ini hebat. Sama ada bila undang-undang ini dilaksanakan dia merasa bahawa dia dididik, jiwa dia dididik. Bukan fizikal dia sahaja dididik, tetapi jiwa dia dididik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu sekejap tadi. Saya dengar elok-elok apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Manusia ini terdiri daripada dua fakta yang paling besar.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Boleh.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Jadi daripada penerangan dan penjelasan Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi, saya dapati bukan masalah undang-undang Yang Berhormat, tetapi ialah masalah pendidikan. Pendidikan moral, pendidikan agama. Jadi undang-undang ini sekadar untuk mencegah. Tetapi apa yang lebih penting ialah pendidikan kepada rakyat, khususnya kepada semua lapisan masyarakat, daripada kanak-kanak sampai ke dewasa. Bukan soal undang-undang sebenarnya Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya perlu membuat pembedaan kepada Yang Berhormat. Dalam kehidupan kita, kecil mesti dididik, besar mesti dihukum. Yang kecil tidak ada hukum. Disebut dalam hadis Nabi S.A.W bahawa tiga jenis manusia [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] diangkat dosa kepada tiga jenis manusia. Pertama sekali di waktu kecil dia sehingga dia akil baligh. Ertinya, kecil dididik. Besar tidak mengikuti pendidikan yang diajar itu, dia dihukum, begitu. Tidak boleh tidak dihukum. Kerana itulah, kita mempunyai syurga, neraka di akhirat. Terlepas di dunia ini, syurga, neraka di akhirat. Tetapi sebaik-baiknya dia menyerah sebagaimana yang berlaku kepada Maiz, kepada Ghamidiyah. Ghamidiyah dia melakukan zina. Bila dia melakukan zina, dia insaf, dia taubat. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] dia bertaubat, dia beriman, dia bertaubat dan dia beramal soleh. Dia mengaku kepada Rasulullah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kata hendak ringkaskan, berapa minit lagi diperlukan?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Mengikut apa yang diberi kepada sayalah. Setengah jam lagi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya kata, Yang Berhormat sudah ucap dekat satu jam.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pasal ganggu banyak sangatlah. Minta penerangan yang berkaitan dengan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat habiskan 10 minit lagilah?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: 10 minit ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 10 minit ya. Saya akan tegur 10 minit.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, ya. Saya yakin bahawa undang-undang ini dapat peruntukan. Undang-undang ini bukan sahaja untuk orang Islam, tidak. Saya baca Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh, dalam catatan saya sekejap tadi, pengakuan yang dibuat oleh Baba Shanudah. Baba Shanudah ini Pope, paderi di gereja Kristian di Mesir, satu gereja yang terbesar di Afrika iaitu di Abasiyah tidak silapnya, nama tempat ini. Gereja ini, paderinya, nama paderi itu Baba Shanudah saya sebut dan saya *quote* dengan terjemahannya.

Dia mengatakan bahawa Pope Shanudah ini seorang paderi gereja yang terbesar di Mesir, sebagaimana disiarkan dalam akhbar Al-Ahram tahun 1985. Dia menyebut bahawa orang-orang 'primitif', orang Mesir 'primitif' yang bukan Islam, di sepanjang pemerintahan Islam, mereka berada dalam keadaan penuh kebahagiaan dan keamanan. Begitulah keadaan mereka dahulu di waktu hukum syariah dilaksanakan. Ini pengakuan. Bukan pengakuan oleh orang Islam tetapi pengakuan yang dibuat oleh orang bukan Islam dan paderi di sebuah gereja. Ini hebatnya. Begitulah keadaan mereka dahulu dan di waktu hukum syariah dilaksanakan.

Sekarang ini Mesir mengimport undang-undang daripada luar. Sekarang ini ia mengatakan Mesir mengimport undang-undang daripada luar negara, daripada luar, daripada Perancis dan melaksanakan ke atas kita, ke atas kami. Kami tidak mendapat apa-apa pun dia kata. Kami tidak merasa keadaan bahagia sebagaimana undang-undang syariah dilaksanakan dahulu. Kami tidak merasakan keamanan sebagaimana yang kami kecapkan dahulu dia kata seperti yang ada dalam Islam. Oleh yang demikian, bagaimana kita redha dengan undang-undang yang diimport dan kita tidak redha dengan undang-undang Islam? Kenyataan banyak sebenarnya.

Saya catat dalam kertas saya ini. Oleh kerana masa barangkali tidak mengizinkan. Tetapi oleh kerana nilai-nilai agama ini tidak dilaksanakan dalam masyarakat kehidupan, maka seorang penulis daripada Amerika menyebut, dia menyebut dia kata Amerika perlu dengan seberapa segera menyelamatkan manusia dari segi roh dan akhlak sekiranya Amerika mahu supaya ianya tidak hancur dan tamadun mereka tidak musnah di dalam abad-abad seterusnya. Saya petik disiarkan dalam Majalah Qatar bilangan Bulan Rejab tahun 1402 Hijrah. Kemudian dia menyebut di sini, di Amerika dia sebut bahawa 90% daripada pemudanya dilanda oleh penyakit sifilis. 90% pemuda-pemuda Amerika pada tahun 1402 Hijrah. Sekarang ini 1424, 1425, sudah berapa tahun dah? Ertinya bukan 90% dah sekarang ini.

Seorang Ahli: 206?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: 206. Ertinya dahulu dia menyebut bahawa 90% daripada pemudanya dilanda oleh penyakit sifilis. 50% daripada penduduknya menagih arak, 55% daripada katil-katil dikhaskan kepada mereka yang menghidap penyakit jiwa. Di sebuah sekolah di New York, mereka yang mengandung di dalam satu tahun [*Bercakap dalam Bahasa Arab*], satu buah sekolah dalam setahun, yang mengandung tanpa kahwin yang sah, rasmi seramai 2,487 orang mengandung. Satu juta kerugian hasil perzinaan setiap tahun dan ribuan anak-anak kecil dibunuh selepas mereka dilahirkan.

Lebih daripada tiga juta mereka yang hidup tanpa rumah dan mereka mencari makanan daripada tong-tong sampah. Muncul satu panggung di New York di mana pelakon-pelakon melakukan amalan kaum Lut di hadapan penonton-penonton sekalian dan mereka melakukan hubungan jenis di hadapan penonton-penonton dengan tidak merasakan sedikit pun malu dan aib kepada khalayak ramai. Ini selain daripada ribuan mereka yang mati kerana arak, dadah dan peningkatan perceraian, peningkatan bilangan anak-anak yang lahir daripada luar nikah dan penyakit AIDS. Dia sebut dah ini, dalam tulisan ini merujuk kepada 1402, tahun dua Hijrah lagi, sudah berapa puluh tahun dah.

Penyakit AIDS ini lebih 20 tahun 30 tahun dah merebak di Amerika, ribuan sudah ada penyakit-penyakit AIDS bertambah mangsanya tiap-tiap tahun dan akhirnya kombinasi kekeluargaan mereka hancur. Apakah benda ini hendak berlaku di negara kita?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, saya patuh kepada apa yang disebut. Apakah benda ini perlu berlaku di negara kita? Kerana itulah saya mohon sungguh daripada Yang Berhormat supaya mengambil pandangan-pandangan ini bagi mengukuhkan lagi apa yang kita buat. Kita tidak mahu satu ketika nanti anak-anak kita menuduh kita, bapa saya merogol mak saya. Saya tidak mahu didakwa dalam kes-kes sedemikian.

Ada cara lain lagi, ada enakmen-enakmen yang kita boleh. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi mengatakan kita boleh masuk di dalam cerai-an-ceraian lain. Jangan masuk di dalam cerai-an ini. Mengaibkan kita, memalukan kita. Begitu juga ragut. Kes ragut dimasukkan dalam kes rompak. Betul ke? Kalau kes rompak hendak kembali kepada hukum siapa? Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Hendak kembali, orang Islam hendak kembali kepada hukum siapa sedangkan Allah s.w.t. menyebut jelas dalam kes-kes rompak ini. *[Membaca potongan dan maksud ayat Al-Quran].*

Kalau kita masih takut untuk melaksanakan hukuman yang begitu tegas kepada perompak sebenar. Perompak semua kita tidak menghukumkan dia. Kita perlu menghukumkan lagi perompak yang sebenar, yang melakukan rompakan. Juta duit, bunuh orang lagi, dengan pistol lagi, dengan apa kita tidak hukum lagi dia mereka ini dengan hukum.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat beri laluan tadi. Saya seronok, saya naik semangat, tambah spirit..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tapi saya hendak tanya tadi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas belum gulung.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pasir Mas kenapa hudud di Kelantan di Terengganu tak jalan? Saya susah hati. Kenapa tidak jalan? Kalau kita benar-benar hendak jalan, buat satu negeri. *The best Islamic state in the world*, in Malaysia, Kelantan. Tapi kenapa hudud buat tak jalan? Terengganu tak jalan? Dah Terengganu kalah la ni boleh alasan lah. Barangkali Kelantan nak kalah pulak tak tahu lah. Tapi saya hendak tanya Yang Berhormat ini lari daripada tajuk.

Kita dok bahas hari ini ialah cerai-an-ceraian sahaja, pindaan. Bukan *the whole* undang-undang itu. Bukan seluruh undang-undang kita hok nye, cerai-an. Kalau hok dahulu kita terima, kenapa hok la ni tok leh terimo? Sumbang muhrim kita hendak masuk, ragut apa gitu gini. Patutnya begitu. Kawan dok? Cakap Kelantan, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Mengapa Kelantan tidak laksanakan? Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu cerita ini, cerita lama. Tok guru Nik Aziz datang menemui Perdana Menteri. Bekas mantan Perdana Menteri datang. Datang ke Kuala Lumpur. Untuk mendapat *respect* atau pun persetujuan untuk dilaksanakan Kanun Jenayah Syariah Pindaan

yang kedua di negeri Kelantan pada tahun 1993 dahulu. Tapi apa jawapan Perdana Menteri di waktu itu?

Mereka mempunyai kuasa, mereka mempunyai sebarang tindakan. Kita tahu apa tindakan berlaku bila dilaksanakan. Kita tahu. Oleh kerana kita tahulah maka kita adakan, kita terpaksa 'ta'jilkan' benda itu. Terpaksa kita apa ni..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya dalam penggulungan sebenarnya. Saya dalam penggulungan tetapi diganggu. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mengajak *committee* dan mengajak Parlimen, mengajak ahli-ahli Yang Berhormat supaya hukum kita ini boleh diterima pakai oleh semua. Ini setuju, ada. Tetapi biar "Jami", banyak. Jangan hari ini kita pinda, lusa kita pinda pula, lusa kita pinda pula. Dua tiga tahun kita pinda pula. Jadi menyukarkan orang. Sedangkan undang-undang yang boleh disepakati. Tadi paderi, bapa paderi Baba Shenouda di Gereja Kristian, dia mengakui di waktu undang-undang Islam diterima pakai di negeri Mesir, orang-orang Qibti merasa seronok, orang-orang Qibti merasa *happy*, orang-orang Qibti merasa masrur, sukacita.

Tetapi di waktu Mesir mengambil undang-undang lain, bawa masuk undang Perancis, undang Britain bawa masuk di waktu itu, kita tidak mendapat apa-apa bahagian. Kita diseksa, kita ditekan, kita di itu, kita di ini. Itu makna dia. Jadi mereka mengajak semula. Ini pengakuan oleh gereja Kristian, yang mewakili di Afrika. Juta puluh juta ribu ratus juta manusia berada di Benua Afrika, diwakili oleh Pope Shenouda yang berada di Mesir di waktu itu. Takkan lah pope di negara kita tidak boleh terima? Paderi di negara kita tidak boleh terima. Saya rasa negara kita juga boleh terima apa yang disebut oleh paderi Kristian tadi.

Menunjukkan di sini bahawa semangat, sebenarnya apa yang saya bawa ini semangat, roh. Kalau perbincangan tidak boleh lari. Kerana itu lah saya kemukakan tadi perlu ada dua perkara, pertama sekali [*bercakap dalam bahasa arab*] saya hendak terjemah saya tidak reti. Saya reti dengan bahasa Arab sahaja.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Similar dengan syariah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ha, *similar* dengan syariah. Yang tertakluk kepada orang Islam dan bukan orang Islam. Selesai. Kepada orang Islam, kalau dia hendak tunai hok.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi, barangkali saya patuh dengan apa yang dikehendaki oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya berhenti setakat itu dan saya memohon maaf daripada sahabat-sahabat saya sekiranya terkasar dalam penghujahan saya pada petang ini dan moga-moga Tuan Yang di-Pertua tidak perit dengar ucapan pada saya pada petang ini. Assalamualaikum warahmatullah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu boleh tak saya buat minta Tuan Yang di-Pertua untuk merekod pada malam sekarang ini sampai sekarang tiga orang pembangkang yang bangkit. Tiada seorang daripada Barisan Nasional yang bangkit. Jadi kami yang memang berminat bahas harap diberi peluang keutamaan esok dan jangan mengikut lagi giliran yang 411, 411...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini terpulang kepada saya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rayulah, rayulah biar ada keadilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin ada orang pergi sembahyang. Itu saya tidak mahu dengar.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohonlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada kami.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Nanti kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Barat lima minit, boleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam lima minit, Batu Gajah semua bagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bercakap Bahasa Cina*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya sudah diri satu hari, dua hari.

6.47 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat yang telah dibentangkan, di antaranya beberapa perkara yang telah diambil kira di mana beberapa Yang Berhormat-Yang Berhormat telah berhujah dua hari tetapi saya ingin mengambil beberapa perkara yang saya rasa adalah perkara yang mustahak juga tetapi mungkin ketinggalan dan tidak diambil kira dalam oleh jawatankuasa ini.

Di antaranya adalah, perkara yang pertama adalah mengenai hukum mati. Iaitu kita ada beberapa undang-undang yang ternyata di negara ini iaitu enam undang-undang yang ternyata di mana dikatakan ada mandatori *dead penalty*. Iaitu Seksyen 302 Penal Code, Seksyen 121A Penal Code, seksyen 571 *Internal Security Act*, Seksyen 39B *Dangerous Drug Act*, Seksyen 3 *Firearm (Increase Penalty) Act* dan Seksyen 3A *Firearm (Increase Penalty) Act*.

Semua Akta-Akta ini adalah dengan jelas mana ada *mandatory dead penalty*. Adakah saya ingin tahu, adakah apa-apa kajian atau apa-apa pandangan yang telah dibuat oleh jawatankuasa ini? Kerana saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak yang mungkin telah

ketinggalan atau tidak diambil kira. Dan dalam hal ini, pada tahun 2003 Tuan Yang di-Pertua, di mana di negara US di satu *state of ironist* di mana 167 orang telah dihukum mati. *Waiting for death penalty*. Masa menunggu untuk digantung mati, tetapi dalam proses ini di beberapa dengan izin, satu sistem analisa *the whole system* dibuat oleh peguam-peguam dan peguam bela di sana, di mana di dapati 13 orang di antaranya dengan izin yang *were wrongly committed*. Dan satu perkara di sana adalah kerana di mana kemakmuran DNA yang terkini di mana ia menunjuk bahawa kemungkinan besar pihak-pihak yang terlibat yang dikatakan ada bukti-bukti yang kukuh yang menunjukkan pesalah ini adalah patut dihukum jatuh mati. Hukum mati, tetapi oleh kerana dengan izin "*the most crescent*" dalam DNA menunjukkan mereka tidak terlibat. Dan oleh sebab itu, satu penganalisa, satu *re-look, revisit* kepada perkara hukum mati telah dibuat di Amerika. Dan bukan sahaja di sana di mana beberapa orang telah dibebaskan.

Jadi dalam hal itu, apakah pendirian yang terkini oleh kerajaan dan jawatankuasa yang telah menjalankan penyiasatan, telah mendapat maklum balas dari masyarakat di seluruh negara? Jangan kita lupa bahawa Amnesty International dalam *reportnya* telah menyatakan bahawa 76 negeri, 76 negara telah menghapuskan hukum mati, death penalty dan 14 negara yang lain, separuh di antaranya telah menghapuskan hukum mati dan juga 20 negara yang lain masih dalam proses mengkaji. Dalam keadaan ini, di mana dikatakan dengan izin, *Barbaric Act*, dan satu sistem yang sudah tidak boleh dipakai. Jadi dalam ini, apakah pendirian oleh kerajaan dan adakah apa-apa pandangan telah diambil atau mungkin tidak diambil untuk meneliti apakah perlu kita adakan lagi hukuman mati di negara ini? Di beberapa *studies* yang telah dibuat, menunjukkan bahawa hukuman mati tidak membawa manfaat-manfaat yang tertentu. Walaupun dengan izin, *the deterrent sentence* di mana kita semua belajar semasa mempelajari undang-undang. Tetapi nampaknya, ia telah menjadi hakis. *Eroded over the time* dengan izin. Sekarang ada satu falsafah yang baru di mana menunjukkan bahawa bukan semestinya, bahawa jika seseorang itu atau masyarakat diberi tahu bahawa hukum mati, *death penalty* akan membuat atau menghalang pihak-pihak yang berkecenderungan untuk terlibat dalam kes-kes jenayah yang teruk di mana hukum mati akan mengawal kegiatan kes-kes serius ini. Di Amerika juga, ramai di antara yang telah dihukum mati.

Tetapi selepas itu, oleh sebab DNA *test*, didapati mereka ini bukan sahaja tidak terlibat, tetapi pihak polis telah mereka beberapa situasi, beberapa *evidence* di mahkamah di mana pihak-pihak yang tidak tersalah, pihak-pihak yang disabit hukum mati. Ini menunjukkan bahawa tidak ada satu *full prove system* dan inilah yang kita khuatiri di mana satu sistem yang boleh dinaik tarafkan dan diambil kira bahawa sistem yang sedia ada di negara ini, yang sudah ada walaupun dengan *tested over the time*, 48 tahun tetapi kita perlukan satu analisa yang baru, *mind-set* yang baru, *new thinking* di mana mungkin masa sudah datang untuk menghapuskan *death penalty* seluruhnya dari *Penal Code* di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di negara China, ada *mobile execution wivecam* di mana tiap-tiap tempat mereka membawa kerana ada terlampau banyak orang yang dijatuh hukum mati sehingga tidak ada masa untuk pihak-pihak kakitangan untuk mengambil tindakan susulan untuk menghabiskan mereka dengan izin. Perkataan saya gunakan. Jadi mereka gunakan *injection* untuk menghabiskan, mematikan orang-orang yang dipenjarakan. Saya harap, analisa yang saya buat adalah kedua-dua di mana orang-orang yang ada di *death throw*, dan yang menunggu ini tidak ada banyak beza dia.

Tetapi apa yang mustahak adalah kenapa ia diperlukan lagi? Baru-baru ini saya difahamkan di Malaysia ada beratus-ratus orang sedang menunggu *dideath throw* di mana hingga tidak ada apa-apa tindakan diambil untuk dengan izin, *to hang them for death*. Kerana ada beberapa perkara yang tidak dapat dijalankan atau walaupun rayuan-rayuan mereka telah habis dan saya difahamkan mereka berada di penjara untuk bertahun-tahun dan ini berlarutan.

Pada tahun 2002, dikatakan lebih dari 90 banduan menunggu untuk digantung mati. Mengikut undang-undang yang terkini, ada pandangan yang menunjukkan bahawa mungkin selepas beberapa tahun mereka berada, walaupun telah dijatuhkan hukuman mati. Memandangkan mereka telah berada di penjara untuk beberapa tahun, ada mungkin falsafah yang baru, yang *the new thinking* menunjukkan bahawa mereka patut dilepaskan beberapa tahun selepas itu. Apakah pendirian kerajaan mengenai perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, selain itu jawatankuasa juga telah meneliti dan membuat pandangan bahawa perlukan satu akta koroner. Saya ingin tahu walaupun dikatakan dalam buku ini, bahawa satu di antara rekomentasi adalah keperluan Akta Koroner kerana kita semua tahu, kerana kematian beberapa orang banduan atau orang tahanan di lokap polis. Satu di antara faktor utama di mana kekurangan kepercayaan kepada pihak polis dan sistem yang sedia ada, adalah bila kematian berlaku di lokap.

Siasatan selanjutnya, atau merujuk *inquiry* kepada mahkamah majistret tidak dijalankan. Hingga beberapa bulan, beberapa tahun, surat-surat ditulis oleh peguam-peguam yang mewakili banduan-banduan yang telah mati atau yang telah ditahan di lokap. Beratus-ratus surat dihantar kepada Peguam Negara tetapi tindakan tidak diambil. Hingga Peguam Negara dan kerajaan diheret ke mahkamah, baru satu kesedaran nampaknya berlaku. Ini satu perkara yang sepatutnya tidak berlaku, di mana jika ada sesiapa mati dalam lokap, serta merta satu penyiasatan perlu dijalankan. Saya rasa yang sangat sedih adalah di mana bila seseorang mati di lokap. Saya ada satu kes di mana seorang mati hanya 23 tahun Tuan Yang di-Pertua. Tetapi selepas dia dihantar untuk satu *post-mortem*, nampaknya dia boleh ada *heart failure* dan dia ditahan di lokap, *lock police* untuk 77 hari, *change smoking*.

Saya akan datang ke perkara 117 *exception* dan sebagainya kerana itu adalah satu di antara yang walaupun pembaharuan telah dicadangkan oleh kerajaan, tetapi ada beberapa kecacatan dalam Seksyen 117. Tapi yang mustahak adalah *Coroner Act*. Walaupun

rekomentasi oleh laporan jawatankuasa menyatakan bahawa *Coroner Act* patut diimplementasikan dengan seberapa segera, jadi apakah kandungannya? Bilakah ia akan diimplementasikan? Kerana yang saya kawatir, kita semua tahu, bila membawa satu undang-undang atau untuk membuat satu undang-undang memakan masa yang banyak. Jadi ini, bilakah ia akan diimplementasikan? Dalam situasi di sini, yang menjadi rumit adalah di mana koroner-koroner yang sedia ada adalah majistret-majistret di negara ini yang tidak ada kelayakan, yang berkaitan. Tidak ada *expertise* yang berkaitan walaupun mereka berkelulusan undang-undang. Ini tidak semestinya menunjukkan bahawa mereka ada kelayakan-kelayakan, kepakaran yang tertentu. Jadi itulah, saya setuju kepada pandangan jawatankuasa bahawa keperluan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nak gulung atau nak sambung besok?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sambung besok ya. Baik. Yang Berhormat Menteri.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PENUBUHAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PARLIMEN UNTUK MENGAJI SISTEM URUS TADBIR KEWARGANEGARAN DI MALAYSIA

7.00 petang.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk mengkaji sistem urus tadbir kewarganegaraan di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, soal kewarganegaraan adalah berkait rapat dalam modal insan sesebuah negara. Manakala komposisi kaum warganegara pula adalah penting untuk menjamin kestabilan negara tersebut.

Oleh sebab itu satu mekanisme kawalan dan pemantauan kewarganegaraan yang rapi adalah sangat penting lebih-lebih lagi negara kita yang bergantung kepada pekerja asing. Jika tidak negara kita boleh menjadi porak-peranda.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan paparan media tentang kes Salman Majid di mana kad pengenalnya ditarik balik setelah 20 tahun menggunakan kad pengenalnya atas alasan kononnya butir-butir yang digunakan semasa mohon kad pengenalan diragui. Dan bagi rakyat jelata yang membaca laporan media tersebut, berbagai andaian boleh timbul dalam pemikiran mereka. Sebagai contoh, bagaimanakah kad pengenalnya boleh dikeluarkan? Rakyat juga boleh mengandaikan bahawa memang ada yang tidak kena dengan sistem urus tadbir kewarganegaraan Malaysia. Dan tidak salah jika rakyat memikirkan adanya penyalahgunaan kuasa yang telah berlaku dalam urus tadbir kewarganegaraan negara kita. Apa juga reaksi rakyat jelata tentang kes tersebut, yang pasti ialah *there is something wrong with our citizenship avoid system*, dengan izin dan juga dalam hal urus tadbir kewarganegaraan.

Dan yang lebih meyakinkan ialah setelah kita mendengar kenyataan bersumpah Encik Hasnan Ibrahim iaitu salah seorang saksi dalam petisyen Pilihan raya Likas 1999, jelas membuktikan bahawa proses pemberian kewarganegaraan di Malaysia boleh dimanipulasikan oleh pihak berkuasa. Dan sistem akauntabiliti dalam urus tadbir kewarganegaraan Malaysia jelas begitu longgar. Kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa yakni pada kadar 500% bagi tempoh 1970 hingga 2000, dengan jelas menunjukkan bahawa *there is inherently wrong with the system of citizenship in this country*, dengan izin. Dengan kata lain undang-undang serta tatacara dan peraturan-peraturan yang sedia ada nampaknya tidak memadai untuk mentadbir urus soal kewarganegaraan yang sedia ada.

Sebagai contoh, pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai Undang-undang Pelarian dan Akta Imigresen 1999 tidak menetapkan atau membuat perbezaan di antara pelarian dan pendatang haram. Contoh seterusnya ialah syarat-syarat untuk mendapatkan status penduduk tetap atau PR di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) mesti menetap di Malaysia selama lima tahun secara berterusan di bawah permit kemasukan yang sah ataupun *validity permit*;
- (ii) sekiranya si suami adalah warga asing dan menetap di Malaysia, beliau mesti menetap di Malaysia selama 10 tahun secara berturut-turut di permit kemasukan yang sah ataupun *validity permit*; dan
- (iii) untuk tujuan permohonan adalah dikehendaki membawa bersama dokumen perjalanan atau passport yang sah tetapi ada orang-orang asing yang memegang dokumen IMM13 diberi PR sedangkan mereka tidak ada permit PR kemasukan ke negara ini secara sah.

Satu rentetan kehadiran PTI yang mendapat kad pengenalan oleh akhbar Utusan Malaysia adalah seperti berikut; di Sabah juga masalah kad pengenalan palsu yang mudah

diperoleh menyebabkan peniaga kain dari Pakistan dan pendatang haram Filipina dan Indonesia datang memiliki kad pengenalan Malaysia. Ramai lelaki Pakistan dan lelaki Filipina di Lembah Klang mengaku sebagai rakyat Sabah bagi memudahkan aktiviti mereka di sini serta membolehkan mereka berkahwin dengan wanita tempatan. Pendatang asing Indonesia dan Filipina memang berharap dapat berkahwin dengan rakyat Malaysia bagi mendapat status penduduk tetap. Lelaki Pakistan ini bebas berniaga kain dengan harga yang mahal sehingga ke kawasan pedalaman di Sabah.

Apabila pembeli yang kebanyakannya orang kampung tidak mampu membayar hutang mereka anak gadis mereka dipaksa untuk dikahwinkan dengan lelaki Pakistan bagi melunaskan hutang. Kelonggaran yang diberikan kepada pekerja asing untuk berkahwin dengan rakyat Malaysia dikhuatiri akan menyebabkan warga dan pekerja asing membanjiri negara ini bukan sekadar bekerja tetapi untuk berkahwin dengan rakyat tempatan agar dapat hidup senang dan mendapat taraf kerakyatan.

Kesimpulan daripada rentetan kecelaruan dalam sistem urus tadbir kewarganegaraan dan Rang Undang-undang Imigresen yang disebut tadi Tuan Yang di-Pertua, jelas menunjukkan bahawa kita harus mengoverhaul dengan izin sistem tersebut untuk mengelakkan apa jua kepincangan yang wujud. Untuk tujuan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai sistem urus tadbir kewarganegaraan. Jawatankuasa ini hendaklah mengkaji dan mempelajari sistem urus tadbir kewarganegaraan negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya dan mana-mana yang bersesuaian kita serapkan, adaptasikan dalam sistem urus tadbir kewarganegaraan negara kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuaran di atas ucapan penangguhannya untuk mencadangkan supaya ditubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk mengkaji sistem urus tadbir kewarganegaraan di Malaysia. Bagi memperkuatkan cadangannya, Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan sistem pemberian dan urus tadbir dalam kewarganegaraan. Pemberian dalam kewarganegaraan yang boleh di manipulasi oleh pihak tertentu, pemalsuan dokumen-dokumen kewarganegaraan seperti MyKad dan sijil kelahiran dan penarikan balik kad pengenalan yang telah dikeluarkan.

Di samping itu ahli Yang Berhormat Tuaran juga menyentuh pemalsuan dokumen IMM13 yang boleh dieksploitasi oleh pengganas. Tuduhan bahawa dokumen IMM13 boleh diperolehi dengan bayaran antara RM500 hingga RM3,000 dan mencadangkan supaya diadakan Undang-undang Pelarian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sistem pemberian dan urus tadbir kewarganegaraan Malaysia setelah menyentuh dengan terperinci mengenai kronologi dan bagaimana undang-undang kewarganegaraan termaktub semasa jawapan saya di dalam menjawab ucapan penangguhan Ahli Yang Berhormat pada 10 Julai 2006 yang lepas. Sebagaimana Yang Berhormat maklum, atas alasan kepentingannya terhadap pembangunan dan kestabilan negara, Undang-undang Kewarganegaraan ditempatkan di bawah perlembagaan iaitu ibu kepada undang-undang negara. Peruntukan ini disebut di Bahagian 3 dan Jadual Pertama serta Kedua Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 1, Bahagian 3 Jadual Kedua Perlembagaan. Tugas-tugas dan tanggungjawab ini dijalankan oleh Menteri Kerajaan Persekutuan yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Yang Dipertuan Agong.

Dari segi menjalankan tugas-tugas ini, menteri yang bertanggungjawab tidak pernah mewakili kuasanya kepada pegawai walaupun menteri tersebut adalah Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri. Dari segi pengurusannya permohonan dan menentukan keputusan permohonan melibatkan pelbagai peringkat di Jabatan Pendaftaran Negara iaitu di daerah, negeri dan ibu pejabat. Selain daripada itu adalah di antara permohonan-permohonan yang memerlukan syarat ujian bahasa diwakili oleh orang-orang awam yang dilantik menjalankan tugas-tugas tersebut. Susun atur yang dibentuk ini amat sukar bagi membolehkan sesuatu penyelewengan itu berlaku. Kesimpulannya sistem dan urus tadbir permohonan kewarganegaraan Jabatan Pendaftaran Negara adalah jitu dan tidak mudah dibolosi oleh perkara-perkara salah guna kuasa dan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pemalsuan dokumen-dokumen kewarganegaraan seperti kad pengenalan dan sijil kelahiran yang turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat juga memang disertai oleh kementerian.

Perkara yang diberi perhatian utama oleh pihak kementerian ialah pemalsuan MyKad di mana kebanyakan pemalsuan secara di *tamper* muka hadapan MyKad dikopek dan seterusnya dicetak maklumat MyKad di atas penyalut yang baru dengan maklumat penyamar. Walaupun demikian, *chip* asal memegangnya masih tidak dapat di inter atau di klon. Mengenai sijil kelahiran pula, pihak kementerian telah pun mengkaji kemungkinan teknologi bio-metrik digunakan. Setakat ini hanya negara Sepanyol yang menggunakan teknologi ini. Dengan adanya sistem bio-metrik di dalam sijil kelahiran akan dapat mengesahkan kesahihan pemegangnya. Dengan ini akan menghindar perbuatan penyalahgunaan oleh pendatang asing yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dokumen IMM 13 yang dikeluarkan di negeri Sabah adalah merupakan 23% daripada jumlah IMM 13 yang dikeluarkan di seluruh negara. Bagi Semenanjung, isu pemalsuan IMM 13 boleh dikatakan tidak berlaku. Ini adalah disebabkan dokumen ini perlu diperbaharui pada setiap tahun. Kekurangan tenaga

penguat kuasa menyebabkan pemegang IMM 13 yang telah tamat atau pemegang dokumen IMM 13 palsu dapat menghindarkan diri mereka daripada dikesan oleh agensi-agensi penguatkuasaan. Bagi membendung masalah ini, pihak Jabatan Imigresen telah mencadangkan dokumen IMM 13 dan dibekalkan dengan ciri keselamatan yang boleh membantu pihak penguatkuasaan mengenai dokumen IMM 13 palsu.

Dalam jangka masa panjang, dokumen ini akan dibekalkan dengan sistem bio-metrik di mana ciri-ciri keselamatan tidak akan mudah ditiru dan dipalsukan oleh sindiket. Tuan Yang di-Pertua, berhubung penarikan semula kad pengenalan yang dipegang atau dimiliki, adalah merupakan tindakan yang diambil secara berterusan. Ada di antara dokumen pengenalan tersebut dikeluarkan secara tidak teratur oleh kakitangan jabatan. Walaupun tindakan undang-undang telah diambil terhadap kakitangan yang melakukan kesalahan tersebut. Namun pemegang kad berkenaan tidak mudah dikesan. Itulah sebabnya tindakan penguatkuasaan dibuat secara berterusan, sehingga semua pemegangnya diambil tindakan dan kad pengenalan mereka ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mewujudkan undang-undang pelarian oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, negara ini bukanlah salah satu anggota negara yang menandatangani konvensyen berhubung dengan pelarian, oleh sebab itu kita tidak mengiktiraf pelarian. Namun begitu, oleh kerana desakan dari pihak UNHCR dan pihak-pihak NGO yang lain, dan atas asas kemanusiaan, negara ini memberikan peluang menetap untuk orang-orang pelarian secara sementara di negara ini. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan undang-undang mengenai pelarian kerana ianya adalah bertentangan dengan dasa kerajaan sebagaimana yang saya sebut di atas.

Berhubung dengan pendatang tanpa izin di Sabah, hanya perlu diatasi secara bersepadu oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Tindakan ini adalah meliputi tindakan penguatkuasaan, pusat tahanan sementara, pengusiran dan dasar pengambilan pekerja asing yang lebih kemas dan tersusun. Kenyataan semua pihak dalam membasmi pendatang tanpa izin adalah merupakan satu usaha yang akan menjamin kejayaan menyelesaikan masalah tersebut dari segi perundangan ianya amat jelas dan mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin saya tegaskan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri amat sedar masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah. Oleh sebab itu pihak kementerian merasa perlu untuk melibatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia bagi membantu pihak penguat kuasa Jabatan Imigresen menjejaki pendatang tanpa izin di mana sahaja mereka berada. Di samping itu juga penglibatan ahli-ahli politik di peringkat negeri dan pusat juga akan menganugerahkan jawatan-jawatan terhormat menunjukkan ketulusan dan keikhlasan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menangani masalah pendatang tanpa izin khususnya di Sabah, sekian terima kasih.

PERANAN MALAYSIA DI SRI LANGKA DIPERLUKAN

7.16 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kami berasa bangga dengan usaha Malaysia yang patut dipuji untuk menggalakkan keamanan dan kemakmuran di rantau ini dan di dunia. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad terkenal dengan pepatah dasar asingnya, memakmurkan negara jiran dan dasar asing yang menang. Malaysia adalah aktif dalam menyelesaikan pertikaian antarabangsa menghantar pasukan menjaga keamanan di seluruh dunia dan menawarkan perkhidmatan penghantar kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian. Seseengah contoh yang patut dipuji termasuk penjagaan keamanan dan menyelesaikan konflik di antara kerajaan Manila dan pemberontak Mindanao.

Konflik di antara Jakarta dan Orang Acheh, di antara Korea Utara dan negara-negara barat dan baru-baru ini di antara rejim tentera Myanmar dan *activist* demokrasi Aung San Suu Kyi. Seseengah konflik ini sedang berlaku sementara yang lain telah diselesaikan. Terima kasih kepada komitmen Malaysia terhadap keamanan dan penyelesaian konflik.

Baru-baru ini Malaysia telah menghantar pasukan untuk menjaga keamanan di Timor Leste. Mereka mengawal tempat-tempat utama seperti lapangan terbang dan hospital serta gedung daripada geng yang merompak. Mereka membahayakan diri demi keutamaan serantau itu. Tuan Yang di-Pertua, inisiatif yang patut dipuji ini mesti diteruskan dan satu kawasan yang memerlukan kepakaran Malaysia ialah di Sri Lanka.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui, Sri Lanka telah diranapkan oleh perang saudara lebih daripada 40 tahun dan usaha negara-negara barat dan India menjadi penghantar masih tidak menyelesaikan konflik di antara penduduk majoriti orang Singhala di selatan pulau dan penduduk minoriti orang Tamil di Timur Laut. Konflik itu telah membunuh kira-kira 64 ribu orang penduduk. Satu juta orang penduduk terpaksa berpindah dan pembangunan pulau dan perkembangan ekonomi terhalang. Seseengah anggaran menyatakan bahawa kerajaan telah membelanjakan 5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar untuk pertahanan dalam tahun-tahun ini.

Kedua-dua komuniti telah tinggal di pulau ini sejak dahulu dan kadang-kadang berperang, tetapi kebanyakan masa berkahwin campur dan tinggal bersama secara aman. Konflik baru-baru ini berpunca daripada penubuhan masyarakat Sri Lanka yang wujud menjelang zaman penjajahan British. Konflik itu telah diburukkan oleh Kerajaan Colombo yang menggunakan penyelesaian tentera ke atas isu perkauman. Penduduk pulau termasuk Muslim yang membentuk satu minoriti sering terperangkap di antara pihak-pihak yang berkonflik.

Tuan Yang di-Pertua, keadaannya ialah peperangan pasti akan meletus di Sri Lanka tidak lama lagi dan ramai penduduk telah lari dari negara itu menjadi orang pelarian di India.

Keadaan menjadi cemas Tuan Yang di-Pertua. Inilah masanya Malaysia menawarkan perikemanusiaannya dalam menyelesaikan konflik dan menjadi menghantar di antara pihak-pihak yang akan berperang. Malaysia harus menawarkan jasa baik dan kepakaran yang meluas dalam menyelesaikan konflik kepada pihak yang berkonflik di meja perundingan. Malaysia amat dihormati sebagai pakar menyelesaikan konflik. Malaysia telah menghantar pasukan menjaga keamanan di seluruh dunia untuk menjaga keamanan. Malaysia harus melihat keadaan pahit getir penduduk minoriti di Sri Lanka Tamil dan Muslim dan campur tangan dengan cara yang positif dan menawarkan dan menawarkan jasa baiknya untuk menjadi penghantar.

Malaysia harus menawarkan kepakaran untuk menyelesaikan konflik dan membawa kedua-dua pihak ke meja perundingan. Tuan Yang di-Pertua, hari ini juga merupakan *world day for International Justice*, saya harap satu *justice* yang akan dijalankan akan dilaksanakan oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sila.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat di atas segala sokongan dan pujian yang telah beliau sampaikan berhubung dengan usaha-usaha dan sumbangan Malaysia untuk menjaga keselamatan dan keamanan di rantau dan juga di peringkat antarabangsa. Sebagai sebuah negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang cintakan keamanan dan kedamaian, adalah menjadi tanggungjawab dan komitmen Malaysia untuk menyumbang di mana ia diperlukan kepada usaha-usaha memulihara keamanan dan kedamaian dunia seperti mempertahankan nilai-nilai sejagat seperti hak asasi manusia. Sebagaimana Yang Berhormat telah menyatakan banyak misi-misi yang telah kita terlibat dan ianya diberikan penghormatan pasukan dan kontinjen misi pengaman Malaysia, sama ada dari pasukan tentera atau pun dari pasukan polis adalah antara pasukan yang dihormati dan diyakini oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Malaysia mengambil bahagian kini dalam 10 operasi tentera pengaman di bawah PBB yang melibatkan sejumlah 83 anggota dari Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Di Raja Malaysia dan negara-negaranya seperti Congo, Ireteria, Eutophia, Timor Leste, Sahara Barat, Kosovo, Liberia Burundi, Sudan dan Haiti. Tetapi perkara prasyarat yang penting ialah supaya perkara-perkara yang begini hanya akan dapat berjaya jika ada kemahuan oleh kedua-dua belah pihak. Di Sri Lanka ingin saya memberitahu, konflik di antara kerajaan Sri Lanka dan gerila pemisah LTTE telah berlanjutan seperti mana Yang Berhormat mengatakan daripada tahun 1983 sehingga kini yang mengorbankan 65,000 orang, beribu-ribu penduduk terpaksa berpindah dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan pembangunan Sri Lanka terjejas. Ini terbukti berlaku dan pada masa ini, seperti mana Yang Berhormat juga mengetahui Norway, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun adalah negara-negara yang terlibat dalam proses damai di Sri Lanka. Sebelum ini, India cuba memainkan peranan sebagai orang tengah dan telah

menghantar pasukan penjaga keamanan ke Sri Lanka dari tahun 1987 sehingga 1990, tetapi tidak berjaya mengamankan kedua-dua belah pihak.

Sekarang keadaan di Sri Lanka adalah masih lagi tidak menentu dan stabil walaupun kedua-dua pihak menyatakan bahawa mereka masih menghormati perjanjian gencatan senjata yang ditandatangani di Oslo, Norway pada Februari 2002. Semasa lawatan saya ke Sri Lanka pada 21 hingga 23 Jun 2006 yang lalu, saya telah menemui pemimpin-pemimpin Sri Lanka termasuk Presiden dan Perdana Menteri dan beberapa Menteri lain. Mereka telah memberitahu saya bahawa kerajaan Sri Lanka masih lagi komited dengan proses damai yang sedang diusahakan oleh Norway dan anggota-anggota pengerusi bersama proses damai Sri Lanka. Saya juga dimaklumkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh kerajaan Sri Lanka ialah serangan oleh gerila LTTE yang mengakibatkan kematian ke atas ramai rakyat Sri Lanka. Dalam hal ini saya telah menyuarakan harapan kepada pemimpin Sri Lanka agar proses damai di negara tersebut mencapai kejayaan. Saya juga telah menekankan betapa pentingnya bagi kedua belah pihak dapat meneruskan usaha rundingan dan diplomasi bagi mengelakkan konflik ini berterusan, untuk mencari jalan penyelesaian melalui proses yang sedang diusahakan oleh Norway.

Malaysia amat prihatin mengenai keganasan yang dihadapi oleh rakyat Sri Lanka yang menjadi mangsa kepada konflik bersenjata. Walau bagaimanapun oleh kerana banyak pihak yang telah terlibat maka saya percaya kerajaan Sri Lanka mempunyai kemampuan dan daya tahan untuk menangani masalah dalaman mereka. Selain dari itu, biarlah kita tengok bagaimana usaha-usaha yang dijalankan oleh Norway dan Amerika Syarikat yang telah lama terlibat dan tidak perlu untuk Malaysia buat masa ini terlibat secara langsung dalam usaha mencapai kedamaian. Yang pentingnya ialah setiap rakyat Malaysia mesti memberikan sokongan kepada usaha-usaha untuk mencapai keamanan dan kedamaian di sana. Dan kita mesti dilihat sebagai sebuah negara yang mempunyai pandangan yang tidak campur tangan di masa yang sama mahu melihat kedua belah pihak mencari penyelesaian yang dapat diterima oleh kedua belah pihak. Dan kerajaan Sri Lanka memberi jaminan bahawa mereka masih mahukan rundingan dan dialog diteruskan. Oleh itu kita tidak mempunyai niat buat masa ini untuk campur tangan atau mengambil peranan memainkan usaha damai sedangkan usaha-usaha tersebut telah pun dilaksanakan oleh negara-negara lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat aturan urusan mesyuarat pada hari ini, dapatlah kita selesaikan dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.25 petang